



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Kekecohan Berpunca Peraturan Mesyuarat
Yang Tidak Penting

(Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 4)

USUL:

Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong
- *Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai)*

(Halaman 24)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelevu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

13. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
18. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato' Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Amirsham A. Aziz – *Senator*
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB

21. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
23. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
31. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
32. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Saifuddin bin Abdullah (Temerloh) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
19. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
20. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
21. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
22. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
23. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
24. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
28. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO

29. Yang Berhormat Dato' Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. “ Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
32. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
35. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
36. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
37. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
38. “ Dato' Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
39. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) – UPKO
40. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
41. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
42. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
43. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
44. “ Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
45. “ Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
46. “ Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
47. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
48. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
49. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
50. “ Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
51. “ Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
52. “ Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
53. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
54. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
55. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
56. “ Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
57. “ Dato' Seri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO

58. Yang Berhormat Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
59. “ Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
60. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) – SUPP
61. “ Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
62. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
63. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
65. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
66. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
67. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)

11. Yang Berhormat Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
12. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
13. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
14. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)

13. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. “ Tuan Haji Roslan Shaharum (Bukit Gantang)
18. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)

19. Yang Berhormat Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Ikmalrudin bin Ishak

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nurul'aini binti Wahab

Siti Norhazarina binti Ali

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 5 Mei 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****KEKECOHAN BERPUNCA PERATURAN MESYUARAT
YANG TIDAK PENTING**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada persidangan hari Rabu yang lalu kita telah banyak menghabiskan masa mesyuarat atas kekecohan yang berpunca dari gelagat beberapa ahli yang telah membangkitkan *point of order* atau masalah peraturan mesyuarat, yang pada pendapat saya sesuatu perkara yang tidak begitu penting. Ia tidak begitu penting sebab seandainya pun *point of order* yang telah dibangkitkan itu berasas, persidangan kita pada hari itu, iaitu hari Rabu dan pada hari Isnin dan hari Selasa tetap juga terjamin kesahihannya di bawah Peraturan Tetap 99A.

Untuk menjimatkan masa, saya tidak akan melayani perkara *point of order* yang akan ditimbulkan sebelum sesi soal jawab selesai kecuali *point of order* yang dibangkitkan itu benar-benar bertujuan untuk membantu saya sebagai Pengerusi Mesyuarat untuk kelicinan perjalanan mesyuarat dan bukan sebaliknya, iaitu sengaja ditimbulkan untuk mengganggu kelicinan perjalanan mesyuarat.

Contoh *point of order* yang betul tetapi mengganggu kelicinan mesyuarat ialah pada persidangan hari Rabu lalu, Yang Berhormat Bandar Kuching berkeras supaya Peraturan Mesyuarat 23(1)(r) dikuatkuasakan sebab soalan nombor 2 dari Yang Berhormat Kinabatangan, kononnya melanggar Peraturan 23(1)(r) oleh sebab soalan tersebut melebihi daripada 40 perkataan.

Pejabat Tuan Yang di-Pertua sengaja memasukkan soal itu walaupun melebihi 40 perkataan kerana kepentingan rakyat. Lagipun, soalan berikutnya iaitu soalan nombor 3 daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, iaitu Ketua Pembangkang sendiri juga melebihi 40 perkataan. Kalau saya tidak membenarkan soalan nombor 2 atas sebab melanggar Peraturan Mesyuarat 23(1)(r) seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, maka saya juga terpaksa tolak soalan nombor 3. Setelah mengambil kira kepentingan rakyat dan kepentingan Dewan yang mulia ini, maka saya menerima kedua-dua

soalan tersebut dan menetepikan soal teknikal di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(r).

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nampak dari gelagat semua, rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat. Itu adalah semestinya. Akan tetapi, pegangan ini tidak bermakna sama sekali sekiranya di samping berpegang kepada prinsip peraturan mesyuarat, tetapi pada masa yang sama Ahli-ahli Yang Berhormat juga mencabuli prinsip-prinsip peraturan-peraturan itu.

Ingat, sesiapa yang mahu kesaksamaan, hendaklah menonjolkan sikap yang saksama. Atas sebab itu, seseorang Ahli Yang Berhormat yang melanggar peraturan mesyuarat atau tidak menghormati peraturan mesyuarat, tidak boleh menggunakan peraturan mesyuarat sebagai perlindungan. Antara lain, prinsip kesaksamaan ialah, "*He who seeks equity, must do equity*". "Sesiapa yang mencari kesaksamaan, mesti bersikap saksama". "*Equity must be used as a shield and not as a sword*". "Kesaksamaan mesti digunakan sebagai taming dan bukannya sebagai pedang". "*He who comes to equity must come with clean hand*". "Sesiapa yang bertandang ke pintu kesaksamaan, mesti datang dengan tangan yang bersih". Sekian. [Tepuk]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah saya bercakap? Bolehkah saya memberitahu kepada Tuan Yang di-Pertua apakah *point of order* itu?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ini membantu saya untuk kelicinan mesyuarat pada pagi ini?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan tadi, *point of order* tidak boleh dibangkitkan hanya selepas *questions hours*.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas sidang sesi soal jawab.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua. *Standing Order* ini adalah dibuat di bawah Artikel 62 Perlembagaan dan ada...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham, saya faham Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jika faham Tuan Yang di-Pertua, ini dijadikan satu perkara yang serius.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pendapat Yang Berhormat Bukit Gelugor. Pendapat saya ialah, saya akan *deal* ataupun buat keputusan kepada perkara-perkara *point of order* yang dibangkitkan selepas sesi soal jawab.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...*point of order* yang berbangkit sebelum itu.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat Bukit Gelugor...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dalam Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, tolonglah Yang Berhormat Bukit Gelugor senyap apabila Tuan Yang di-Pertua bercakap. Yang Berhormat Bukit Gelugor, bolehkah Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya bawa ke perhatian Peraturan Mesyuarat 43? Cuba Yang Berhormat Bukit Gelugor baca dahulu Peraturan Mesyuarat 43. Yang Berhormat Bukit Gelugor lambat rupanya dalam perkara ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Keputusan Tuan Yang di-Pertua itu adalah muktamad. Itu...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya belum siap lagi Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu keputusan tidak sah. Tidak boleh menyoalkan keputusan yang...

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat Bukit Gelugor baca dahulu Peraturan Mesyuarat 43, apa maksud Peraturan Mesyuarat 43, untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang hadir pada mesyuarat pada hari ini?

■1010

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Speaker, saya tahu peraturan itu.

Tuan Yang di-Pertua: 43 bermaksud bahawa...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya sudah ada dalam Dewan ini untuk 26 tahun. Saya mengetahui apa...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Bukit Gelugor 26 tahun, maka itulah selama pengalaman 26 tahun itu, gunakanlah dengan sebaik mungkin.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Speaker, tidak jadi seperti ini, tidak boleh bangkit *point of order* hanya selepas soal jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh membangkit *point of order* sekiranya...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak, tidak seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: ...membantu saya sebagai Yang di-Pertua, tetapi kalau semata-mata untuk mengganggu seperti yang saya sebut tadi awal-awal...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Maafkan saya, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Bukit Gelugor, 43, apa maksud sebenar 43? Saya mahu dengar sendiri daripada Bukit Gelugor. "Apabila Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan, keputusan itu adalah muktamad dan sesiapa ahli yang tidak berpuas hati, boleh membuat usul." Itu 43.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya faham 43.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang, sila, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jangan sila, Tuan Speaker. Ini jadi satu *dictatorship*. Tidak boleh diterima. [Disampuk] Tidak boleh ada seorang Speaker menjadi diktator, tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Gelugor, apabila saya *dictatorship*, bermakna saya tidak ikut peraturan mesyuarat, tetapi awal-awal tadi sudah saya kasi mukadimah, pemasyhuran bahawa itu yang seharusnya kita buat sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi kalau Bukit Gelugor berterusan dengan gelagat Bukit Gelugor, saya boleh pakai lagi kuasa yang lain. *[Disampuk]* Adakah ini kehendak Bukit Gelugor sendiri?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Point of order*, Tuan Speaker. Boleh saya bangkitkan...

Seorang Ahli: Tuan Speaker, teruskan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Point of order*, Tuan Speaker.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Mana boleh?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Speaker, boleh saya bangkitkan Perkara 43? Satu sahaja saya hendak baca, hendak beritahu Tuan Speaker, dengan kebenaran Tuan Speaker bahawa adalah tugas Tuan Speaker, "Tuan Speaker *shall be responsible for the observance of the rules.*" Semua masalah yang kita bangkit kerana Tuan Speaker tidak ikut peraturan. Itulah masalah kita. Kalau kita semua boleh ikut peraturan, tidak ada kekecohan berlaku di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Beruas, Beruas, sila duduk. Itu makanya dalam pemasyhuran saya, saya katakan harus semua mematuhi peraturan mesyuarat dan peraturan mesyuarat ialah apabila Tuan Speaker umpamanya bercakap, jangan sesiapa yang bercakap, apabila Tuan Speaker membuat keputusan, maka keputusan itu muktamad. Itu kan peraturan kita? Jadi kalau juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat, umpamanya macam Bukit Gelugor mahu juga memanjangkan isu ini, maka saya boleh pakai kuasa yang lain. Kalau tidak, tidak boleh kita bermesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Speaker, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Sila setiausaha, teruskan.

Seorang Ahli: Ikut peraturan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Speaker.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan bilakah kerajaan akan menggubal undang-undang mengenai penjanaan dan pembekalan tenaga bagi memastikan wujudnya sistem pengurusan tenaga yang mampan (*sustainable*) merangkumi semua pihak di samping mempelopori usaha penjanaan tenaga dari sumber-sumber yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) seperti biofuel (termasuk bioethanol dan biodiesel), sisa bahan asli (*biomass*) dan solar.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memaklumkan bahawa semasa kerajaan menggubal Akta Suruhanjaya Tenaga (Akta 610) pada tahun 2001, salah satu fungsi Suruhanjaya Tenaga ialah promosi tenaga boleh diperbaharui, *renewable energy*, dengan izin, dan kecekapan tenaga, *energy*

efficiency. Di bawah dasar kepelbagaian bahan api iaitu dasar lima bahan api, *five fuel policy*, dengan izin, yang diperkenalkan pada tahun 2000, dasar bahan api kelima tenaga boleh diperbaharui, *renewable energy* (RE) dan kecekapan tenaga, *energy efficiency* (EE) telah pun diperkenalkan semenjak Rancangan Malaysia Kelapanan tahun 2000 ke tahun 2005 untuk tujuan penggalakan pembangunan sumber-sumber tersebut ke arah pengurusan tenaga yang mampan.

Sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang dikenal pasti termasuk *biomass*, biogas, sisa buangan bandaran, *municipal waste*, dengan izin, tenaga suria, angin dan mini hidro. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan penggunaan sumber RE dalam penjanaan tenaga elektrik dengan memperkenalkan Program-Program Pembangunan Jana Kuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharui atau *Small Renewable Energy Power Program* (SREPP) pada tahun 2001.

Di bawah program ini, projek-projek RE dibenarkan untuk menjual kuasa elektrik melalui sambungan grid sehingga had 10 megawatt kepada utiliti-utiliti tenaga. Kerajaan juga sedang dalam usaha menyediakan pelan tindakan RE yang merangkumi aspek polisi *Renewable Energy Power Purchase Agreement* ataupun REPPA dan kewangan, *funding* dan *financing*. Ini adalah penting untuk memastikan pembangunan RE di dalam negara dapat mencapai tahap yang tinggi dan memberi sumbangan yang penting dalam campuran bahan api negara.

Pelan Tindakan RE ini juga akan merangkumi aspek keperluan rangka perundangan mekanisme pelaksanaan dan rangka infrastruktur kewangan untuk menggalakkan RE. Dengan adanya Pelan Tindakan RE ini, dijangka rangka perundangan untuk pembangunan RE akan dapat disediakan kerana ia boleh menjadi pemangkin untuk menggerakkan pembangunan RE di negara ini. Selain daripada itu, untuk mempertingkatkan langkah-langkah penjimatan tenaga, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan membuat kajian untuk menyediakan Pelan Induk Kecekapan Tenaga, EE *master plan*.

Pelan induk ini dijangka akan dapat mempertingkatkan usaha kerajaan untuk menjadikan amalan penggunaan tenaga yang cekap, *energy efficiency*, dengan izin, di pihak industri, komersial dan juga pengguna domestik. Satu kerangka perundangan untuk kecekapan tenaga dijangka akan diwujudkan untuk memastikan usaha ini akan menjadi realiti kerana penggunaan tenaga yang cekap. Dengan kedua-dua usaha ini, negara akan dapat mencapai aspirasi untuk menguruskan tenaga secara yang mampan. Terima kasih.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bertolak dari latar belakang bahawa sumber-sumber atau punca tenaga daripada sumber yang konvensional seperti gas, arang batu dan minyak semakin susut dan semakin meningkat kosnya, apakah kerajaan juga sedar bahawa ramalan mengenai keperluan tenaga negara kita juga semakin meningkat dan ini menimbulkan persoalan keselamatan sebenarnya. Jadi soalan saya ialah apakah langkah-langkah ataupun insentif yang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi memungkinkan pengeluaran tenaga daripada sumber alternatif seperti Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi betul-betul dilaksanakan secara agresif? Mohon disenaraikan insentif-insentif yang telah diambil setakat ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Machang. Saya amat gembira apabila Yang Berhormat dari Machang juga bersetuju mengatakan bahawa pada hari ini belanja ataupun kos untuk mengeluarkan tenaga elektrik pada hari ini telah meningkat dan kita juga perlu tahu bahawa walaupun negara kita, kita mempunyai hasil bumi seperti gas dan

minyak, tetapi hasil ini tidak akan berpanjangan selamanya kerana kita tahu satu hari nanti gas, mungkin 35 tahun atau 39 tahun dari sekarang akan habis. Begitu juga minyak yang hasil simpanannya dalam masa 15 tahun akan habis kalau kita gunakan sebagaimana yang kita gunakan pada hari ini.

Sebab itu apabila kerajaan ataupun kementerian ini melaksanakan program-program sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kita ada *five fuel policy*, kita beri penekanan kepada *renewable energy* dan antara perkara-perkara yang kementerian ini tekankan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha ini untuk memberi khidmat dalam *generation* ini. Kita memberi peluang kepada mereka ini supaya mendapat *tax incentive* supaya mereka boleh membeli peralatan-peralatan untuk mereka buat *generation plant* ini, mendapat pelepasan cukai.

Selain itu kerajaan juga telah meminta atau kementerian ini telah meminta Tenaga Nasional Berhad yang sebelum ini mereka hanya bersetuju memberi harga sebanyak 17 sen ditingkatkan lagi harga 19 sen dan ke 21 sen bagi *generation plant* yang menggunakan *biomass* dan ini adalah antara usaha-usaha kerajaan untuk memastikan bahawa *five fuel policy* ini akan berjalan dengan lancar, akan memberi penambahan kepada kapasiti pengeluaran tenaga yang ada di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bercakap pasal tenaga, di Semenanjung kita bercakap pasal tenaga, di Sabah kita cerita pasal Sabah *Electricity Sdn. Bhd.* Ini dua perbezaan, Tuan Speaker. Jadi saya mahu tahu dari menteri, kalau ada dua perbezaan. Di Sabah kerap kali putus bekalan, kerap kali. Kalau di Semenanjung, ia putus satu jam, satu dunia heboh. Di Sabah seharian, pampasan pun tidak ada, Tuan Speaker.

■1020

Jadi ada berlainan, ada *double standard*. Ini kita mahu tahu daripada menteri sendiri. Kalau tidak ada *double standard*, selesaikan masalah yang kerap kali terputus bekalan elektrik di Sabah, di seluruh negeri Sabah.

Dua minggu lalu di seluruh negeri, bila kita tanya, mereka katakan, "kabel kena curi, transformer kena curi". ACSB Tenaga satu *corporation* yang besar. Mustahil dapat kita membuat pernyataan bahawa kabel kena curi, transformer kena curi. Bolehkah masuk akal bahawa, kita ini satu negara di mana di Semenanjung putus, satu dunia heboh. Di Sabah, tak apalah. Minta menteri beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila menteri.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Kalabakan. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan rasa simpati pada seluruh penduduk negeri Sabah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan berhubung dengan bekalan elektrik di negeri Sabah. Apabila bekalan elektrik ini, tiga perkara utama perlu diberi perhatian. Pertama adalah dari segi *generation*nya, jana kuasanya. Kedua adalah dari segi *transmission*nya, transmisi dan yang ketiga adalah dari segi *distribution*nya, ini untuk menghantar ke pencawang-pencawang ataupun ke rumah-rumah.

Dalam hal ini, di negeri Sabah sebelum ini ianya bukanlah merupakan milik penuh Tenaga Nasional Berhad, sebab itu ada sedikit perbezaan. Walau bagaimanapun, kementerian ini pada hari ini telah meminta pertamanya, Kabinet supaya meluluskan dengan segera. Dua, *generation plant* yang menggunakan gas di negeri Sabah, pertamanya SPR dan keduanya di Tuaran.

Perkara ini telah diangkat ke Kabinet dan secara umumnya Kabinet bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara *fast track*, kerana menyedari hakikat bahawa di negeri Sabah ia hanya mempunyai kapasiti *reserve margin* yang begitu kurang. Malah saya boleh mengatakan sebenarnya bagi negeri Sabah, ianya tidak mempunyai *reserve capacity* lagi pada hari ini.

Oleh kerana di negeri Sabah mereka terpaksa menggunakan *bush* ataupun rakit yang membawa jana kuasa untuk membekalkan *electricity* di negeri Sabah, untuk mencukupi bekalan *electricity* di negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu, kementerian telah meminta supaya Kabinet meluluskan *fast track dual generation plant* ini.

Di samping itu, kementerian juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah, walaupun menolak IPP yang menggunakan jana kuasa arang batu sebanyak 300 mega watt di Lahad Datu, tetapi mengemukakan cadangan baru tempat mana yang sesuai dilakukan di negeri Sabah, kerana menyedari hakikat bahawa kekurangan bekalan elektrik di negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya, dari segi *transmission* lainnya. Memandangkan sebelum ini Sabah ACSB ini tidak dimiliki oleh Tenaga Nasional Berhad secara sepenuhnya, maka sistem transmisinya tidak sebaik sebagaimana yang ada di Semenanjung ini, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu berlaku kadang-kadang satu *tower collapse*, satu menara *collapse* seluruh negeri Sabah itu akan mengalami kegelapan.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kalabakan itu tidak sepatutnya berlaku dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Kalabakan. Akan tetapi perkara ini boleh diperbaiki apabila kementerian ini meminta kerjasama daripada Kementerian Kewangan supaya menambah peruntukan, dan meminta ACSB supaya memperbaiki *transmission* lain yang ada di negeri Sabah ini, supaya ia juga mempunyai *loop* sebagaimana yang ada di *peninsular* ataupun di Semenanjung pada hari ini supaya satu hari nanti. Sekiranya satu *transmission tower* tumbang, ataupun dua *transmission tower* tumbang di negeri Sabah, tidak seluruh negeri Sabah itu akan menghadapi kegelapan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. **Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada kerajaan akan memperkenalkan langkah baru dalam menangani masalah kenaikan harga barang sejajar dengan kenaikan harga minyak dan makanan di seluruh dunia agar bantuan kepada rakyat berpendapatan rendah dapat dibuat dengan lebih berkesan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia, ini memanglah soal inflasi ataupun kenaikan harga barang-

barang merupakan satu perkara yang dipandang berat oleh kerajaan dan ia sudah pun diletakkan di antara agenda-agenda utama kerajaan hari ini.

Sehingga kalau kita ingat kembali kepada pagi Ahad yang lepas, atau semalam, sudah pula terbaca ucapan daripada Perdana Menteri yang menyatakan bahawa mungkin kos projek-projek pembangunan itu akan dikurang dan demi untuk mempertahankan bekalan dan harga makanan. Itu sahaja menunjukkan sikap dan perhatian yang diberikan oleh kerajaan kepada masalah inflasi yang melanda bukan sahaja negara kita, tetapi melanda seluruh negara pada hari ini.

Oleh itu, langkah-langkah baru seperti mana yang telah dijanjikan dalam soal yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Rembau, di antara langkah-langkah baru yang telah diambil oleh kerajaan ialah pertamanya dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Anti Inflasi, membendung inflasi, yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri dan sekarang bermesyuarat sekali seminggu dan mesyuarat yang pertama pada 1 April 2008 dan yang terakhir pada 29 April yang lalu.

Daripada mesyuarat itu, dan telah juga dibentangkan satu dasar jaminan makanan negara atau *security* makanan negara dan satu peruntukan sebanyak RM4 billion juga, Tuan Yang di-Pertua, telah disediakan selain daripada peruntukan perbelanjaan kerajaan yang sedia ada. Satu peruntukan yang baru sebanyak RM4 billion telah disediakan bagi pelaksanaan dasar ini dan setakat ini sejumlah RM2.5 billion telah dipohon.

Untuk tujuan membantu sektor pertanian, dari segi menambahkan bekalan makanan ruji negara supaya ia mencukupi, melalui pengekalan dan juga penambahan kawasan-kawasan tanaman padi serta meningkatkan jumlah stok penimbal beras negara itu sendiri.

Kedua, untuk membantu mengurangkan kos pengeluaran bagi petani dan penternak, dan ketiga bagi menggalakkan amalan berdikari melalui pelaksanaan semula Program Buku Hijau dan juga diberikan di peringkat pengguna, atau di peringkat pengedaran pula, diberikan subsidi kepada barang-barang perlu di peringkat pengguna untuk menstabilkan harga runcit barang-barang tersebut. Bagi barang-barang perlu ini terdapat, bagi barang makanan enam kesemuanya termasuk beras dan yang lain terdiri daripada petrol, diesel, besi keluli, dan simen dan minyak masak.

Selain daripada itu, juga dicadangkan untuk menambah baik Sistem Pengedaran Barangan Makanan termasuk mewujudkan juga stok penimbal bagi barang-barang perlu selain daripada beras. Jadi penambahbaikan ini termasuk mengkaji semula asas kawalan harga dan juga kawalan import barang-barang tertentu, untuk menentukan agar faedah daripada penurunan barang dan bekalan barang ini dapat dirasakan oleh pengguna.

Kita juga, saya rasa lebih memahami tentang bagaimana kenaikan harga minyak di peringkat dunia, telah menambahkan beban subsidi dan memerlukan perbelanjaan wang rakyat bagi tujuan memberi subsidi kepada petrol dan juga diesel. Oleh sebab itu, pihak kerajaan sudah pun meminta kepada jabatan-jabatan kerajaan yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perancangan Ekonomi untuk memikirkan, untuk membuat keputusan terhadap satu sistem pengurusan subsidi bagi menentukan supaya dapat dikurangkan atau dihalang daripada berlakunya kebocoran dan juga ketirisan serta penyelewengan, terhadap bahan yang bersubsidi ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tanggungan subsidi bagi bahan api meningkat setiap kali harga bahan api dunia, harga minyak mentah dunia meningkat.

■ 1030

Ini sangat memerlukan kita untuk melaksanakan sistem pengurusan subsidi ini supaya kita dapat menjimatkan perbelanjaan wang kerajaan. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara baru yang telah pun kita lakukan dari segi prinsipnya ialah bahawa kalau kita benar-benar hendak membantu golongan berpendapatan rendah, melindungi mereka daripada kesan inflasi, prinsip-prinsip yang baru pertamanya ialah bahawa - dan ini pun sudah dilaksanakan, kita harus menyeragamkan harga sesuatu barang perlu itu yang mendapat subsidi daripada kerajaan ataupun yang diletakkan dalam kawalan oleh kerajaan harus diseragamkan bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ini bagi saya merupakan prinsip asas untuk kita menerima bahawa negara kita bukan hanya terletak di Semenanjung sahaja tetapi lebih-lebih lagi kerana kumpulan berpendapatan rendah lebih ramai di negeri Sabah dan Sarawak.

Prinsip yang kedua ialah haruslah kita dari segi subsidi menentukan bahawa hanya satu golongan atau satu barisan barang-barang yang perlu sahaja mendapat subsidi dan bantuan daripada kerajaan demi kebaikan kumpulan sasaran yang kita hendak tolong, iaitu merupakan prinsip yang ketiga, kita harus pasti tentang kumpulan sasaran yang hendak kita tolong iaitu kumpulan masyarakat berpendapatan rendah supaya mereka dibendung daripada masalah dan kesan inflasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua dapat menyeimbangkan antara jawapan yang panjang, yang kadangkala hingga 10 minit dan memberi peluang untuk ahli-ahli di sini menanyakan soalan tambahan. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, penanaman padi langkah baru memang mengambil masa mungkin hingga 10 tahun sebelum hasil itu dapat dinikmati. Walau bagaimanapun, saya bersetuju kita menyeragamkan harga di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Ini memang satu langkah yang perlu diambil. Walau bagaimanapun, sekarang kita nampak banyak barang termasuk kerosin atau minyak tanah pada bulan Januari bagi satu liter harganya RM2.75. Pada Mac tahun ini harganya bagi satu liter ialah RM2.90 dan sekarang ini pada bulan Mei RM3.20. Apakah itu keberkesanan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Anti Inflasi dan juga agensi-agensi penguatkuasaan yang dapat membendung atau mencegah daripada berlakunya kenaikan harga secara 'curi-curi'?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Terima kasih. Saya tidak berapa... Ini secara merangkak atau mencuri-curi. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Saya percaya bahawa tujuan soalan ini ialah untuk menyatakan bahawa adanya '*creeping inflation*' atau tidak disedari bahawa harga barang-barang telah naik secara 'curi-curi'.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya sebutkan tadi mengenai prinsip-prinsip dari segi membendung inflasi bahawa saya telah menyatakan bahawa antara prinsipnya ialah selain daripada penyeragaman harga antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Keduanya ialah dari segi menentukan kumpulan barangan perlu yang boleh kita kawal. Dalam amalan hari ini terdapat 11 barang kawalan iaitu ditambah dengan beras di bawah akta yang lain ialah 12 dan di situ termasuk minyak masak, petrol, LPG, gas petroleum cecair, besi keluli

dan simen. Dari segi bahan makanan hanya lima barang dan termasuk beras enam barang.

Dari segi kemampuan, saya rasa kemampuan kita untuk mengatasi masalah inflasi harus kita melihat kepada satu kumpulan barang-barang perlu yang dapat kita kawal untuk menentukan supaya harga mereka dapat ditetapkan pada harga yang munasabah sama ada melalui sistem subsidi ataupun melalui pembetulan dan penambahbaikan pasarannya sendiri. Ini kerana kadang kala kita boleh menambah bekalan itu dengan cara membolehkan pengimportan kepada barang berkenaan.

Bagi kerosin ia tidak termasuk dalam barang kawalan yang diletakkan bagi petrol, kalau dibandingkan bagi petrol dan diesel. Dengan sebab itu ia tidak dikawal seperti mana yang dikawal oleh kita terhadap petrol, diesel serta LPG. Kalau kita hendak masukkan kerosin, saya rasa beban subsidi inflasi itu akan bertambah dengan kenaikan harga minyak mentah. Pada hari ini pun saya rasa kita berdepan dengan satu pilihan bagaimana wang yang begitu banyak yang digunakan subsidi untuk pengangkutan dan perjalanan - subsidi bagi harga petrol dan diesel, mampukah kita berterusan dalam keadaan itu dan dalam keadaan kita perlu membuat pilihan pula untuk memberi subsidi kepada barang makanan.

Jadi kita berhadapan dengan keadaan itu. Kalau kita sudah pun berbelanja/menanggung RM30 bilion subsidi bagi bahan api dan sekarang kita mengkhaskan RM4 bilion bagi bahan makanan, ini bermakna pada keadaan dunia sekarang ini mungkin kita akan berhadapan dengan satu keadaan di mana kita perlu memilih pula subsidi untuk makanan ataupun subsidi untuk bahan api.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri yang diterbitkan dalam akhbar tempatan pada 2 Mei iaitu mengenai cadangan untuk menubuhkan majlis khas untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai krisis kenaikan harga barang. Yang Berhormat Menteri juga mencadangkan supaya majlis ini dianggotai oleh wakil parti pembangkang.

Soalan saya ialah memandangkan Yang Berhormat Menteri menawarkan kepada pihak pembangkang peluang untuk menganggotai majlis ini. Adakah kerajaan sanggup menerima cadangan pihak pembangkang yang juga janji pilihan raya mereka iaitu untuk menurunkan harga petrol dengan menggunakan keuntungan Petronas? Atau adakah ini cadangan populis yang tidak realistik memandangkan hasil simpanan Petronas semakin kurang dan Petronas terpaksa menggunakan sebahagian daripada keuntungan mereka untuk mencari minyak di negara-negara lain seperti Sudan, Iran dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang soalan tambahan ini lebih panjang daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Begitulah.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tidak mengapalah, Ahli Parlimen Rembau, Ahli Parlimen baru. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas pertanyaannya termasuk jugalah Yang Berhormat Kepong sebentar tadi. Izinkan saya juga mengambil masa yang lebih sedikit untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, tentang soal penglibatan Ahli Pembangkang di dalam soal kenaikan harga. Pertamanya, kadangkala kita berhadapan dengan satu keadaan yang berbeza, kita menjadi pembangkang di

Parlimen tetapi tidak pula menjadi pembangkang di kerajaan negeri. Ini mungkin perlu diselesaikan - dari segi menjadi sebab mengapa perlu bahawa rundingan dan penyertaan semua pihak dalam menghadapi masalah inflasi.

Kedua, dari segi kita menggunakan keuntungan Petronas sebanyak RM10 bilion untuk menurunkan harga minyak petrol dan diesel. Bagi saya dan saya rasa juga rakan-rakan saya yang lain bahawa ini satu penyelesaian yang *simplistic* yang hanya menggunakan wang yang ada untuk memuaskan atau menyelesaikan keadaan pada ketika itu.

■1040

Ketika itu pun belum lagi timbul satu keadaan di mana wang subsidi perlu digunakan juga untuk bahan-bahan makanan dan sebab itu hari ini saya rasa kalau saya bertanya secara rambang berkenaan dengan penggunaan wang RM10 bilion itu, mana lebih baik, ramai kawan-kawan saya ataupun melalui *survey* atau bancian yang saya buat menyatakan lebih baik memberi subsidi kepada makanan daripada terus menerus memberi subsidi kepada bahan api ataupun kepada petrol dan diesel. Sebab itu tumpuan kerajaan ialah untuk mengurangkan penyelewengan dan pembocoran serta penyeludupan serta ketirisan yang sedang berlaku sekarang kepada bahan api.

Subsidi itu sebenarnya dirasakan oleh semua tanpa kira kemampuan dan keperluan mereka. Tambah lagi saya rasa apabila kita menekan minyak semasa memandu kereta, kita melanggar had laju, itu juga satu tanda bahawa kita tidak menghargai subsidi yang diberikan oleh kerajaan dan satu pembaziran. Jadi kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau ada RM10 bilion, saya rasa lebih baiklah kita salurkan kepada bahan makanan. Sekurang-kurangnya rakyat berpendapatan rendah yang tidak ada kenderaan boleh hidup selamat dalam negara kita ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen lama nak minta satu lagi soalan tambahan. Masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Dua, dua. Untuk hari ini dua dulu. Puan Teresa Kok Suh Sim sila.

3. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kementerian akan terus bekerjasama dengan lima kerajaan negeri yang ditadbir oleh DAP-PKR-PAS untuk menarik pelaburan asing dan memberi insentif kepada pelabur asing yang melabur di lima negeri tersebut.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita memang menggalakkan kemasukan pelabur asing ke semua negeri tidak terkecuali negeri-negeri yang dipimpin oleh parti-parti bukan Barisan Nasional. Justeru itu, semua insentif sama ada yang sedia ada ataupun insentif baru, akan terus diberikan kepada semua pelabur-pelabur yang terlibat dalam pelaburan di negeri-negeri yang berkenaan. Kerajaan akan memastikan bahawa hasil pelaburan ini tentunya akan dapat dinikmati oleh semua rakyat. Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pelaburan asing merupakan faktor penting yang menyumbang kepada

pembangunan negara dan Kerajaan Pusat tidak akan mendiskriminasikan mana-mana kerajaan negeri.

Justeru itu, kerajaan negeri di kelima-lima negeri yang tersebut itu adalah digalakkan untuk meneruskan polisi-polisi yang sedia ada dengan izin yang *pro-business* untuk meneruskan prestasi cemerlang yang diwarisi dalam menarik kemasukan pelaburan asing ke negara kita. Apa yang diharapkan oleh saya, Tuan Yang di-Pertua, di samping itu ialah supaya kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan ini tidak memperkenalkan ataupun melaksanakan apa-apa dasar baru di peringkat negeri yang di anggap tidak merupakan satu dasar yang proaktif bagi menarik pelaburan ke negeri-negeri mereka atau yang juga mungkin di anggap bercanggah dengan dasar dan perundangan yang telah lama dilaksanakan secara dikuatkuasakan di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengalu-alukan pendirian dan juga pandangan yang terbuka daripada Yang Berhormat Menteri. Di sini saya ingin bertanya, sejak saya mengangkat sumpah menjadi *Exco* Kerajaan Negeri yang menguruskan jawatan [*Dewan riuh*] yang menguruskan pelaburan, perindustrian dan perdagangan, saya telah pun cuba beberapa kali untuk membuat temu janji untuk berjumpa dengan pegawai MIDA tetapi, saya tidak dapat apa-apa *appointment* sehingga hari ini. Apakah ini adalah arahan daripada pihak atasan [*Dewan riuh*] ataupun daripada pegawai yang terlibat sahaja?

Jadi saya ingin tanya juga Yang Berhormat Menteri, sudikah Yang Berhormat Menteri memanggil satu dialog, taklimat ataupun perbincangan untuk menjemput pemimpin-pemimpin daripada kelima-lima negeri yang ditadbir oleh DAP-PKR-PAS. Ini untuk membincangkan isu-isu dan juga menggubal strategi untuk menarik pelabur asing.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya sedar bahawa ini adalah satu perkara baru di mana pegawai-pegawai saya menghadapi kerajaan yang tidak dipimpin oleh Barisan Nasional. Jadi mereka belum lagi dapat menyesuaikan dengan keadaan ini tetapi saya telah pun memberitahu kepada mereka apabila diperlukan oleh pihak kerajaan-kerajaan negeri ini terutama Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjaga tentang soal industri untuk mendapatkan sedikit maklumat dan taklimat yang tertentu, maka pihak pegawai bolehlah menyampaikan kepada Yang Berhormat. Saya berpendapat bahawa apa pun usaha yang kita perlu laksanakan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, mestilah sesuatu yang boleh meningkatkan pelaburan ke dalam negara. Kita berhadapan dengan masalah persaingan yang sekarang ini menjadi lebih sengit di peringkat antarabangsa.

Kalau Malaysia tidak menyediakan segala apa yang disebutkan sebagai prasarana yang lengkap dan juga sikap kita yang lebih proaktif dalam menarik pelaburan ini, maka kita akan berhadapan dengan satu fenomena di mana pelaburan yang datang ke dalam negara kita semakin berkurangan dan kalau itu berlaku ia akan membawa kesan yang agak besar kepada pertumbuhan ekonomi negara termasuk dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan juga meningkatkan hasil untuk kita eksport pada masa-masa akan datang.

Jadi oleh sebab itu, memang kita akan terus bekerjasama. Saya fikir Yang Berhormat Bagan pun, Ketua Menteri Pulau Pinang pun berminat untuk menarik pelaburan ke Pulau Pinang sebagaimana negeri-negeri di bawah Barisan

Nasional maka inisiatif seperti ini harus diteruskan. Kalau tidak kita akan berhadapan dengan satu keadaan yang agak menyukarkan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Pahat, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, apakah sebenarnya faktor yang menyebabkan pelabur kurang masuk ke negeri Kelantan? Adakah kerana kedudukan geografi yang tidak strategi menjadi punca ataupun kerana tidak *business friendly* dengan izin. Saya ingin tahu apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor yang mahu mengambil alih pentadbiran PKFZ ini dan juga ingin mengenakan levi tambahan kepada majikan dianggap sebagai tidak *business friendly* yang boleh menghalang kemasukan pelabur asing ke negeri Selangor. Terima kasih.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Soal kedudukan pelaburan di Kelantan sejak dulu lagi saya lihat memang menghadapi masalah. Mungkin pertamanya dari segi lokasi, tempat yang agak jauh sikit dan prasarana yang tidak lengkap sebagaimana yang berlaku di kawasan sebelah barat. Dengan kemudahan-kemudahan yang tidak selengkap itu maka sudah pasti pelabur sendiri yang akan membuat keputusan untuk meletakkan industri yang mereka nak bina di kawasan-kawasan yang sudah pun disediakan.

Keduanya ialah sama ada pihak kerajaan negeri sendiri bersikap proaktif untuk menarik pelaburan itu. Mengambil inisiatif sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, untuk pergi ke seluruh dunia bertemu dengan bakal-bakal pelabur dan menyatakan bahawa Kelantan menawarkan sebaik-baik tawaran insentif. Kalau begitu dia buat, tentu ramai yang akan datang ke negeri Kelantan berbanding dengan negeri-negeri lain yang saya lihat sudah pun berusaha dengan begitu bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pelaburan masuk ke negeri itu.

Ketiganya mungkin dari segi dasar yang tidak berapa jelas sama ada kerajaan negeri berminat untuk menarik pelaburan atau ini dianggap sebagai satu yang tidak bermanfaat dalam bentuk menyediakan apa-apa faedah kepada rakyat di negeri Kelantan sendiri. Soal yang kedua ini tidak ada kaitan dengan kementerian saya, Tuan Yang di-Pertua, soal Pelabuhan Klang. Saya mohon izin supaya soal itu dikemukakan kepada pihak kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Norah binti Abd. Rahman.

■1050

4. **Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]** minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah langkah yang bakal dan akan diambil untuk mengukuhkan lagi integrasi rakyat Malaysia. Ramai rakyat Malaysia masih berasa bahawa Sabah dan Sarawak adalah seumpama 'anak angkat'. Adakah perlu media sering mengatakan Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Walaikumusalam w.b.t. Tuan Yang di-Pertua, pengukuhan integrasi rakyat yang berbilang kaum di Malaysia sememangnya menjadi agenda utama kerajaan.

Pelbagai usaha bagi mengukuh lagi integrasi rakyat telah dan sedang dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara dan lunas Perlembagaan. Bagi memupuk perpaduan rakyat Malaysia di peringkat asas, contohnya di peringkat pendidikan, kerajaan telah pun menubuhkan sekolah kebangsaan bagi salah satu usaha menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Keduanya, usaha kerajaan dapat dilihat dalam menyatupadukan kumpulan generasi muda yang mempunyai latar belakang dan keturunan yang berbeza menerusi pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara.

Selain daripada itu, di antara usaha-usaha yang telah dan sedang akan diteruskan bagi mengukuhkan lagi integrasi rakyat adalah seperti berikut membuat pengambilan dan pelantikan lebih ramai pegawai dari pelbagai kaum di dalam sektor awam. Contohnya pengambilan kaum etnik Iban, Melanau, Kadazan dan Dusun meningkat lebih 50% daripada tahun 2006 hingga 2007. Pada tahun 2006 seramai 894 orang pegawai dari kaum Cina telah dilantik ke perkhidmatan awam dan jumlah ini meningkat kepada 1,169 orang pada tahun 2007. Pengambilan pegawai daripada kaum India pula adalah seramai 883 orang pada tahun 2006 dan jumlah ini telah meningkat kepada 910 orang pada tahun 2007.

Mengadakan program pertukaran pegawai di antara kedua-dua wilayah di mana pegawai daripada Semenanjung ditempatkan selama dua tahun ke jabatan dan agensi kerajaan di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak dan begitu juga sebaliknya. Tujuan program ini adalah untuk menjalin perpaduan dan budaya antara kaum di kedua-dua wilayah.

Dalam tahun 2007 seramai 19 orang pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional dari kedua-dua wilayah terlibat mulai dari 25 Jun 2007 hingga 24 Jun 2009. Penganjuran enam majlis rumah terbuka Malaysia seperti Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina, Rumah Terbuka Malaysia Tadau Kaamatan, Rumah Terbuka Malaysia Gawai Dayak, Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri, Rumah Terbuka Malaysia Deepavali, Rumah Terbuka Malaysia Krismas. Penganjuran Rumah Terbuka Malaysia ini telah pun diangkat sebagai program nasional dan dilaksanakan sebagai langkah untuk menyemarakkan keharmonian sesama kaum.

Program integrasi di peringkat komuniti yang dilaksanakan melalui rukun tetangga yang bertukar-tukar lawatan. Jawatankuasa Rukun Tetangga dan pemimpin masyarakat di semenanjung melawat ke Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan dan begitu juga sebaliknya.

Kerajaan akan melibatkan seramai mungkin belia sebagai kumpulan sasar mengkaji keberkesanan program-program sedia ada dan menggunakan pendekatan ekonomi bagi memastikan segala usaha ke arah pengukuhan integrasi masyarakat sentiasa relevan dan diterima pakai.

Tuan Yang di-Pertua, sentimen bahawa Sabah dan Sarawak adalah seumpama anak angkat adalah merupakan persepsi setengah masyarakat sahaja. Kerajaan sentiasa prihatin dan memberi perhatian akan soal pembangunan, kebajikan yang melibatkan kedua-dua buah negeri ini. Malahan penekanan dalam aspek pembangunan dan kebajikan di Sabah dan Sarawak diberi perhatian yang khusus dapat di lihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai contoh pihak kerajaan telah meletakkan Sabah antara negeri penerima tertinggi peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu sebanyak RM15.7 bilion atau 7.8% berbanding RM13.2 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Sarawak pula menerima RM13.4 bilion atau 6.7% berbanding RM12.8 bilion yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi membiayai projek pembangunan.

Sama seperti di Semenanjung, pembangunan luar bandar telah dipergiatkan bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk Sabah dan Sarawak. Sejumlah RM189 juta telah diperuntukkan kepada Sabah dan RM139 juta untuk Sarawak bagi menangani kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan Orang Sungai, Rungus, Bisayah, Suluk, atau Sulu di Sabah serta Bidayuh, Kenya, Kayan, Kadayan, Kenan dan Luang Bawan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa kita tidak harus menggalakkan pihak media serta mana-mana pihak yang lain untuk mengatakan Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Kita faham dan sedar bahawa pada tanggal 16 September 1963 telah menyaksikan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Borneo Utara yakni Sabah pada ketika itu membentuk persekutuan baru yang dinamakan Malaysia.

Oleh yang demikian di harapkan agar pihak media atau mana-mana pihak yang lain tidak memperlihatkan atau memaparkan di mana-mana artikel atau bentuk pengucapan yang boleh memberi tanggapan bahawa ada pengasingan di antara Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih membenarkan saya bersama-sama dalam sesi soal jawab. Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan jawapan yang tepat. Saya harap mulai jawapan sebentar tadi menjadi pegangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Tanjong Manis ini adalah soalan yang sangat penting dalam usaha kita nak menyatukan seluruh rakyat Malaysia. Sabah dan Sarawak ialah sebahagian daripada Malaysia yang berdaulat. Jadi saya harap semua pihak jangan sekali-kali menggunakan...

Beberapa Ahli: Soalan..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalanlah ni. Ya, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kemukakan soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya. Sesetengah daripada kita masih menganggap Sabah dan Sarawak sebahagian daripada Malaysia, ini mengecilkan hati orang Sabah dan Sarawak. Apa tindakan? Apa yang lebih penting Yang Berhormat Menteri-menteri sekalipun jangan menggunakan perkataan ini, "Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak", Sabah dan Sarawak sebahagian daripada Malaysia. Jadi persoalan-persoalan seperti ini menyinggung perasaan.

Saya berharap ada satu tindakan tegas daripada kementerian bagi menghalang ucapan-ucapan yang menyinggung ini daripada dikeluarkan oleh mana-mana pihak. Apa tindakan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Sila menteri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sri Gading. Saya memang amat setuju sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Manis ini merupakan satu perkara yang amat penting.

Walaupun kita mempunyai perbezaan fahaman politik pelbagai kaum dan juga budaya dan agama, kita tahu pada hari ini apa yang kita hendakkan supaya dilahirkan satu suasana agar anak-anak kita khususnya generasi kita. Apa yang akan kita tinggalkan adalah satu keadaan di sebuah negara yang boleh anak-anak ini mendapat bukan hanya peluang pekerjaan tapi penghidupan yang selesa, kalau kita lihat berbanding dengan banyak negara di dunia pada hari ini dilanda oleh pelbagai krisis perbalahan kaum, perbalahan etnik yang ada. Malahan kalau kita melihat dari segi sensitiviti penggunaan perkataan itu menjadi satu unsur yang boleh memecahbelahkan masyarakat.

Maka saya melihat perkara ini seperti saya nyatakan dalam jawapan tadi, saya berharap media massa khususnya. Saya percaya perkara ini apa yang diutarakan melibatkan bukan hanya pimpinan daripada atas semua peringkat, supaya kita jangan menggalakkan penggunaan itu seakan-akan ada pengasingan. Ini kerana kita yakin kalau itu terus dilakukan dan ianya boleh menjejaskan usaha kita untuk menyatupadukan rakyat.

Insya-Allah, di peringkat kementerian saya akan berusaha untuk berdamping dengan beberapa *target group* khususnya media contohnya dan akan menyebar luas dari segi pendekatan supaya jangan menggunakan sama ada daripada pimpinan mahupun daripada agensi-agensi kerajaan termasuk pihak swasta, supaya proses pengintegrasian rakyat ini dapat kita sempurnakan sebaik mungkin. Itu sebahagian daripada langkah-langkah yang memungkinkan kementerian ini melaksanakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua ini bukan *point of order* tetapi soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan atau *point of order*? Soalan tambahanlah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, ya soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, siapa jadi anak angkat Semenanjung atau Sabah dan Sarawak? Oleh kerana, masih ada 20-Point Agreement. Jika itu berkuat kuasa dan itu ada berkuat kuasa itu bermakna, tidak boleh ada satu integrasi yang bermakna dalam Malaysia. Adakah kerajaan akan *review*, menyemak 20-Point Agreement ini? Untuk menentukan ada integrasi yang bermakna dalam negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila menteri.

■1100

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat dari Bukit Gelugor, kita faham bahawa isu mengenai dengan 20-point ini satu isu yang agak sudah begitu lama. Sebahagian daripada perkara yang disebutkan dalam perkara 20-point ini sudah pun kalau kita lihat disempurnakan sama ada dari segi pendidikan, imigresen; sebahagian besar. Bukanlah menjadi masalah rakyat Malaysia yang berada di Sabah.

Apa yang harus kita lihat dari sudut sebagai contohnya seperti yang saya katakan pembangunan yang lebih pesat, suara yang dibangkitkan oleh Kalabakan dari segi prasarana yang ada, itu yang harus menjadi keutamaan kepada rakyat Malaysia, kepada semua peringkat, bukan hanya di peringkat negeri Sabah.

Dengan kita menimbulkan semula perkara 20-point ini, ianya bukan hanya boleh membangkitkan sentimen malahan ianya bukan boleh mengatasi masalah.

Namun kita tahu sebagai contoh umpamanya dari segi pendidikan pada hari ini, itu sebahagian kita tahu, perkara yang telah dimasukkan dalam *20-point*. Saya yakin perkara ini tidak menjadi masalah dan tidak perlu kita *review*. Apa yang penting kepada kita *we must be* dengan izin *forward looking*, kita hendak maju ke depan.

Walaupun kita faham ada persefahaman daripada perkara telah diperakui, dipersetujui oleh pihak-pihak yang terdahulu daripada kita. Kita tahu pada hari ini rakyat Malaysia menuntut supaya kemajuan dan pembangunan harus menjadi keutamaan kepada kita. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta Menteri Kewangan menyatakan telah dapat dimanfaatkan oleh rakyat melalui Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai yang ditubuhkan oleh Bank Negara pada tahun 1990.

Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT) ditubuhkan pada tahun 1990 untuk menyediakan bantuan kewangan kepada pemaju untuk membangunkan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai pada waktu itu.

TPPT berjaya membantu memulihkan 74 projek perumahan terbengkalai di seluruh negara. Keseluruhan projek perumahan yang berjaya dipulihkan melibatkan pinjaman daripada TPPT berjumlah RM356.2 juta yang diberikan kepada pemaju, melibatkan 17,730 unit rumah. 32% dari jumlah ini iaitu 5,717 unit adalah rumah kos rendah. TPPT telah pun ditutup kepada permohonan sejak tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Melalui rekod yang saya peroleh daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam tempoh 1990 sehingga 2005, menunjukkan terdapat 261 projek terbengkalai dengan 88,410 buah rumah terlibat dengan pembeli seramai 58,685 yang menjadi mangsa.

Satu kajian telah dibuat oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang yang telah membuat analisis dalam perkara ini dan mendapati terdapat banyak sebab berlakunya penangguhan projek-projek terbengkalai ini antaranya ialah agensi kerajaan yang meluluskan projek, lambat membuat keputusan sehingga mengakibatkan harga meningkat.

Persoalannya adalah, apakah yang bakal dibuat untuk menjamin pengguna khasnya pembeli-pembeli yang menunggu rumah mereka untuk disiapkan, memastikan mereka mendapat, memperoleh rumah mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar bahawa isu rumah yang terbengkalai ini telah menjadi satu isu sekian lama dan kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan perkara ini tidak berulang. Kerajaan juga sedar, banyak rakyat termasuk pegawai kerajaan yang telah membeli rumah dan kemudian terbengkalai, terpaksa terus menyewa rumah dan bayar sewa; juga membayar balik pinjaman kepada bank untuk rumah yang dibeli tapi tidak jadi.

Sejak tahun 1990-an, Kementerian Perumahan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan bahawa isu ini dapat di atasi dan juga kerajaan telah melantik Syarikat Perumahan Negara Berhad atau SPNB dalam isu projek-projek terbengkalai dan setakat ini SPNB telah membantu untuk menyelesaikan sebanyak 9,208 unit rumah terbengkalai.

Antara isu-isu yang timbul antara masalah yang dihadapi ialah tidak bersefahaman di antara pemilik tanah dan pemaju. Pemaju itu kadang-kadang over optimistik tentang permintaan, dan tidak begitu realistik tentang kos.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pemaju-pemaju dapat memberi satu tawaran yang dapat lebih penyeliaan Kementerian Perumahan. Kementerian Perumahan juga telah membuat satu kaedah baru untuk membolehkan bahawa semua permohonan untuk memaju tanah, untuk projek-projek perumahan dapat disegerakan, dapat diberi kelulusan dalam tempoh tidak sampai enam bulan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada projek yang terbengkalai yang masih tertangguh di Kuala Lumpur seperti Plaza Rakyat yang satu usaha sama yang Kerajaan Tempatan DBKL dengan pemaju swasta dan juga Nas Pavilion di Jalan Imbi yang anak bekas menteri, salah seorang pemaju. Dua lot projek yang terbengkalai selama 12 tahun yang lalu.

Apakah perancangan kerajaan untuk menyelamatkan, oleh kerana ramai pembeli-pembeli yang tersangkut dalam skim kewangan dan terpaksa membayar wang kepada institusi bank? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya, projek yang disebutkan tadi, di bawah dewan bandar raya akan diselesaikan oleh dewan bandar raya. Dari segi seperti yang saya terangkan tadi iaitu dari segi kaedah untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan rumah-rumah terbengkalai tidak berulang dan dapat dikurangkan telah pun diambil. Saya fikir telah berjaya, tetapi masih terdapat rumah-rumah yang terbengkalai dan dalam perkara ini juga kerajaan sedang memikirkan satu kaedah baru iaitu untuk memastikan bahawa ada juga alternatif bagi pembeli untuk membeli rumah selepas rumah disiapkan.

Pada masa ini, seperti kita sedia maklum, kaedah yang digunakan ialah pembeli beli rumah dan kemudian rumah dibina. Keadaan itu mungkin baik dan digunakan di Malaysia sejak begitu lama dan juga digunakan di Singapura. Namun di negara-negara lain, kaedah yang digunakan ialah kaedah di mana pemaju membina rumah dahulu dan kemudian dijual, bila siap dijual kepada pembeli. Kerajaan kini telah mengambil langkah untuk mewujudkan kaedah ini juga di Malaysia.

Apabila kaedah ini dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua, isu tentang rumah terbengkalai, projek terbengkalai tidak akan wujud, sebab kalau projek itu terbengkalai, tidak ada pembeli. Pembeli beli kemudian, itu yang kita hendak wujudkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib.

■1110

6. **Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah segera kerajaan dalam membantu pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG) yang dilaporkan tidak mempunyai sumber kewangan untuk mereka melaksanakan pelbagai program di peringkat sekolah kesan daripada pemansuhan bayaran yuran yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Menteri Pelajaran [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:

Wa'alaikum salam w.b.t. Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan yuran khas bagi murid termasuk yuran sekolah dan yuran peperiksaan yang diumumkan oleh kerajaan mulai tahun 2008 tidak langsung menjejaskan peranan PIBG dalam mencari sumber kewangan. Peraturan 54 di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan PIBG 1998 menyatakan persatuan dibenarkan mengutip apa-apa sumbangan yang diputuskan dalam mesyuarat agung tahunan daripada anggota dan keputusan itu hendaklah dimaklumkan kepada pendaftar. Selain daripada itu Peraturan 51 pula telah menyatakan dengan jelas akan tujuan penubuhan PIBG antara lain membolehkan ibu bapa dan guru berusaha menambah kewangan sekolah bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

Bayaran tambahan ini bukanlah yuran khas yang dikenakan oleh kerajaan malahan tidak wajib dibayar oleh pelajar. Ia merupakan sumbangan PIBG kepada pihak sekolah yang telah pun dibincangkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun kerajaan sedar bahawa perkembangan semasa ekonomi dunia membawa kesan bebanan ibu bapa menyumbang kepada tabung-tabung PIBG ini. Seperti yang disebut oleh Menteri Penerangan Dalam Negeri tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah mengumumkan bahawa projek dan juga program-program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan dinilai semula berikutan kenaikan harga makanan, harga minyak, kos bahan pembinaan dan juga kos pengangkutan. Walau sedemikian projek-projek dan program yang memberi manfaat kepada rakyat terutama golongan pendapatan rendah dan miskin akan tetap diteruskan.

Selain daripada meneruskan semua bantuan yang sedia ada seperti Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin(KUAM), Skim Pinjaman Buku Teks(SPBT), Skim Bantuan Tuisyen, Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid, Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu, Biasiswa Kecil Persekutuan, Biasiswa Kelas Persediaan Universiti dan Skim Biasiswa Sukan, Elaun Pakaian Seragam Unit Beruniform, Elaun Murid Kurang Upaya. Semua ini untuk membantu golongan mereka yang berada dalam golongan daif dan perlu kepada pembelaan. Pihak kementerian juga sedang merangka pelbagai alternatif untuk menambah dana sekolah dan juga tabung kewangan PIBG selaras dengan usaha dan hasrat kita untuk memperkasakan Gerakan PIBG sekolah.

Di antara usaha-usaha yang sedang dipertimbangkan ialah pertamanya untuk mempertimbangkan bantuan kerajaan kepada PIBG mengikut kadar bantuan berkapital. Keduanya cadangan meningkatkan kadar sedia ada pemberian PCG kepada murid; penglibatan agensi swasta dan juga GLC mengadakan program anak angkat kepada PIBG dan banyak lagi. Usaha-usaha yang dilakukan ini Tuan Yang di-Pertua adalah bertujuan untuk memastikan program yang dirancang untuk anak-anak kita di sekolah berjalan dengan lancar dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka selari dengan matlamat dan objektif yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2006-2010.

Tuan Yang di-Pertua: Maran.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri di atas jawapan yang baik dan juga usaha yang dibuat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata boleh kita katakan penduduk luar bandar PIBG di luar bandar ialah terdiri daripada orang miskin dan pendapatan rendah. Saya mendapat maklum bahawa pihak kerajaan akan memberikan bantuan kepada PIBG-PIBG ini dan ini adalah berasaskan kepada sejauh mana PIBG itu aktif dalam menjalankan kegiatan PIBG. Saya hendak tanya pihak menteri. Yang Berhormat Menteri, apakah kriteria yang digunakan bagi menentukan PIBG yang akan mendapat bantuan ini ialah yang bergerak aktif? Bagaimana mereka hendak bergerak aktif kalaulah peruntukan duit tidak ada? Jadi apakah kriteria yang digunakan dan berapakah kadar yang mungkin dicadangkan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi menampung keperluan bagi menjalankan program dan aktiviti tertentu di sekolah yang memerlukan kewangan tambahan yang sememangnya lebih daripada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, bukan merupakan sesuatu perkara yang boleh kita cari satu formula untuk menyelesaikan semua kehendak sekolah-sekolah masing-masing.. Cuma apa yang kita hendak lakukan sekarang ialah dalam keadaan suasana ekonomi pada hari ini, permuafakatan dia antara pihak PIBG dan sekolah.

Mereka yang lebih mengetahui setakat mana aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh sekolah dari segi had dan batasan kemampuan melalui bantuan kerajaan dan juga kemampuan mereka sendiri untuk mendapat bantuan untuk mengisi tabung masing-masing. Ruang seharusnya dibuka seluas-lusanya bagi ibu bapa yang berkemampuan untuk menyumbang sebanyak yang mereka mahu. Akan tetapi pada golongan-golongan yang daif yang miskin seperti saya senaraikan tadi pelbagai bantuan tambahan telah pun disediakan oleh kerajaan. Ini supaya tidak ada golongan-golongan yang tercicir yang tidak dapat pembelaan dan jumlahnya bukanlah satu jumlah yang kecil RM3billion setahun disediakan supaya anak-anak kita tidak terpinggir daripada arus pendidikan perdana dan ini akan dipertahankan walau apa jua keadaan ekonomi negara.

Usaha kementerian sekarang dalam keadaan ekonomi pada hari ini ialah untuk berjumpa, berbincang dan memastikan bahawa semua pihak berkenaan sama ada melalui majlis permuafakatan PIBG atau PIBGN yang menjadi naungan kepada PIBG-PIBG sekolah, berbincang dengan pihak kementerian kaedah yang terbaik untuk memastikan bahawa PIBG-PIBG yang betul-betul memerlukan bantuan ini mendapat sokongan dan juga gerakan yang sewajarnya supaya aktiviti-aktiviti mereka di sekolah tidak terjejas dalam keadaan hari ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri ada membuat kenyataan semalam bahawa beberapa PIBG akan diberikan bantuan secara terpilih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah Kementerian Pelajaran bersedia membenarkan syarikat-syarikat swasta atau pun badan-badan korporat dia atas nama *corporate social responsibility* untuk memainkan peranan yang penting dengan membiayai sebahagian daripada perbelanjaan aktiviti PIBG dan juga pembinaan infrastruktur di sekolah seperti makmal, komputer dan pemuliharaan bangunan sekolah?

Sekiranya kementerian bersetuju, apakah Kementerian Pelajaran boleh berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk memberikan pelepasan cukai kepada badan-badan berkenaan? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Gombak. Sememangnya itu merupakan perkara yang telah pun ditekan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau membentangkan belanjawan yang lalu. Di mana peranan GLC dan juga syarikat-syarikat swasta perlu dari segi tanggungjawab sosial mereka memberi tumpuan kepada usaha-usaha program yang boleh membantu kita di sekolah-sekolah.

Dalam jawapan saya tadi pun di antara perkara-perkara yang sedang kita fikirkan ialah penglibatan agensi-agensi swasta ini dan sememangnya saya terbuka dan mengalu-alukan sesungguhnya penglibatan mereka, cuma sasaran sekolah-sekolah yang betul-betul memerlukan. Saya percaya bahawa input daripada Ahli Yang Berhormat, input daripada kementerian perlu membimbing syarikat-syarikat GLC ini supaya jumlah yang terhad ini betul-betul sampai kepada golongan yang betul-betul memerlukannya.

7. **Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- a) sama ada konsep reka dan bina bagi melaksanakan projek pembangunan rakyat diteruskan atau sebaliknya selaras dengan pendekatan yang praktikal dan efektif dari segi kos; dan
- b) adakah jalan lintas Libaran menjadi keutamaan pembinaannya dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9.

Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kaedah perolehan berdasarkan kepada reka dan bina masih diteruskan. Ini adalah dengan mengambil kira keperluan bagi melancarkan sesuatu projek dengan segera di mana perlaksanaan projek secara reka dan bina dapat membantu memendekkan tempoh penyediaan reka bentuk di peringkat pra kontrak.

■1120

Keperluan untuk meneruskan kaedah perolehan reka dan bina adalah bagi melaksanakan projek-projek yang memerlukan kepakaran serta canggih, seperti pembinaan kompleks hospital baru dan projek-projek di mana reka bentuk bangunan ditentukan oleh sistem kelengkapan dengan izin, *sophisticated* dan canggih yang hanya boleh dilaksanakan oleh beberapa pembekal dan kontraktor sahaja. Namun demikian, kelulusan perolehan reka dan bina ini masih tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan sebagai agensi pusat yang meluluskan kaedah perolehan bagi projek-projek kerajaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, projek membina jalan lintas Libaran di Sandakan sepanjang 35km telah dimasukkan ke dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9, dengan keutamaan utama daripada 28 projek baru yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Sabah. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan kini sedang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan senarai projek yang diluluskan masih belum dimuktamadkan. Adalah dijangkakan bahawa Kajian Separuh Penggal RMK-9 ini akan dapat

dibentangkan di Parlimen pada tahun ini untuk kelulusan menjelang Jun ataupun Julai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang. Silakan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya baru-baru ada membuat kenyataan bahawa semakan semula terhadap projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan diadakan. Pohon terangkan kriteria apa yang diguna pakai untuk meletakkan keutamaan terhadap sesuatu projek. Yang mana hendak didahulukan, yang mana hendak dikemudiankan, dari sudut saiz perbelanjaan, dari sudut lokasi sesuatu projek itu ataupun wilayah di mana ianya dilaksanakan, kriteria yang diguna pakai. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk ketika ini, dalam proses Kajian Separuh Penggal RMK-9, kita telah pun mempunyai perancangan yang telah pun terjadual di dalam RMK-9 yang telah pun dibentangkan. Kini kita telah pun masuk setengah jalan dan dalam proses ini satu penilaian semula harus dilakukan dengan mengambil beberapa ketetapan terutama perkara-perkara yang berhubung kait sama ada projek infrastruktur yang hendak dibangunkan ini, akan dapat memenuhi permintaan dan menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung kait dengan pembangunan sosioekonomi, yang akan dapat membantu rakyat di dalam menghadapi cabaran yang kita hadapi pada kali ini.

Jadi untuk menjawab secara terperinci tentang apakah kriteria dan di manakah projek yang hendak dibangunkan dan jumlah syiling yang diperlukan, saya memerlukan satu penilaian yang agak panjang. Saya minta Yang Berhormat bersabar sedikit sebagai mana yang saya sebutkan tadi dalam bulan Julai ini kita akan bentang, dan saya percaya dan yakin bahawa dokumen ini akan dipanjangkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk Yang Berhormat memasukkan input. Akan tetapi pada asasnya, asas pertimbangan utama dengan jumlah syiling yang sedia ada kita akan menentukan, bahawa semua projek yang berhubung kait dengan infrastruktur dan juga jalan raya yang hendak dibangunkan akan dapat memenuhi tentang tuntutan, akan dapat memajukan kehendak rakyat dalam kawasan setempat yang dibangunkan.

Sebagai contoh Yang Berhormat, sekarang ini kerajaan telah pun mengambil satu langkah proaktif untuk menentukan bahawa jaminan bekalan beras akan terus terjamin. Justeru itu, kerana sejumlah perbelanjaan telah pun diperuntukkan dan hendak menjadikan negeri Sarawak ini sebagai satu negeri pengeluar utama kepada beras dan padi negara. Nanti padi dah masak tidak ada jalan raya hendak dibawa keluar. Jadi, itu merupakan kualiti yang utama juga yang kita akan tentukan. Jadi perkara-perkara yang tersebutlah yang akan dipertimbangkan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian, ya sila.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri Kerja Raya yang baru dan saya harap dapat meningkatkan anjakan paradigma JKR, insya-Allah.

Soalan tambahan saya pendek Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian sedar ini adalah suatu masalah yang menjadi, saya bawa suara rakyat Pantai Timur. Setiap kali berlakunya cuti umum yang panjang seperti Hari Raya, jalan daripada Bentong ke Gua Musang itu adalah satu jalan yang sangat sesak. Kalau kita memandu kereta selepas waktu sahur jam 6.00 pagi ataupun

lepas berbuka puasa baru rakyat boleh sampai ke Kota Bharu. Jadi adakah jalan ini yang juga lingkaran tengah ini termasuk di dalam RMK-9 yang akan diberikan perhatian oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ya jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat akan diberikan pertimbangan yang utama supaya kita akan dapat menyelesaikan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut, kerana ia merupakan jalan perhubungan utama antara Pantai Barat ke Pantai Timur Semenanjung. Oleh kerana kita sekarang dalam proses untuk menyiapkan Lebuhraya Pantai Timur yang ke-2 dan Lebuhraya Pantai Timur ini adalah satu proses yang sedang pun dijalankan, dan oleh kerana kita juga menerima rintihan daripada pihak kontraktor terutama bekalan besi dan simen yang harganya walaupun telah pun ditetapkan oleh kerajaan dengan harga syiling, tetapi sebenarnya oleh kerana ada kekurangan dari segi bekalan, maka pihak kontraktor menghadapi tekanan ini.

Kerajaan insya-Allah akan berusaha untuk menyelesaikan supaya kita akan sama-sama menentukan bahawa Lebuhraya Pantai Timur yang ke-2 ini dapat berjalan, yang ini tertangguh Yang Berhormat, masa dahulu kerajaan - ada pengambilan tanah, yang itu kita bangkitkan tetapi Alhamdulillah dah selesai dan saya fikir kalau LPT2 ini dapat diselesaikan, jadi dengan izin kita boleh *relief the traffic* ini mengikut Lebuhraya Pantai Timur ke-2. Jadi yang ini pun trafik akan jadi lebih kurang, tetapi kawasan yang ini pun juga jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat pun akan dinaik taraf. Sekian, terima kasih.

8. Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta Menteri Kesihatan menyatakan kriteria yang akan diguna untuk mengkaji Projek Perintis "*Full Paying Patient Scheme*" yang dilancarkan pada bulan Ogos 2007 di Hospital Selayang dan di Hospital Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sungai Siput. Antara kriteria yang akan digunakan untuk mengkaji Projek Perintis *Full Paying Patient Scheme* dengan izin atau FPP yang telah pun dilancarkan pada bulan Ogos tahun lepas di dua buah hospital adalah seperti berikut iaitu:

- (i) pemantauan statistik mengikut pesakit baru yang berdaftar;
- (ii) jumlah konsultasi menurut jumlah perkhidmatan sama ada pesakit dalam, pesakit harian, atau pesakit luar;
- (iii) kutipan hasil; dan
- (iv) jumlah konsultasi menurut disiplin dari jenis perkhidmatan khususnya perkhidmatan dalaman, pesakit harian dan juga pesakit luar.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sedang menyediakan satu lagi kaedah pemantauan, pelaksanaan skim ini dari aspek perkhidmatan dengan izin, *soft skill* yang disampaikan menurut kumpulan-kumpulan pemberi khidmat iaitu dengan, izin *health care providers* dan juga kumpulan pesakit yang telah memilih untuk memasuki skim tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Muar, silakan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, seingat saya FPP ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada ucapan Bajet 2005. Bolehkah Yang Berhormat maklumkan ke Dewan ini, kenapa tempoh masa yang sangat panjang dari tahun 2005 sehingga tahun 2007 untuk kementerian melaksanakan skim FPP ini, dan apakah perkara yang sedang di ambil kira oleh kementerian untuk memastikan skim ini boleh berjaya dan dilaksanakan di hospital-hospital yang lain? Terima kasih.

■ 1130

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat daripada Muar. Macam Yang Berhormat Muar pakar perubatan pula tapi dia *lawyer* Tuan Yang di-Pertua. Sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengutarakan idea pesakit berbayar penuh ini pada tahun 2005 dalam ucapan belanjawan pada 10 September 2005, roh dan semangat kenapa Yang Amat Berhormat...

Beberapa Ahli: Roh, roh.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: ...*the spirits* dengan izin.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Adalah untuk memastikan yang pakar-pakar perubatan kita terus berada dalam hospital kerajaan mereka tidak melompat ke hospital swasta yang menawarkan pelbagai insentif dan gaji serta pelbagai kemudahan. Justeru itu, untuk memastikan projek tersebut berjaya maka perundingan-perundingan dengan agensi dalaman, mekanisme, garis panduan, fi yang patut dikenakan ini semua melibatkan penggubalan akta dan juga mesti mendapat kelulusan daripada yang Dipertuan Agong umpamanya penggubalan Akta Fee tahun 1982 yang melibatkan harga fi yang disediakan di hospital-hospital kerajaan. Maka saya kira dua tahun ini adalah satu proses tidak lama dan kita perlu menjalankan kajian terperinci bagi memastikan projek perintis ini betul-betul berjaya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, alhamdulillah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan telah berakhir tanpa kekacauan yang hebat berbanding dengan hari Rabu. [Tepuk]

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Keduabelas”. **[30 Mei 2008]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta dipersilakan Yang Berhormat daripada Permatang Pauh, Ketua Pembangkang untuk menyambung perbahasan. Sila. *[Tepuk]*

11.32 pg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ingin mengulang kembali apa yang saya katakan sedikit pada hari Rabu yang lalu dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya mengalu-alukan Timbalan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua ini memang telah lama dalam Dewan selalu memperkatakan tentang institusi Parlimen yang berwibawa. Jadi tepat sekali dengan pelantikan Timbalan Yang di-Pertua.

Kebanyakan projek diluluskan tanpa penilaian ekonomi dan kewangan yang teliti. Rasionalnya kerajaan kaya dan berupaya meminjam dari pendapatan masa depan. Sejak sembilan tahun yang lepas perbelanjaan kerajaan mengalami defisit antara 4.5% hingga 6.5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, banyak projek dianugerah secara penswastan dengan syarat-syarat perjanjian yang amat menguntungkan penerima konsesi tanpa menekan untuk menjadi lebih efisien dan murah. Ini termasuk menjana tenaga bebas atau *independent power producer*. MAS, LRT, pembinaan hospital, bekalan perubatan, makmal perubatan, pemeriksaan kenderaan, bekalan air dan sebagainya hampir semua diluluskan dengan harga yang melambung tinggi akibat ketiadaan tender terbuka. Banyak tidak memenuhi kriteria asas ekonomi dan kewangan bagi memasti daya kejayaannya. Semua mengandungi elemen subsidi, baik secara langsung atau tidak langsung sama ada melalui geran, kadar tol dan caj yang tinggi...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Permatang Pauh, ada yang berdiri.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Bagi saya habiskan dahulu ya Yang Berhormat Rembau. Semua melalui elemen subsidi baik secara langsung atau tidak langsung sama ada melalui geran, kadar tol dan caj yang tinggi kepada pengguna atau konsesi cukai. Banyak dijamin kerajaan

untuk mendapat pinjaman dalam pelaksanaan projek-projek ini. Nisbah kos faedah atau *cost benefit ratio* tidak pernah ditakrif dan diumumkan tetapi dipilih untuk pelaksanaan di bawah slogan penswastaan.

Dalam hampir semua kes, kerajaan mewajarkan kelulusan projek-projek ini kerana negara perlu menyediakan persekitaran sesuai untuk menarik pelaburan baik tempatan mahupun asing. Apabila projek-projek mega ini siap tidak ramai pula pelabur tertarik tetapi makin berkurangan tahun demi tahun baik swasta mahupun pelaburan langsung asing malah pelaburan menjunam daripada 30% pada 1996 kepada hanya 9% dari KDNK sekarang. Pelaburan langsung asing pula menjunam dari 8% pada tahun 1996 kepada 4% sekarang ini. Penurunan ini adalah di antara yang paling parah dalam dunia.

Kerajaan selalu memberi alasan bahawa penurunan ini disebabkan kemelesetan ekonomi dunia sedangkan Tuan Yang di-Pertua, pelaburan tetap meningkat di banyak negara termasuk China dan Vietnam. Di India sejak lima tahun yang lepas pelaburan meningkat daripada 22% kepada 34% daripada KDNK mereka. Di Brazil pula pelaburan meningkat dari 15% kepada 27% dari KDNK mereka.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rembau berdiri lagi Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua sebab *point* itu sudah lari.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya baru mula Yang Berhormat, saya baru mula. Biar saya teruskan.

Kekurangan pelaburan bermakna negara akan ketinggalan di masa hadapan. Walaupun kerajaan berbangga dengan lebih akaun semasa yang meningkat dari 8% pada 2002 kepada 14% dari KDNK pada 2007 tetapi hakikatnya ia merupakan penurunan pelaburan kerana kita tidak lagi mengimport barangan modal untuk pelaburan. Pertumbuhan ekonomi sejak lima tahun lepas pula dijana oleh perbelanjaan peribadi yang dibiayai oleh pinjaman menyebabkan kadar hutang isi rumah rakyat Malaysia merupakan yang paling tinggi dirantau ini dan ini tidak boleh bertahan lagi melainkan kerajaan mengubah falsafah dan konsep negara. Silakan Yang Berhormat Rembau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat daripada Permatang Pauh. Tadi Yang Berhormat telah sebut bahawa antara sebab kekurangan dari segi pelaburan asing dan sebagainya ialah kerana ketidakseimbangan dari segi kontrak-kontrak dan juga perjanjian-perjanjian kerajaan contohnya IPP dan sebagainya.

Saya mohon penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh sejauh mana beliau setuju bahawa masalah ini sebenarnya ialah masalah legasi yang bermula pada tahun 90-an apabila Menteri Kewangan yang telah mengambil tanggungjawab ke atas pelbagai konsesi tersebut termasuk konsesi IPP yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Permatang Pauh adalah sebenarnya penasihat kepada parti Yang Berhormat sendiri iaitu Datuk Seri Anwar bin Ibrahim dan sebenarnya ini semua adalah masalah legasi yang diturunkan daripada zaman Datuk Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Menteri Kewangan. [Tepuk]

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Apa kata legasi, bukan legasi. Itu adalah salah masa itu dalam erti kata kabinet. Itu adalah kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri dan dibawa sekarang juga oleh Perdana Menteri sekarang. Tidak boleh diletakkan satu kesalahan pada yang lain. *[Tepuk]*

Sekarang ini kenapa tidak boleh dipulihkan? Ini yang saya katakan. Sebab itu sekarang ini kita membahar untuk ekonomi kita yang akan datang bagaimana kita hendak menjaga dan memulihkan balik.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, tapi saya berterima kasihlah kerana mengingati bahawa ada juga jasa mantan Menteri Kewangan. *[Dewan riuh][Ketawa][Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, rakyat terpaksa membayar segala pembaziran yang dilakukan selama ini. Kerajaan terus membebaskan rakyat bagi mengurangkan subsidi kepada pemegang konsesi projek dengan mengenakan bayaran caj dan tol yang tinggi bagi kegunaan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan.

Kerajaan terus membiarkan pemegang konsesi mengaut keuntungan yang tinggi dan berterusan dengan menyambung hayat konsesi mereka. Kalau kata dulu salah, kenapa sekarang ini dah sambung? Kerajaan sentiasa menegaskan inilah *win-win situation* untuk semua, melainkan rakyat yang terpaksa menanggung bebannya. Sekarang, bagaimana kerajaan boleh mengurangkan kadar tol dan caj bagi kegunaan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang disediakan?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, saya habiskan. Pemegang konsesi menuntut subsidi yang berterusan dan kerajaan terpaksa membayarnya. Dana yang sepatutnya boleh digunakan untuk memenuhi keperluan asas rakyat yang lain semakin berkurangan. Sebagai contoh, kerajaan tidak dapat menyelesaikan perjanjian berat sebelah yang amat menguntungkan pemegang konsesi IPP yakni *Independent Power Producer* dan terus membebaskan Tenaga Nasional dan rakyat. Walaupun kerajaan memberi pelbagai jaminan untuk menyelesaikan dalam masa terdekat.

Kos Tenaga Nasional mengeluarkan satu unit tenaga hanyalah lapan setengah sen, berbanding dengan kos yang terpaksa dibeli dari IPP dengan harga lima belas setengah sen seunit. Petronas terpaksa memberi subsidi lebih daripada RM58.3 bilion kepada IPP kerana harga bekalan gas telah ditetapkan sepanjang jangka hayat kontrak IPP. Sedangkan harga gas sekarang sudah melambung tinggi. Hasilnya kerajaan kekurangan dana dan rakyat terpaksa menanggung kos kenaikan elektrik.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf Yang Berhormat Rembau, saya nak teruskan kerana ini adalah *point* dan saya nak tegaskan di sini.

Kerajaan heboh dengan subsidi petrol yang diberikan kepada rakyat, tetapi jumlah subsidi petrol ialah RM38 bilion berbanding, kalau disebutkan RM38 bilion itu masih kecil berbanding dengan subsidi yang diberikan RM58.3 bilion kepada pemegang konsesi IPP ini. Inilah yang dikatakan kerajaan hanya mementingkan keuntungan pemegang konsesi dan terus membiarkan rakyat

dibebankan dengan kenaikan kos, caj dan tol. *[Dewan riuh][Tepuk]* Begitu juga dengan penswastaan perkhidmatan kesihatan. Di mana pembinaan hospital...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, saya nak teruskan *point* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak bagi Yang Berhormat Batu Pahat. Rembau?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Rembau pun saya tak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Begitu juga penswastaan perkhidmatan kesihatan di mana pembinaan hospital, bekalan perubatan, makmal perubatan dan sebagainya diswastakan. Hasil kos pengendalian dan perkhidmatan hospital melambung tinggi. Rakyat tidak lagi berupaya menanggung kos pemeriksaan dan perubatan kerana kos telah meningkat. Apatah lagi sekiranya rawatan memerlukan penggunaan pelbagai peralatan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Macang, Yang Berhormat Permatang Pauh...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Machang minta laluan sikit Yang Berhormat. Sikit sahaja.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Silakan.

Beberapa Ahli: *[Dewan riuh]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Adakah Yang Berhormat setuju bila saya katakan bahawa setelah disemak daripada Laporan Kewangan Petronas setakat 31 Mac 2007, ternyata yang menikmati subsidi gas adalah lebih kepada syarikat-syarikat besar?

Contoh; dalam sektor tenaga, TNB menikmati subsidi gas berjumlah RM5 bilion, IPP – RM6.7 bilion. Gas subsidi yang dinikmati oleh sektor bukan tenaga termasuk industri kecil dan juga *residential users* cuma 3.9%. Inilah yang kita maksudkan walaupun disebut gas subsidi daripada kerajaan ialah RM15.6 bilion, tetapi yang menikmati terbanyaknya ialah syarikat-syarikat besar dan bukannya pengguna yang melibatkan rakyat terbanyak. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan fakta ini? Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sambung sikit Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya setuju.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Saya harap tidak diamalkan sikap kronisme...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Rembau bangun lagi Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Nanti, sebab ini *point* yang saya tekankan. Yang Berhormat Rembau nak menghentam sahaja, buat apa saya nak bagi laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bukan, bukan nak menghentam, penjelasan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dah diberi laluan tadikan? Bagilah orang lain.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tadi dah dibagi laluan, silakan Kuala Selangor.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini kronisme. Tak boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak bagi Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ketua Pembangkang. Dalam nada yang sama juga, kita cukup merakamkan rasa terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang setelah berlakunya tsunami politik dan pihak di sebelah sana akan keprihatinan terhadap penderitaan rakyat.

Sehubungan dengan itu, langkah-langkah telah diambil dan mahu diambil walaupun kita masih menunggu pelaksanaan dan komitmen yang seterusnya. Apa pun sehubungan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sebentar tadi, apabila kita menyaksikan keuntungan-keuntungan sama ada yang pemegang-pemegang *concessionaire* mahupun seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, TNB pemegang utiliti ataupun kalau kita sebutkan secara khususnya ketika mereka mendapat dan meraih keuntungan dan laba yang besar dari segi keuntungan mereka.

TNB contohnya, dalam tahun 2003 mempunyai keuntungan sebelum cukai ataupun *profit before tax* sebanyak RM1.648 bilion. Dan pada tahun 2007 merakamkan keuntungan PBT atau *profit before tax*, keuntungan sebelum cukai sebanyak RM4.765 bilion yakni merupakan lonjakan keuntungan sebanyak 289% atau sebanyak puratanya 57.8% setiap tahun, *year on year*. Namun masih mahu memohon kenaikan tarif dan paling mutakhir diberikan 12% yang langsung memberikan penderitaan dan bebanan kepada rakyat.

Begitu juga kedudukan-kedudukan yang lain seperti Puncak Niaga di mana keuntungan tahun 2002 sebanyak RM180 milion dan keuntungan pada tahun 2006 sebanyak RM367 milion, masih mahukan kenaikan tarif. Di sini Yang Berhormat Permatang Pauh, saya mohon untuk dikomentari kenaikan kepada *concessionaire* tetapi beban kepada rakyat. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Kuala Selangor. Itulah yang hendak saya tekankan. Apa yang kerajaan telah buat? Apakah tidak difikirkan, yang difikirkan subsidi yang telah diberi, itu yang diungkit-ungkitkan. Padahal yang mana yang diberikan kepada yang lain-lain itu, telah melambung dan menaikkan kos untuk yang lain, orang biasa untuk menanggungnya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Rembau bangun lagi Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya masuk bahagian kesihatan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bolehkah Yang Berhormat? Sebelum masuk kesihatan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tak ada, saya dah masuk bahagian kesihatan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebelum nak masuk, penjelasan sikit sahaja. Boleh Yang Berhormat? Sikit sahaja. Bolehlah. *[Dewan riuh]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya dah bagi laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Rembau, tak bagi laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak lagi berupaya menanggung kos...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat, Batu Pahat bangun Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jangan takut Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Rakyat tidak lagi berupaya menanggung kos pemeriksaan dan perubatan kerana kosnya telah meningkat. Apatah lagi sekiranya rawatan memerlukan penggunaan pelbagai peralatan.

Saya ulangi ya, ramai terlantar di rumah kerana tidak berupaya membayar perbelanjaan hospital. Sepatutnya, negara kita kaya, negara kita berupaya menyediakan perkhidmatan perubatan percuma kepada rakyat miskin dan mengurangkan beban kepada rakyat umum. Kami meminta kerajaan mengkaji semula kaedah penswastan perkhidmatan kesihatan ini dan menjadikan perkhidmatan kesihatan berkualiti yang mampu dinikmati oleh semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita alu-alukan wacana mengenai Dasar Ekonomi Baru, tidaklah baru sangat dah. Relevan dan keberkesanannya setelah diamalkan hampir selama 40 tahun. Kita tidak pernah menafikan kebijaksanaan dasar tersebut tatkala ia dilancarkan.

■ 1150

Malah kita mengakui ada manfaatnya kepada rakyat termasuk bumiputera terutama dalam bidang pendidikan. Namun, penyalahgunaannya terlalu ketara.

Berpuluh bilion ringgit dikaut oleh segolongan kecil atas nama DEB. DEB telah dimanipulasikan untuk mengalih kontrak terus ke tangan kroni yang diutamakan atau terpilih. Justeru DEB mesti diubah dan digantikan dengan yang lebih wajar dan bermakna kepada bumiputera dan rakyat Malaysia yang lain.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, saya hendak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini tuduhan. Tuduhan serius itu, kena minta penjelasan. Tuduhan-tuduhan ini *un-Islamic, un-Islamic*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Un-Islamic...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Un-Islamic accusation.*

Beberapa Ahli Pembangkang: Sila duduk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Disampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *In a low morals.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Un-Islamic.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Hey, six million dollar man.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, *bad example*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sama-sama tunjuk yang baik Yang Berhormat, terima kasih. *[Tepuk]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, amat malang buat bumiputera manakala hanya kelompok kaya-raya yang mendabik dada dan melaungkan supaya ia diteruskan. Yang perlu dihiraukan adalah nasib majoriti bumiputera Melayu di desa, Kadazan dan Murut, Iban dan Bidayuh dan lain-lain di pedalaman dan di persisiran pantai. Namun pendekatan baru ini harus telus mengambil kira kepentingan kaum Cina dan India terutama yang miskin dan terpinggir.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, saya tidak beri laluan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa? Takut? *[Ketawa]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, masalah besar yang dihadapi ekonomi sekarang ialah pengagihan manfaat kepada segelintir masyarakat menyebabkan kesan manfaatnya tidak mengalir ke peringkat pertengahan dan akar umbi masyarakat. Kita perlu memikirkan

dan memperhebat gabungan dan kepelbagaian program dan projek seperti skim mikro kredit, pemodenan ladang pertanian, pengedaran dan penjualan hasil dalam pasaran, skim pelaburan, skim berorientasikan kebajikan dan sebagainya untuk meningkat pendapatan lapisan bawahan dengan lebih berkesan. Yang paling penting ialah program untuk meningkatkan pendapatan isi rumah kumpulan ini melalui ikhtiar yang produktif. Kita menerima prinsip dan keperluan dasar, dasar tindakan *affirmative* yang akan menghasilkan penyertaan bumiputera, golongan miskin dan terpinggir yang lainnya. Usaha mewujudkan golongan pedagang dan usahawan bumiputera perlu diperhebatkan menurut kerangka tindakan tersebut.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat bagi Sungai Siput.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kita menggesa kerajaan melindungi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, ada lagi yang berdiri di belakang.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sekejap, saya habiskan yang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kita menggesa kerajaan melindungi, memelihara dan membimbing mereka yang benar-benar mengurus pengeluaran dan menyediakan perkhidmatan kepada sektor awam dan swasta. Silakan Yang Berhormat bagi Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Saya ingin meminta penjelasan. Definisi kemiskinan sekarang ialah RM691 sekeluarga. Dengan definisi itu ada pihak kerajaan berbangga dan memuji diri sendiri kerana kita telah menurunkan kadar kemiskinan di negara kita ini dari 22% pada tahun 90-an kepada 5.7% sahaja sehingga pada masa sekarang. Bolehkah kita menerima RM690 itu sebagai satu paras untuk kemiskinan? Dengan harga-harga di bandar-bandar kita pada masa ini, kita perlukan lebih kurang RM2000 sekeluarga, iaitu kalau tidak ada tekanan kewangan. Jadi kadar garis kemiskinan yang telah ditetapkan iaitu sebanyak RM690 ini, adalah terlalu rendah. Kita telah *solve* masalah kemiskinan dengan definisi yang terlalu kurang. Jadi apabila kita sebut orang miskin di Malaysia, kita hanya bertumpu pada 5.7% sahaja. Ini berdasarkan pada satu kadar yang begitu rendah. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Siput, saya setuju. Kadang-kadang apa yang digariskan sebagai garis kemiskinan itu tidak sebenarnya berlaku. RM690 memanglah pendapatan yang kurang kepada miskin. Jadi ini yang kita yang katakan bahawa kadang-kadang kita hendak ambil *cut of point* itu mestilah realistik mengambil kira di mana kedudukannya...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: [Bangun]

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Yang Berhormat bagi Rembau bangun lagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya habiskan ini, saya akan bagi.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak sokong Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Lualan...

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak sokong, saya hendak sokong. Jangan takut.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya hendak habiskan ini.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, lualan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia hendak habiskan dahulu, kata dia.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Okey, *thank you*.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, lualan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh hendak habiskan dahulu.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, lualan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sekejap. Kita telah mengolah agenda ekonomi Malaysia untuk memacu pertumbuhan yang lebih segar dan berdaya saing serta menggariskan program...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada lagi seorang berdiri. Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sekejap, sekejap. Saya kata Yang Berhormat, saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk Yang Berhormat, belum bagi lagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kita menggariskan apa yang dikatakan agenda ekonomi Malaysia. Kita menggariskan program tindakan *affirmative* untuk semua agar mereka dapat menceburi serta bersaing secara adil dan saksama dalam ekonomi negara. Yang Berhormat Rembau dahulu kemudian Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu. Silakan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Alhamdulillah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat bagi Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama saya pohon penjelasan. Tadi saya setuju sangat dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Permatang Pauh bahawa Dasar Ekonomi Baru ini ada banyak manfaat untuk masyarakat bumiputera dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah menggariskan beberapa langkah untuk meluaskan peluang untuk masyarakat bumiputera. Cuma saya hendak tanya pendapat, penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh apakah pendirian Yang Berhormat tentang keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah menghapuskan Dasar Ekonomi Baru secara “*lock, stop and barrel*” dengan izin daripada segala dasar kerajaan negeri tersebut.

Yang keduanya tadi disebut tentang perjanjian berat sebelah konsesi dan sebagainya, tetapi yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat di sini bahawa tempoh konsesi tersebut adalah berpuluh-puluh tahun. Jadi apakah mesej atau isyarat yang kita hantar kepada pelabur asing apabila kita tidak menghormati *sanctity of contract* dengan izin dan sebenarnya semua ini adalah *legacy*. *Legacy* daripada 10 tahun dahulu di mana Dato’ Seri Anwar sendiri telah menandatangani konsesi tersebut dan hari ini susah untuk kita merombak semula konsesi ini kerana telah menjadi *sanctity of contract*. [Tepuk] Jadi susah Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi berkata tentang pelabur asing FDI. FDI ini akan terjejas kalau kita tidak ada menghormati *sanctity of contract* dengan izin. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sebelum Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu, yang dikatakan DEB oleh Kerajaan Pulau Pinang. Apa yang Kerajaan Pulau Pinang katakan adalah yang benar. Satunya, Pulau Pinang bumiputera 30% dan kalaulah katakan Dasar Ekonomi Baru itu berat sebelah, tidak menguntungkan bumiputera yang sepatutnya dapat buat apa ada begitu punya dasar? Ini yang dikatakan, kalau *dihijack* kalau diambil kalau disalahgunakan, ini yang *point* saya katakan. Yang Berhormat bagi Rembau takkan faham-faham? [Tepuk]

Sanctity of contract, ya. Yang orang tidak masuk, yang pelabur asing tidak datang ini kerana kehakiman kita. *Point* itu saya akan masuk. Tunggu dan sabar. Ya, Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebut Kuala Krai tadi.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu ke Yang Berhormat bagi Kuala Krai? Minta Penjelasan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua menyebut Kuala Krai tadi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sebenarnya hendak suruh Yang Berhormat bagi Kuala Krai duduk dahulu. [Ketawa] Sebelum Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bagi laluan, yang lain itu duduk dahulu. Bukan saya panggil Yang Berhormat bagi Kuala Krai yang bercakap. Siapa yang diberi laluan Yang Berhormat?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Saya sungguh terpegunlah dengan ucapan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tadi dengan menyebut tentang kekayaan yang diagih kepada segelintir dan kemudiannya kepada kroni-kroni. Tetapi apabila saya lihat sendiri apa yang telah dilakukan oleh wakil Permatang Pauh tadi, yang pertamanya beliau sendiri tidak menyatakan siapakah kroni-kroni yang mendapat kekayaan untuk segelintir tadi dan saya mohon penjelasan.

■1200

Yang kedua, saya lihat dalam perbahasan di Dewan ini, nampak benar mentang-mentanglah kita mempunyai kuasa sebagai penyokong usul, saya nampak laluan yang diberikan kepada pihak pembangkang begitu mudah tetap begitu payah kepada pihak kerajaan. Ini pun hanya baru sekadar Ketua Pembangkang. Kalaulah jadi pemimpin macam mana agaknya? *[Tepuk]* Sila beri jawapan. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Takkan lah tak tahu mana-mana kroni yang lama sudah bukan dalam politik. Tak payahlah saya beritahu, tahu sendiri. Ini adalah dasar ucapan dalam dasar, cari yang lain dan saya akan sebutkan. Tunggu dan sabar. Yang Berhormat Kuala Krai, Tuan Yang di-Pertua saya berikan kepada Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Disebutkan dalam salah satu permohonan penjelasan tadi mengenai *sanctity of contract* ini. Kalaulah kita mengambil pengalaman awal abad ini apabila Kerajaan Pusat membatalkan perjanjian royalti minyak kepada negeri Terengganu yang jumlahnya setahun ketika itu RM800 juta. Sekarang ini sudah katanya lebih dari RM1 bilion. Berapa banyak sudah ia kalau berpuluh-puluh tahun nanti? Adakah tidak itu sebagai satu jalan yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat untuk merosakkan satu ikatan kontrak yang begitu baik? Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh? *[Tepuk]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, tepat sekali. Tepat sekali. Itu menjawab dengan sendirinya Yang Berhormat Rembau. Jadi saya akan sambung Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak masuk ke dalam...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Batu Pahat bangun lagi Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Batu Pahat, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Sebenarnya saya setuju tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tetapi saya harap kita dapat bezakan antara satu dasar yang baik dengan pelaksanaan yang buruk sebab kalau kita lihat apabila DEB diperkenalkan, sebenarnya tujuannya adalah baik iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat baru dan kita lihat kejayaannya adalah cukup besar. Cuma itulah yang saya setuju, bahawa akhirnya apabila berlaku salah guna dan sebagainya, sepatutnya ini yang harus kita perbetulkan. *[Tepuk]* iaitu mencari apa yang salah sebenarnya, bukan siapa yang salah. Yang salah itu ialah dari segi pelaksanaannya.

Maka ini kita perbetulkan. Jangan sampai apabila Yang Berhormat Permatang Pauh sebut tadi, hapuskan sahaja DEB ini. Yang ini saya tidak setuju sebab DEB ini penting sebenarnya. Sebab dia hendak membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat baru. Jadi salahkan dasar yang baik ini dan tidak perlu dihapuskan sebenarnya. Yang perlu kita tingkatkan ialah bagaimana, supaya tidak berlaku penyelewengan ini dan yang ini harus kita kongsi sebenarnya dan kalau kita lihat apa yang berlaku sekarang ini, kelahiran kelas menengah Melayu ini. Manfaatnya baik kepada pembangkang sekali pun. Semuanya datang daripada DEB sebenarnya. Ini tak ada siapa yang boleh nafikan. Kalau hendak sebut seorang-seorang boleh saya sebut sebab ini semua orang yang saya kenal sebenarnya.

Jadi jangan maksudnya, marahkan nyamuk kelambu dibakar. DEB sebenarnya tetap bermanfaat dan sebab itulah sekarang ini DEB itu pun sudah berakhir. Yang kita teruskan ialah semangatnya, semangat DEB itu perlu diteruskan. Ini yang saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Kalau setuju itu, sokong sahajalah. Memang kita katakan setelah 40 tahun Dasar Ekonomi Baru telah ada penyelewengan. Apa salahnya sekarang kita *review*, kita tukar. Kalau ada yang baik hendak pegang juga yang lama. Ini yang kita katakan. Sudah 40 tahun, sudah lama kita tengok penyelewengan. Hendak tunggu juga.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Rakyat lebih matang dan pandai daripada itu dan membuat satu permohonan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Permatang Pauh ada yang berdiri lagi di belakang.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya hendak teruskan. Saya punya ucapan panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Integriti kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, integriti kerajaan

dalam pengurusan ekonomi kian teruk terjejas. Apabila pemimpin kerajaan merestui rasuah dan pembaziran. Mengamalkan nepotisme dengan mengagihkan kontrak dan saham kepada keluarga serta mengamalkan kronisme dengan memperkayakan kelompok kecil. Dalam kes terkenal, yang melibatkan pembekalan peralatan tentera atau secara spesifik kapal selam Scorpene yang bernilai RM4.5 bilion yang dibuat secara rundingan.

Komisen yang melampau sebanyak RM530 juta. Bukan RM530, RM530 juta telah dibayar oleh pembekal kepada Perimekar Sdn Bhd yang dimiliki oleh Abdul Razak Baginda, penasihat kepada Menteri Pertahanan. Begitu juga dengan pembelian jet pejuang Sukhoi bernilai RM3.2 bilion di mana syarikat IMT Defence Sdn Bhd yang dikuasai oleh Datuk Adib Adam bekas Ketua Menteri Melaka dan bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah mendapat komisen RM380 juta. Bekas Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Zainal Abidin Zin memberitahu Parlimen dalam Dewan yang mulia ini bahawa komisen tersebut dibayar. Memang ada komisen, dibayar untuk penyelarasan dan khidmat sokongan oleh pembekal dan tidak oleh kerajaan.

Ia tidak memerlukan seorang yang genius untuk menyedari bahawa sebenarnya kerajaanlah yang menanggung pembayaran komisen tersebut melalui nilai yang dilambungkan untuk mengambil kira bayaran komisen itu. Tanggapan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat...

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tak, saya tak bagi. Tanggapan rakyat ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Duduk dahulu Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ini *point* yang penting. Ini duit rakyat ini. Tanggapan rakyat ialah ia mungkin bukan komisen tetapi rasuah di antara pemimpin tersebut dengan individu yang mendapat komisen itu. Dalam laporan audit bukan saya saja, dalam laporan audit yang dibentangkan dalam Parlimen 7 September 2007. Didapati bahawa PSC Naval Dockyard yang dimiliki oleh Tan Sri Dato' Amin Shah Omar Shah ketika itu sepatutnya membekal 27 kapal peronda bernilai RM24 bilion tetapi sehingga pertengahan 2006 hanya dua buah kapal peronda sahaja yang siap. Itu pun terdapat 298 kompelin yang dikemukakan dan 383 peralatan tidak dibekalkan. Kontrak asal bernilai RM5.35 bilion meningkat kepada RM6.75 bilion sehingga Januari 2007.

Kementerian Pertahanan membayar RM4.26 bilion walaupun kerja siap hanya bernilai RM2.87 bilion iaitu lebih bayaran sebanyak RM1.39 bilion atau 48%. Anehnya, hairan bin ajaib, Kabinet pula, Kabinet sekarang bukan yang dahulu, Kabinet sekarang meluluskan pengecualian penalti sebanyak RM214 juta. Kerajaan dituntut supaya tidak berlengah lagi untuk menjalankan penyiasatan rapi terhadap kepincangan dan penyelewengan yang berlaku. Ini penting agar tiada percubaan dibuat untuk melindungi mana-mana pemimpin kanan kerajaan dan menutup skandal rasuah pembelian senjata yang melibatkan berbilion ringgit wang rakyat. *[Tepuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf. Ini penting untuk negara kita. Nak kacau-kacau kah apa, hendak tanya lain kali. Boleh tanya dekat luar.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Wah, ini dah kena cop lah nampaknya.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Maka dengan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Maka dengan itu, atas nama rakyat yang membayar cukai, saya mencabar pada Perdana Menteri supaya menubuhkan satu suruhanjaya bebas bagi menjalankan penyiasatan dengan segera. *[Tepuk]*

■1210

Penyiasatan ini harus rapi bagi mendedahkan kepincangan dan penyelewengan dalam bekalan peralatan ketenteraan yang melibatkan pembayaran dari dana awam dari cara yang tersangat meragukan. Ini adalah ketenteraan.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Mohon penjelasan, Pontian.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf. Kita perlu menyisih... Saya tidak bagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Duduk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kita perlu menyisih segala sistem, jenis sistem yang menyebabkan rakyat sangsi di atas integriti kerajaan di dalam pengurusan ekonomi. Bila kesangsian dibentuk dan berterusan, maka amat sukar pihak berkuasa mengurus ekonomi dengan berkesan kerana setiap keputusan akan dipersoalkan dan dipersendakan. Akibatnya, rakyat bertambah ragu terhadap integriti kerajaan dan kepimpinan negara. Tidak ada pula dia orang ini ya?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk tentang krisis makanan. Akhir-akhir ini, banyak diperkatakan bahawa dunia sedang menghadapi krisis makanan di mana pengeluaran beras dan bahan-bahan makanan lain tidak dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan menyebabkan harganya melambung tinggi. Kekurangan berlaku kerana permintaan yang tinggi terutama daripada China dan India. Pertambahan penduduk dunia, berkurangnya kawasan pertanian untuk memberi laluan kepada pembangunan hartanah dan industri. Kurangnya insentif untuk penerokaan kawasan baru untuk penanaman padi, kekurangan air kerana digunakan untuk industri, cuaca dan kenaikan harga bahan bakar.

Yang menghairankan Tuan Yang di-Pertua, hampir kesemua negara-negara Asia dapat menghasilkan padi dan beras bagi memenuhi keperluan dalam negara mereka masing-masing, melainkan empat buah negara iaitu Filipina, Bangladesh, Singapura dan Malaysia.

Hatta, bukan Yang Berhormat Kuala Krai. Hatta, negara-negara Asia yang maju industri, seperti Jepun, Korea dan Taiwan dapat menghasilkan beras melebihi keperluan dalam negara mereka. Kerajaan perlu memandang serius perkara ini dan menjadikan agenda pengeluaran padi dan beras mencukupi untuk keperluan negara sebagai agenda penting seperti mana Jepun menjadikan pengeluaran padi dan beras sebagai agenda pertahanan negara. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan...

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tidak, saya hendak *this point*, sekejap. Sepatutnya daripada berbelanja berbilion ringgit untuk kapal selam dan kapal terbang Sukhoi, lebih baik kerajaan memberi tumpuan dalam peningkatan rangsangan bagi sektor pertanian khususnya dalam merangka menjamin pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan rakyat...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pontian bangun lagi Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, dan juga sebagai persiapan dalam pertahanan makanan. Bagi menggesa agar...

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rembau bangun, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Banyak kali sudah Yang Berhormat Rembau saya sudah bagi peluang. Kami menggesa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian, tidak bagi peluang lagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kami menggesa... Ah, dekat-dekatlah Johor dengan... Kami menggesa agar usaha yang bersungguh-sungguh, baik bagi peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan-kerajaan negeri...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Arau, Arau, Yang Berhormat Arau bangun Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, saya hendak habiskan yang ini. [Menyambung semula perbincangan] ...Dilakukan untuk membantu golongan petani dan penanam padi. Peruntukan dana awam harus dijamin untuk program-program pembinaan keupayaan bagi masyarakat tani kita bagi menghasilkan pengeluaran makanan yang memenuhi keperluan negara.

Saya masuk bab pendidikan dan modal insan. Tuan Yang di-Pertua, pengurusan ekonomi semakin kompleks dan perlu kepada penyelesaian baru, baik domestik mahupun peringkat global.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan sebelum masuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rembau bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: ... tentang pertanian.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf. Dalam usaha mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, kita tidak boleh lagi beranggapan berbelanja melalui ciptaan beberapa projek mega ataupun infrastruktur koridor atau asas ekonomi baru untuk menjana permintaan masa hadapan. Kita sudah melihat pemikiran sedemikian tidak berjaya menghasilkan daya ekonomi yang mapan. Atas asas ini, bagi memastikan masa hadapan yang dinamik, usaha konkrit patut dilakukan untuk mengubah komponen ekonomi modal insan bersesuaian dengan ekonomi global. Kita perlu membina semula asas baru ekonomi dengan meningkatkan nilai modal insan demi masa hadapan negara.

Saya ingin memberi contoh Tuan Yang di-Pertua, di mana pembangunan koridor tersilap seperti mana pembangunan Cyberjaya. Tidak ada sebab untuk mempercayai apa yang dipanggil pembangunan koridor-koridor yang dicadangkan kerajaan tidak mengalami nasib yang sama seperti Cyberjaya. Apabila kerajaan bercadang mencipta asas baru ekonomi berlandaskan teknologi maklumat, kerajaan mengarahkan pelaburan kepada pembangunan infrastruktur dan hartanah di Cyberjaya. Bagaimana ia boleh menjana pembangunan ekonomi berasaskan teknologi maklumat melalui pembangunan infrastruktur dan hartanah sedangkan pembangunan teknologi maklumat diasaskan melalui idea, pengetahuan dan aplikasi komputer.

Nilai hakiki pembangunan teknologi maklumat bermula dari modal insan yang menjurus kepada sistem pendidikan negara. Kualiti dan pengetahuan yang disampaikan di universiti memainkan peranan penting di dalam pembangunan modal insan ini yang kemudiannya boleh diguna pakai di dalam pembangunan ekonomi berasaskan teknologi maklumat atau keusahawanan produktif yang lain. Semua mengetahui semasa kita membangunkan Cyberjaya, prestasi universiti kita merudum terutama dalam bidang sains dan teknologi. Kita tidak mempunyai persediaan yang mencukupi apabila melancarkan pembinaan Cyberjaya.

Dengan yang demikian, kita gagal mencipta ekonomi berasaskan teknologi maklumat, walaupun kerajaan berbelanja berbilion ringgit di dalam pembangunan koridornya. Cyberjaya merupakan contoh terbaik di mana kerajaan gagal mengambil kira fundamental dan hakikat asas ekonomi teknologi maklumat sebelum membangunkan Cyberjaya. Apa yang dikehendaki oleh pemimpin politik pada ketika itu ialah pujian dan pujaan serta-merta dari pemimpin dunia dalam pembangunan Cyberjaya dan bukannya pulangan ekonomi yang sepatutnya membina asas baru ekonomi negara.

Sehingga hari ini, hasil pulangannya masih kabur. Tuan Yang di-Pertua, pembaharuan dan perubahan dalam modal insan amat diperlukan dalam menghadapi persaingan sengit ekonomi global. Seperti yang dapat dilihat di India dan di Ireland, pembangunan teknologi maklumat adalah hasil langsung sistem pendidikan kelas pertama yang diperlukan dalam era teknologi maklumat. Dalam contoh kedua-dua negara tersebut, pembangunan infrastruktur dan hartanah datang selepas pengumpulan kebolehan modal insan dan pembentukan asas teknologi maklumat dalam ekonomi negara dan bukan sebelum itu.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ini membawa kita kepada keperluan menaksir semula pengurusan ekonomi negara dengan memberi penekanan untuk membincang segera dan bersungguh-sungguh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Permatang Pauh, ada yang bangun.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kuala Kedah bangun, minta penjelasan sedikit.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat minta maaf. Saya hendak teruskan. Ini membawa kita kepada keperluan menaksir semula pengurusan ekonomi negara dengan memberi penekanan untuk berbincang segera dan bersungguh-sungguh masalah yang dihadapi untuk memulihkan kedudukan persaingan ekonomi negara dalam arena global.

Dalam hubungan ini, kita tidak mempunyai pilihan melainkan terpaksa memperhebatkan lagi usaha meningkatkan prestasi dan kualiti pendidikan di dalam sistem universiti kita. Kita kena pastikan graduan yang dikeluarkan berkualiti dan *marketable* dengan izin. Sistem pendidikan kita mestilah berupaya mendidik modal insan yang bersedia diterapkan di dalam perusahaan negara sama ada melalui syarikat multinasional atau keusahawanan atau bekerja di luar negara.

■1220

Saya difahamkan ada kalangan profesor di universiti tempatan terpaksa menyelia sehingga 10 pelajar Ph.D sedangkan di universiti terbilang dunia, seliaan tidak lebih daripada dua atau tiga orang sahaja pelajar dalam satu masa. Bagaimana kita hendak meningkatkan kualiti modal insan kalau demikianlah hanya dalam sistem di universiti dalam negara kita. Sistem pendidikan juga boleh digunakan untuk mengimbangi kedudukan struktur sosioekonomi negara.

Golongan lemah dan tidak berkemampuan harus diberi peluang seluas-luasnya untuk mengubah kedudukan sosioekonomi mereka agar dapat sama-sama bersaing dalam arus pembangunan negara. Keutamaan yang diberi kepada golongan ini tidak bermakna kita perlu merendahkan standard pendidikan kita tetapi mereka perlu memenuhi standard dan kualiti yang ditetapkan oleh institusi pengajian dan keperluan ekonomi negara.

Kami menganggap pembangunan modal insan merupakan komponen kritikal dan terpenting dalam pembangunan ekonomi negara. Ketika ini kalau dilihat ekonomi terulung Asia, khasnya Jepun, Taiwan dan Korea, mereka tidak mempunyai sumber asli tetapi menjadi pesaing ekonomi global yang berjaya kerana keupayaan mentakrif semula isi kandungan modal insan mereka.

Malaysia perlu melakukan perkara yang sama. Kita mesti mengalih mentaliti daripada pembangunan jenis infrastruktur atau pembangunan ala koridor dan memberi tumpuan kepada peningkatan tahap modal insan dengan menggalakkan inovasi berdasarkan idea yang kreatif dan penerapan pengetahuan baru ke dalam sistem. Kami percaya itulah pemacu asas baru pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, selepas modal insan, saya hendak masuk ke bab kehakiman. Kami mengalu-alukan titah dan saranan pemangku...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada itu, hendak tanya soalan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kuala Kedah bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Minta penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tidak apalah, saya tidak beri. Kami mengalu-alukan titah dan saranan Pemangku Sultan Perak, Raja Dr. Nazrin Shah agar ditubuhkan Suruhanjaya Kehakiman bagi memulihkan semula imej badan kehakiman dalam Perasmian Persidangan Tahunan Majlis Hakim Malaysia 2008 pada 9 April baru-baru ini. Ini bagi memastikan keyakinan rakyat ke atas badan kehakiman pulih semula dan tidak tertakluk di bawah kuasa eksekutif.

Saranan tersebut sangat bertepatan memandangkan sistem kehakiman tidak lagi bebas, telah tercemar dan boleh di rasuah seperti mana terdedah dalam kes video V. K. Lingam. Pendedahan dalam kes ini hanya sedikit atau dengan izin, *tip of the iceberg*, banyak lagi kes-kes yang disangsikan mendapat keadilan di bawah sistem kehakiman sekarang termasuk pendakwaan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Wangsa Maju bangun.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sekejap. Saya habiskan. Banyak lagi kes-kes yang disangsikan mendapat keadilan di bawah sistem kehakiman sekarang termasuk pendakwaan terhadap mantan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Yang Berhormat Lim Guan Eng dan Yang Berhormat Wee Choo Keong. Silakan Wangsa Maju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Ketua Pembangkang. Saya ingin menanya Ketua Pembangkang bahawa beliau sedar atau tidak, *Commission of Enquiry* yang telah tamatkan pendengaran kes V. K. Lingam ini pada bulan Februari dan telah ditetapkan pada 11 Mac untuk mengeluarkan *reportnya* ataupun memberikan *reportnya* kepada Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Malaysia.

Selepas pilihan raya, 8 Mac, telah ditangguhkan pula dan diminta untuk memberikan laporan mereka pada 11 April dan sekarang telah bulan Mei, 5 Mei dan pada hari ini kita tidak tahu apa-apa yang berlaku. Yang Berhormat sedar atau tidak, laporan ini telah disalurkan kepada kerajaan atau tidak pada masa ini? Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Nama Yang Berhormat saya sebutkan dalam ini, terus Yang Berhormat bangun. Saya juga masih dalam kegelapan tentang perkara ini dan kita harapkan bahawa kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi kita cahaya dengan memberitahu apakah laporan ataupun kandungan laporan dalam suruhanjaya yang telah diadakan. Namun saya dapati bahawa ramai yang mengatakan dan mempertikaikan skop suruhanjaya ini terlalu sempit untuk kita mengetahui dan mencedok sampai ke akar umbi. Bagaimana perkara ini boleh berlaku kepada sistem kehakiman kita di negara kita yang tercinta ini?

Katalah Yang di-Pertua dituduh atau apa-apa, apakah boleh merasakan diri terbela dalam sistem kehakiman sekarang? Kalau saya ambil kata-kata Al-Marhum Tun Sufian, dahulunya *Chief Justice, Lord President* dipanggil pada masa itu, dia kata, "saya tidak percaya atas kehakiman sekarang ini, jika saya tertuduh...". Apakah ini kata-kata seorang yang di kedai kopi? Tidak. Ini adalah kata-kata seorang yang mempunyai latihan dalam kehakiman, seorang *judge*, seorang hakim yang sampai ke tahap tinggi sekali dalam sistem kehakiman Malaysia.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan, Yang Berhormat Speaker, peraturan. Saya bangun dengan Peraturan 36(2)...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, peraturan berapa?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: ..."mana-mana perkara tidak boleh disebut yang dalam timbangan mahkamah". Seperti yang Tuan Yang di-Pertua maklum, bahawa perkara ini sekarang dalam timbangan mahkamah. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan kita ada satu kerajaan yang cukup telus walaupun hanya mendapat laporan daripada orang-orang perseorangan yang mungkin kita tidak tahu hujung pangkalnya tetapi kita telah menubuhkan satu suruhanjaya. Jadi saya berharap supaya perkara ini tidak ditimbulkan lagi. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan dalam mahkamah, ia suruhanjaya. *[Tepuk]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan *Speaker*, Suruhanjaya Mahkamah itu serupalah, dalam pertimbangan suruhanjaya. *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, Yang Berhormat. Saya akan buat keputusan. Kalau Yang Berhormat mencelah, biarlah Yang di-Pertua buat keputusan. Saya berpendapat tidak ada benda pun yang hendak ditegurkan di sini, Yang Berhormat. Ini ucapan dalam Dewan, kalau kita kongkong sangat, semua tidak boleh bercakap nanti. *[Tepuk]*

Ini kerana saya membuat keputusan bukan untuk seorang, bukan untuk sebelah tetapi untuk semua. Jadi kita kena beri peluang dan ruang untuk semua bercakap asalkan jangan bertentangan sangat dengan peraturan. Silakan Permatang Pauh.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, pohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Rembau bangun, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tidak apa, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak bagi peluang, Yang Berhormat, duduk dahulu.

Seorang Ahli: Dia takut, dia takut.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat Permatang Pauh. Rembau sila duduk.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peristiwa kebelakangan ini jelas menunjukkan kuasa eksekutif memijak sistem kehakiman negara. Ketua Hakim Negara sendiri mengakui persepsi negatif masyarakat terhadap sistem kehakiman. Hanya Jasim mungkin masih lagi tutup sebelah mata – yang dulu, tetapi yang ini mungkin sama. Ini satu pengakuan yang terbuka..

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Speaker, sangkaan jahat, Speaker. Ini peraturan, sangkaan jahat, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila teruskan Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ini satu pengakuan yang terbuka bahawa sistem kehakiman berat sebelah. Rasuah dan pengadilannya boleh diatur. Saya dan semua Ahli Pakatan Rakyat berpendapat bahawa sebenarnya ia bukan lagi persepsi tetapi ternyata dan terbukti. *[Tepuk]*

■1230

Demokrasi sebenar yang menjamin budaya cemerlang ekonomi berhajat kepada sistem kehakiman yang bebas, berkecuali dan adil. Hakim-hakim tidak boleh membiarkan penghakiman mereka curang oleh dorongan sama ada kewangan, kenaikan pangkat atau kepentingan peribadi. Perbuatan ini akan membawa kerosakan teruk kepada pentadbiran keadilan dan kepentingan ekonomi negara.

Tidak menjadi rahsia lagi, kemerosotan pelaburan langsung asing dan keengganan syarikat multinasional menandatangani perjanjian yang memperuntukkan pertikaian dirujuk kepada perundangan Malaysia kerana kesangsian dan pengalaman pahit mereka dengan sistem kehakiman negara kita.

Dari pengalaman itu, datang kesedaran kedudukan sebenar dan terbukti bahawa sistem kehakiman negara tidak boleh dipercayai untuk mendapat keadilan yang saksama, berkecuali dan adil dalam pentadbiran undang-undang negara. Bersemuka dengan kenyataan ini, ramai dari kalangan mereka mengambil keputusan lebih baik berpindah ke negara lain. Atas dasar ini, negara perlu memberi nafas baru untuk menjadi sebuah negara demokrasi sebenar untuk membuat reformasi ke atas sistem kehakiman negara yang bebas, berkecuali dan adil.

Ia sepatutnya menjadi keutamaan negara, kerajaan telah mengumumkan hasrat penubuhan Suruhanjaya Kehakiman. Walaupun terlewat, ia merupakan langkah yang dialu-alukan ke arah mengembalikan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap sistem kehakiman negara. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat kesangsian dan kekhuatiran mengenai cadangan tersebut, kenapa? Sejauh manakah keupayaan dan keberkesannya?

Kita sudah ada contoh DEB tadi, yang kata bagus, bagus tapi pelaksanaannya katakan. Ini samalah. Sejauh manakah keupayaan dan keberkesannya? Apakah kerajaan dapat memberi jaminan bahawa ia tidak akan berdolak-dalik dalam melaksanakan syor-syor itu nanti? Kita tidak mahu nanti Suruhanjaya Kehakiman mengalami nasib seperti mana Suruhanjaya Diraja

yang ditubuhkan kerajaan bagi menambahbaikkan pasukan polis PDRM, Polis Diraja Malaysia bukan Polis Raja di Malaysia.

Kemudiannya, setelah syor dikemukakan untuk membentuk satu mekanisme penyemakan yang bebas mengenai aduan dan salah laku polis atau lebih dikenali sebagai *Independent Police Complaints and Misconduct Commission*, IPCMC, cadangan penubuhannya masih kabur malahan tidak kedengaran lagi.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau bangun.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kesimpulannya, reformasi badan kehakiman amat diperlukan bagi memulihkan kembali kebebasan kehakiman. Malahan apa jua bentuk reformasi terhadap sistem pengadilan negara mesti tidak mengecualikan Jabatan Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia agar tidak berbangkit lagi, Tuan Yang di-Pertua, agar tidak berbangkit lagi amalan pincang seperti penyiasatan terpilih ataupun pendakwaan terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, bab antarabangsa. Malaysia merupakan anggota ASEAN, APEC, Komanwel, OIC, PBB dan sebagainya. Dalam arena antarabangsa, tentunya kita tidak seharusnya terasing terhadap apa-apa yang berlaku di sekeliling kita baik sebagai jiran serantau mahupun global. Malahan dalam kapasiti atau kepentingan yang sah, kita perlu mempunyai sikap dan pendirian yang jelas dan tegas untuk mempertahankan kedaulatan negara dan bertindak seiring dengan tuntutan nilai dan keadilan sejagat.

Dalam hubungan ini, kita tidak seharusnya bersikap apologetik, membisu atau menyepikan diri daripada menyumbang dan memainkan peranan dalam arena dan forum antarabangsa untuk menegaskan pendirian kita dengan sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia pernah diberi mandat mewakili negara-negara Islam sebagai Pengerusi OIC. Harapan ummah dikecewakan kerana Malaysia tidak mengambil tindakan berkesan untuk membela nasib negara dan umat Islam di serata dunia. Malaysia dilihat lemah dan lesu dalam menangani konflik yang melanda negara-negara Islam.

Dato' Haji Ismail bin Abd. Mutalib [Maran]: Yang Berhormat, Maran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Maran, Maran baik sikit.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Silakan.

Dato' Haji Ismail bin Abd. Mutalib [Maran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat ni, tetapi kadang-kadang mengecewakan saya kerana daripada mula Yang Berhormat cakap, tak pernah menampilkan rasa terima kasih kepada Malaysia, negara kita ini. Saya tak tahu sebenarnya Yang Berhormat dalam Dewan ini adalah kerana negara kita ini aman makmur dan sebagainya.

Saya tidak nafikan adanya kelemahan, bermaknanya suatu pun tak ada Yang Berhormat berterima kasih sedangkan apa yang kita peroleh ini adalah usaha yang dimainkan oleh kerajaan. Apa salahnya kalau sebut sikit terima kasih, yang tidak baik, okey kita hentam tak apa. Saya nak tanya Yang Berhormat, kalau lah negara Malaysia ni teruk sangat, apakah Yang Berhormat bercadang untuk pindah ke negara lain? *[Dewan riuh][Tepuk]* Macam suasana yang tidak baik.

Saya kecewa sebagai orang lama saya hidup ni, saya kecewa. Minta pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Maran, tak dengar ke tadi, saya kata ada kebbaikannya. Saya kata, tak dengar ke? Saya mengakui ada kebbaikannya, tetapi saya kata tadi tidak mahu, Yang Berhormat, kalau kena pendakwaan terpilih, Yang Berhormat kena pukul, Yang Berhormat kena telanjang, apakah itu yang kita mahu untuk negara kita? Yang baik itu, dah lama, banyak dah cakap. Yang Berhormat baru pertama kali masuk Dewan, kalau duduk dalam Dewan ni lama-lama, yang mana belah sana semua cakap puji-pujian, kutuk saja belah sini. Ini saya bukan kutuk tapi saya ini dalam kritikan membina. Sama-samalah kita membina negara kita ini yang kita cintai. Nak suruh saya keluar kenapa? Ini kah caranya. Tak suka, keluar. Ini kah caranya? Tidak boleh sikit menerima kritikan. Nipis sangat ke telinga ini? *[Dewan riuh][Tepuk]* Itu belum lagi jadi menteri, apa lagi, itu baru *backbencher*.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Malaysia menjadi Pengerusi OIC, kita dilihat kaku dan tidak berperanan menangani konflik di Timur Tengah khasnya campur tangan Amerika Syarikat bersama beberapa negara lain Barat, di bumi Iraq dan keganasan berterusan rejim Israel di Palestin. Kami mengutuk dengan sekeras-kerasnya kehadiran tentera Amerika Syarikat bersama negara-negara Barat lain di bumi Iraq dan mendesak mereka keluar dengan kadar segera.

Kami menyokong desakan masyarakat antarabangsa supaya Amerika Syarikat menghentikan dasar campur tangannya di Iraq dan menyerah kepada rakyat Iraq sendiri untuk menentukan penyelesaian terhadap permasalahan dalam negara mereka sendiri. Mengenai Palestin, kami menggesa Kerajaan Persekutuan dan masyarakat antarabangsa supaya mengiktiraf Hamas dan melibatkannya dalam proses pendamaian di bumi Palestin. Penyisihan Hamas dalam proses perdamaian akan menafikan suara rakyat Palestin yang telah memilih mereka melalui proses demokrasi yang diiktiraf dunia.

■1240

Demi keadilan kepada rakyat Palestin, kami menyeru negara Malaysia memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada Kerajaan Palestin pimpinan Hamas sebagai mewakili rakyat Palestin secara sah.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rembau bangun lagi, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf. Mengenai ASEAN secara khususnya kami mendesak supaya segala langkah tegas diambil bagi memastikan Myanmar akur terhadap tuntutan antarabangsa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf. Mengenai ASEAN... *[Disampuk]* Saya ada sebut namakah? Saya tidak sebut nama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat berpilih-pilih, Tuan Yang di-Pertua, ada yang bagi ada yang tidak. Mana ada keadilan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk, Yang Berhormat. Dia tidak bagi peluang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana boleh cakap adil!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk, Yang Berhormat. Sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai ASEAN, secara khususnya kami mendesak supaya segala langkah tegas diambil bagi memastikan Myanmar akur terhadap tuntutan antarabangsa agar membebaskan Aung San Suu Kyi bersama tahanan-tahanan politik lainnya dan mengembalikan hak-hak asasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk bab hak-hak perlembagaan. Kami memperakui hak Melayu dan bumiputera yang merangkumi negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Kami menghormati dan mempertahankan semua hak yang diperuntukkan dalam perlembagaan baik secara khusus mahupun tersirat. Hak orang Melayu dan bumiputera, dan kedudukan istimewa mereka seperti mana yang ditakrifkan dalam perlembagaan akan kekal.

Begitu juga dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara tidak akan di kompromi di samping memberi kebebasan beragama kepada penganut agama lain. Usaha memartabatkan kedudukan Islam dan kemuliaannya tidak harus memberi legitimasi kepada gejala fanatisme, seperti merobohkan kuil penganut Hindu dan mengenakan sekatan yang tidak munasabah terhadap penganut Kristian dan ajaran agama lain selain Islam.

Bahasa Malaysia, bahasa Melayu akan dimartabatkan. Kami mencadangkan supaya mutu penggunaan bahasa Melayu dipertingkatkan melalui pengeluaran buku-buku bermutu, memperbanyakkan karya sastera dan sains dalam bahasa Melayu, mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu dan memperhebatkan penggunaan bahasa Melayu dalam program-program media.

Kami juga mencadangkan supaya bahasa ibunda rakyat negara ini baik di negeri-negeri Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak diberi tempat yang sewajarnya dalam sistem pendidikan negara. Bantuan dan peruntukan yang mencukupi diberikan kepada semua sekolah termasuk Sekolah Agama Rakyat, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Kami juga mengatakan bahawa penguasaan bahasa Inggeris...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Shah Alam bangun.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sekejap, saya habiskan ini. Kami juga menegaskan bahawa penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat perlu diperhebat. Silakan Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Permatang Pauh. Berhubung dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sekatan terhadap agama-agama lain iaitu Hindu dan juga Kristian, saya ingin bertanya, tidakkah Yang Berhormat juga mengakui dan menyedari bahawa agama Islam dan umat

Islam juga telah dikongkong di bawah Kerajaan Barisan Nasional, di mana masjid-masjid dan surau-surau serta tenaga-tenaga penceramah telah dikawal dengan begitu rapi, dan begitu juga dengan sekolah-sekolah agama. Saya harap mendapat penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itulah yang kita katakan kita tidak mahu didiskriminasi dan agama Islam sebagai agama Wilayah Persekutuan - *Relegion of the Federation* akan dipertahankan dan dimuliakan. Tuan Yang di-Pertua, kami menegaskan bahawa...

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Kami menentang keras...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Permatang Pauh, sila duduk dulu. Ahli Yang Berhormat, duduk dulu, ada sedikit pengisytiharan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kedatangan Yang Mulia Dr. H.M. Hidayat Nur Wahid, Ketua Majlis Permesyuaratan Rakyat Republik Indonesia serta delegasi beliau. *[Tepuk]* Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang bangun, Yang Berhormat Keningau.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Putatan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak bagi...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya berminat dengan teks ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya harap semua orang berminat!

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan sikit. Ini kawan ni.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tidak, minta maaf. *[Ketawa]* Semua kawan. Saya anggapkan semua kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada tawar menawar, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengalu-alukan kehadiran Pak Hidayat sebab saya rasakan kita telah biasa bertemu. *[Menoleh ke tempat duduk delegasi daripada Indonesia]*

Kami menegaskan bahawa kami menentang keras sebarang diskriminasi terhadap rakyat semata-mata kerana perbezaan agama, kaum, keturunan, jantina, bahasa atau fahaman politik. Hakikatnya jati diri negara harus dibina di atas asas ketuanan rakyat yang berteraskan prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan dan nilai-nilai keadilan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan masuk tentang bab hak asasi manusia. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan skop yang menyeluruh mengenai hak asasi manusia termasuk hak bersuara dan hak berhimpun. Dalam pada itu, negara Malaysia telah menerima dan memperakui Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 yang secara jelas dan nyata memperkukuhkan lagi hak-hak tersebut di samping dengan tegas menolak sebarang pencabulan sekatan dan halangan terhadap hak bersuara, hak berhimpun dan lain-lain lagi hak asasi manusia. Namun demikian...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan bangun lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat sangat teks ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh, Ketua Pembangkang yang dari mula menggunakan istilah "kami", "kami", seolah-olah Yang Berhormat ini sudah memerintah. Jadi, apa yang janji, apa yang dibuat seolah-olah Yang Berhormat yang melaksanakan apa yang terkandung dalam teks ucapan Yang Berhormat. Minta penjelasan sikit.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Itu kan bahasa kita! "Kami". "Kita". Saya rasa tidak ada apa-apa yang sangsi dan kelainan. Kalau hendak memerintah, kalau diizinkan oleh Allah, apa salahnya! *[Sorakan dan tepukan daripada Ahli-ahli Pembangkang]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tidak mengapalah. Sudah. Cukuplah. Tidak ada *point*, saya akan teruskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, sikit lagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ini atas dasar "kami" atau "kita", tetapi saya akan teruskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, sikit lagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya minta maaf, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, hak-hak pada realitinya hak-hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan secara sistematiknya dibendung sejak dahulu melalui pelbagai peruntukan undang-undang yang digubal dan dikuatkuasakan sehingga sekarang ini. Justeru itu, sebagai mewakili seluruh suara pembangkang Parlimen dan rakyat Malaysia amnya serta pernyataan tegas saya untuk menentang sebarang bentuk penindasan terhadap kebebasan rakyat dan hak asasi manusia...

■1250

Melalui Dewan yang mulia ini, sekali lagi saya menggesa kerajaan bertindak memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), [*Tepuk*] Akta Rahsia Rasmi (OSA), [*Tepuk*] Akta Polis, Akta Penerbitan dan Percetakan, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Ordinan-ordinan Darurat dan pelbagai undang-undang yang menindas kebebasan dan hak asasi manusia. [*Tepuk*]

Sebagai jaminan kukuh, demi mempertahankan hak asasi manusia, kerajaan di gesa supaya bertindak menandatangani segera dan memperakui protokol antarabangsa mengenai hak-hak sivil dan politik iaitu dengan izin *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR). Protokol ini telah ditandatangani dan diperakui oleh kebanyakan negara dunia sejak ia dikemukakan pada tahun 1966 lagi. Tetapi Kerajaan Malaysia masih tidak berbuat demikian. Malahan Suhakam (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia) telah pun mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya memperakui ICCPR ini namun tidak dipedulikan oleh kerajaan. Saya ingin tahu mengapa kerajaan masih berdegil untuk tidak menandatangani dan memperakui protokol tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk ke bab yang penting dan yang akhir. Seterusnya...

Tuan M. Monagaran [Telok Intan]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana Yang Berhormat.

Tuan M. Monagaran [Telok Intan]: Telok Intan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Tuan M. Monagaran [Telok Intan]: Saya minta penjelasan Yang Berhormat Permatang Pauh. Malaysia masih belum lagi mengendorskan *Human Right Declaration United Nation* tahun 1948. Apakah pandangan Yang Berhormat sehingga sekarang Malaysia belum mengendorskan deklarasi tersebut dan rekod-rekod *human right* di Malaysia pada masa ini adalah amat teruk sekali dengan penahanan lima orang Hindraf di mana saya percaya mereka bukanlah satu ancaman kepada negara tapi mungkin menjadi ancaman kepada Barisan Nasional. *Security* negara bukan *security* Barisan Nasional. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dikatakan tadi. Saya nak bahawa ISA semua itu dimansuhkan akta-akta yang mengongkong tapi bukan saja Hindraf yang lima itu tetapi 70 lain. Semua itu. Ada sudah 6 tahun dalam tahanan tanpa bicara. Itu prinsipkah? Prinsip tanpa bicara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Muar bangun Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Muar tak pernah kena ISA. Tidak payah la. *[Ketawa]* Saya masuk tentang demokrasi...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat, saya bukan nak tanya fasal ISA. Macam mana Yang Berhormat boleh tahu saya nak tanya fasal ISA? Saya nak bertanya fasal undang-undang.

Seorang ahli: Dia berminat dengan ISA Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tak, selalunya Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perkatkan, itulah yang diminta penjelasan. Jadi saya kata tentang ISA. Jadi saya...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tapi topik Yang Berhormat sekarang ni fasal undang-undang.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Belum. Belum masuk lagi.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat baru selesai fasal undang-undang.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang tu yang tadi. Yang ini...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Fasal majoriti dan minoriti.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Bukan begini kita nak bincang.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ini baru sikit jer. Sila-sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak katakan demokrasi dan federalisme.

Seorang ahli: Lagi panjangkah cerita Yang Berhormat tu?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tidak. Tidak panjang. Sikit je lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar] Sila Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Seterusnya saya ingin mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan supaya menerima hakikat dan kenyataan bahawa rakyat inginkan perubahan seperti mana yang diperlihatkan dalam keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu. Keinginan rakyat kepada perubahan ini tidak diperolehi dengan mudah. Bukan saja kami berdepan dengan kekuatan Barisan Nasional yang memperalatkan segala jentera kerajaan, media awam dan penggunaan politik wang tetapi serentak dengan itu juga kami terpaksa menghadapi segala tindak-tanduk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang bagaikan bertindak sebagai komponen Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Demokrasi hampir terhakis dek kerenah SPR semasa Pilihan Raya Umum yang lalu. Proses Pilihan Raya yang didakwa telus dan bebas oleh Pengerusi SPR sebenarnya tercemar teruk dengan penyediaan daftar pemilih yang mencatatkan pendaftaran ribuan pengundi-pengundi hantu. Empat hari menjelang hari penamaan, semua calon dikehendaki untuk memastikan *duty* setem yang dikenakan pada borang akuan berkanun iaitu borang 5 atau borang 5(a) yang kemudiannya secara tiba-tiba ditarik balik tanpa sebab pada hari penamaan.

Proses pengundian yang melibatkan undi pos berlangsung dalam keadaan yang amat mencurigakan. Apakah boleh kita panggil setengah itu?...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu sekejap Yang Berhormat. Ada yang bangun Yang Berhormat, kat belakang.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Silakan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Di sini kita semua menyedari bagaimana pada masa yang sama dan pilihan raya yang lepas bagaimana penggunaan dakwat kekal telah dibatalkan juga di saat-saat akhir. Adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang sehingga kini mendapat maklumat ke manakah perginya stok dakwat kekal ini sehingga kini dan bagaimana duit sebanyak RM24 juta yang dibelanjakan iaitu duit rakyat. Adakah dapat balik kembali kepada rakyat, kepada kerajaan ataupun membazir begitu saja. *[Tepuk]* Minta penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya akan masuk ke bab itu kerana ia dalam teks ucapan saya. Seperti yang saya katakan undi-undi pos itu. Apakah boleh kita panggil wakil pos? Lebih meragukan kami ialah empat hari sebelum hari mengundi, satu sandiwara murahan direncanakan untuk membatalkan cadangan penggunaan dakwat kekal atau *indelible ink* yang dicapkan pada jari pengundi yang merupakan antara percubaan terakhir bagi memberi laluan mudah kepada kemenangan Barisan Nasional.

Keputusan pilihan raya umum yang lalu yang memihak kepada calon-calon Pakatan Rakyat sebenarnya tidak ada kena mengena dengan apa yang didakwa pengerusi SPR sebagai pilihan raya yang paling telus dalam sejarah. Sebaliknya keputusan tersebut adalah kemuncak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Permatang Pauh, ada yang berdiri dua tangan naik atas.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Okey, terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Ketua Pembangkang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan dakwat *indelible ink* ini Yang Berhormat telah sentuh tadi. D daripada kenyataan Ketua Polis Negara mengatakan mereka telah menahan kalau tak silap saya empat orang yang dikatakan telah membawa masuk dakwat-dakwat ini dan kita ingin mendapat penjelasan dan juga kalau boleh Yang Berhormat masukkan dalam teks ucapan, kemanakah empat orang yang di tahan oleh polis ini yang mengatakan mereka ini membawa masuk dakwat dan ini mengancam keselamatan negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih. Itulah yang menjadi tanda tanya. Mana pergi empat orang ini? Yang polis 'cekap dan betul'. Sekarang dah tukar yer. 'Integriti...' apa entah dia punya slogan. Empat orang yang dikatakan. Sebab itu kita tidak boleh gunakan dakwat kekal. Kerana empat orang ini telah masuk dan mengancam perjalanan pilihan raya kita. Ini yang kita katakan SPR ini. Apa jadi kepada mereka yang empat ini? Saya akan masukkan dalam teks ucapan saya.

Sebaliknya, keputusan pilihan raya ke-12 yang lalu adalah kemuncak kepada manifestasi rakyat yang telah sekian lama menuntut perubahan dan manifestasi rakyat ini tidak mungkin lagi dapat dibendung oleh BN mahupun SPR. Malahan jikanya, sekira pilihan raya umum yang dilangsungkan secara adil, bebas dan telus menurut nilai dan norma antarabangsa dan bukannya menurut acuan SPR. Kami yang berkeyakinan bahawa Pakatan Rakyat berjaya memenangi majoriti kerusi Dewan Rakyat dan membentuk kerajaan di peringkat persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Permatang Pauh, lagi panjang?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sambung petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Dewan sekarang. Kita mula lagi pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Permatang Pauh, sila sambung perbahasan.

2.32 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung apa yang akhir tadi tentang keputusan Pilihan Raya Umum yang lalu.

Keputusan Pilihan Raya Umum yang lalu tanpa sebarang kesangsian Tuan Yang di-Pertua, membuktikan kematangan rakyat Malaysia dan memperjelaskan lagi tuntutan hak rakyat bahawa:

- (i) suara dan pilihan rakyat harus di hormati;
- (ii) dasar dan program kerajaan di semua peringkat perlu adil;
- (iii) salah guna kuasa mesti dihentikan; dan
- (iv) kerajaan sama ada pemimpin atau pegawai-pegawai mesti berkhidmat demi keperluan dan kepentingan rakyat, tanpa pilih kasih atau sentimen politik.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan rakyat dengan jelas memberikan mandat kepada perubahan kerajaan-kerajaan negeri kepada Parti-parti Pakatan Rakyat khasnya bagi negeri Selangor yang dipimpin oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak.

Negeri Pulau Pinang yang diterajui oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Negeri Perak yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar bin Jamaluddin. Negeri Kedah yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Ustaz Haji Azizan Abd Razak dan negeri Kelantan yang kekal di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Haji Nik Abd Aziz Nik Mat.

Namun demikian sejak Jemaah Menteri dibentuk, sudah nampak petanda dan bukti bahawa keputusan dan pilihan rakyat tidak dihormati. Tuan Yang di-Pertua, antaranya ada berbagai ugutan bahawa peruntukan belanjawan Kerajaan Pusat untuk negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat akan ditarik balik, dibatalkan atau disalurkan melalui saluran-saluran yang tidak lain bertujuan untuk membentuk suatu jelmaan *parallel state government* menerusi Jabatan Pembangunan Persekutuan yang ternyata tidak demokratik sifatnya.

Pelbagai tindakan telah diambil dengan tujuan menjejaskan pentadbiran negeri-negeri yang dikuasai Pakatan Rakyat. Contohnya; memaksa semua ketua kampung dan Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) meletakkan jawatan dan menyalurkan dana belanjawan awam melalui parti-parti politik Barisan Nasional atau agensi tertentu yang dikuasai oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Gombak.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Bagi, Sila Yang Berhormat Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Penegasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tentang ugutan Kerajaan Persekutuan bukanlah sesuatu perkara yang mengejutkan, kerana ianya telah berlaku di negeri Sabah, berlaku di negeri Kelantan, pernah berlaku di Terengganu.

Namun, saya kira pada ketika itu amalan ini dilakukan oleh rejim yang lama. Akan tetapi yang mengejutkan saya Yang Berhormat Permatang Pauh, di bawah pentadbiran yang baru ini, yang kononnya mengamalkan pentadbiran Hadhari, amalan ugutan ini masih diteruskan. Sebagai contoh; pada 25 Mac 2008 yang baru lalu, Yang Berhormat Menteri Pelancongan Malaysia telah mengarahkan supaya semua acara bagi *signature events* dengan izin, di Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan digugurkan daripada senarai acara *signature events* yang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Pelancongan juga telah mengarahkan supaya semua MTPN dengan segera tidak menyenaraikan acara berkenaan dalam *calendar of events* dengan izin, laman web serta sebarang bahan promosi dan publisiti. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, apakah ini mengesahkan bahawa pentadbiran yang baru ini tidak ada bezanya dengan pentadbiran yang lama, yang mengamalkan politik ugutan setelah 8 Mac yang lalu?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Ini yang dikatakan dah menang tu, dah orang lain menang, tak boleh buat begitu! Mestilah kita amalkan sikap federalisme yang baik. Apakah tidak negeri-negeri ini, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

pun negeri yang dicintai. Bila kita katakan tidak adil, di sana marah. Ini bukti! Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Batu Pahat bangun.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Batu Pahat, okeylah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh.

Pertama ialah tentang projek-projek tadi, sebenarnya saya rasa kerajaan bersikap adil sebab itulah mana-mana projek yang dia rasa tidak lagi relevan, sesuai dan diperlukan dibatalkan atau ditangguhkan. Contohnya; *fast trek* Kuala Lumpur ke Johor Bahru. itu tidak melibatkan tempat pembangkang pun, tetapi dicadangkan untuk ditangguhkan sebenarnya sebab tidak sesuai lagi dalam soal kita nak memberikan kualiti hidup kepada rakyat.

Kedua, soal ketua kampung tadi kalau tidak letak jawatan pun nanti dipecat juga seperti mana yang berlaku di Kelantan. Jadi lebih baik letak jawatan dulu. Jika hendak diikutkan soal ini, kita lihat apa yang berlaku krisis sekarang ini, antara Menteri Besar Perak dengan Sultan Perak pun ialah kerana nak suruh Ketua Pengarah Agama Islam itu ditukarkan. Bukankah ini juga satu penganiayaan dan tidak ikut prosedur pun. Jadi ini antara contoh-contoh bila dah ada kuasa pun dua kali lima juga. Apa penjelasan?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Apa yang kita katakan, satu surat! Satu surat mengarahkan kelima-lima negeri yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat, tidak diberi peruntukan.

■ 1440

Ini yang kita katakan, kalau hendak menghentikan program yang tidak mendatangkan keuntungan itu lain. Tidak termasuk kategori itu. Katakan JKKK hendak suruh dia letak jawatan, belum letak jawatan, apa salahnya teruskan. Bukan lagi dipecat, bukan apa selepas itu dia kata ikut Kelantan, ikut apa. Tapi kalau ikut Barisan Nasional pun, bagaimana. Yang telah kita lihat sejak lama.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Taiping bangun Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ya Taiping, silakan Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ketua Pembangkang, adakah Ketua Pembangkang setuju di mana, daripada tindakan Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun mengeluarkan arahan memberhentikan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dalam kelima-lima negeri dan juga mewujudkan kerajaan dalam kerajaan iaitu untuk mewujudkan JKKKP mewakili JKKK merupakan satu amalan yang tidak menghormati demokrasi, dan

merupakan satu amalan yang amat tidak matang sekali. Adakah Yang Berhormat bersetuju?.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ya, memang saya setuju. Itulah *point* saya. Saya sambung ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Minta laluan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, sudah banyak kali saya bagi Yang Berhormat Rembau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau dia tidak bagi.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pontian boleh?.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Pontian, okeylah Yang Berhormat Pontian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Permatang Pauh, saya rasa mesti bersetuju bahawa yang penting ialah rakyat. Apakah salahnya kewujudan contohnya Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri-negeri berkaitan seperti Kelantan untuk mengendalikan pembangunan, asalkan pembangunan itu sampai kepada rakyat. Kaedah penyaluran itu terpulang kepada kebijaksanaan Kerajaan Pusat. Yang penting ialah rakyat dapat pembangunan itu.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Pontian, dalam satu rumah ada dua kepala ke? Bagaimana pengendaliannya? Yang Berhormat, kalaulah ada itu hak Kerajaan Kelantan yang dipilih oleh rakyat, kenapa pula hendak disalurkan melalui saluran lain?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang dengan Yang Berhormat Kubang Kerian bangun.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Silakan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya sangat tertarik dengan apa yang kita perbincangkan berkenaan dengan projek yang disalurkan ke negeri Kelantan. Sebenarnya kalau kita lihat, banyak ketidakadilan berlaku terutama kepada rakyat di Kelantan.

Baru-baru ini satu kes saya dilaporkan oleh rakyat dalam kawasan saya sendiri, bagaimana penghulu di bawah pembangunan mukim PPM ini, dia tidak mahu tandatangan permohonan rakyat yang sepatutnya beliau bertanggungjawab kerana melibatkan Kerajaan Persekutuan tetapi kerana semata-mata kerana mereka merasa dendam terhadap rakyat mereka telah enggan menandatangani sehingga mengadu kepada kami daripada wakil rakyat PAS.

Jadi ini suasana ketidakadilan berlaku. Begitu juga kita lihat dari segi projek rumah mesra rakyat yang tidak disalurkan kepada kerajaan negeri. Begitu juga kita lihat bagaimana peruntukan kepada pihak berkuasa tempatan yang tidak diberi sebagai mana diberi keadilan kepada negeri-negeri lain. Jadi di mana sebenarnya keadilan yang didakwa oleh pemerintah hari ini. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ini *point* saya Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau dikatakan saluran untuk rakyat, itu kita akui kalau untuk kebaikan rakyat. Tapi ini untuk kepentingan politik Yang Berhormat Pontian. Tidakkah Yang Berhormat tidak tahu. Silakan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati. Kalau kita bercakap tentang semangat *federalism* bila *Lord Reid* dulu menggubal Perlembagaan Negara ini, nilai inilah yang dipakai hari ini, sistem Persekutuan yang memberikan hak, ada *federal list*, ada *state list*, *concurrent list* yang kita kena hormati. Takkanlah satu kapal ada dua kapten, tidak boleh.

Satu kapal mesti ada satu kapten. Jadi, tirulah, hormatilah apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang menghapuskan JPP di Sabah dan kenapa di Sabah dihapuskan JPP? Adakah semata-mata ada muslihat politik, ada *political motivated*? Jadi saya harap ini tidak berlaku dan batalkan JPP di Kelantan untuk rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian, JPPS belum dihapus, baru dikaji sekarang.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, tetapi itu pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk supaya birokrasi kerajaan, semangat *federalism* itu diamalkan untuk kebaikan rakyat. Jadi adakah Ketua Pembangkang setuju supaya JPP ini diharamkan dan hormati demokrasi dan hormati mandat rakyat yang telah diberikan dalam pilihan raya yang lalu.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian, memang Yang di-Pertua itu *point* yang saya hendak katakan, ketengahkan, dan hendak tegaskan. Kami sedar, bahawa dasar pemusatan belanjawan yang fiskal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Sekejap, saya habiskan *line* ini ya, minta maaf. Kami sedar bahawa dasar pemusatan belanjawan yang fiskal membolehkan Kerajaan Persekutuan bertindak dengan sewenang-wenangnya berdasarkan bulu politik dan bukannya berdasarkan kepada penghormatan suara rakyat, prinsip demokrasi dan nilai keadilan sejagat. Silakan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memperbetulkan tuduhan Yang Berhormat Batu Pahat tadi bahawa Kerajaan Kelantan pecat ketua kampung, tidak benar. Kita tidak pecat, kebetulan habis, tahun itu, sudah habis tamatnya tempoh, itu sahaja. Maknanya kita tidak pernah memecat. Tamat masa, habis tempohnya. Itu satu.

Yang kedua, rugi bila ada JPP kerana dia menggantikan ketua kampung yang menjadi hak kerajaan negeri melantik Ketua Kampung mengganti dengan JKK dalam kampung yang sama, dalam mukim yang sama, ada dua penghulu, dalam daerah yang sama ada dua penghulu kemudian dalam jajahan yang sama ada dua DO kemudian berapa peruntukan pegawai-pegawai yang tidak fasal-fasal

yang juga *Federal* pegawai melalui jabatan-jabatan di negeri, yang dulunya tidak tergendala langsung segala projek ini sama ada melalui JKR, JPS dan lain-lainnya.

Tetapi bila ada ini, berapa gaji yang kita terpaksa belanja untuk itu. Saya nampak Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Permatang Pauh, saya hendak tanya pandangan ini.

Nampaknya JKK ini ditubuh, JPP ditubuh sebenarnya untuk menjaga ahli-ahli parti. Ahli-ahli parti ini yang sebenarnya, kalau tidak, parti tidak boleh bergerak jadi untuk supaya UMNO ini dapat terus hidup orang-orangnya, itulah sebenarnya ditubuh JPP. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Itu yang dikatakan, jangan adakan *parallel government, government and government*. Kalaulah semangat *federalisme* itu, semangat negeri itu dipatuhi dan dihormati sepatutnya penyelarasan itu baik.

Tempat-tempat yang diperlukan, tempat itulah ya Yang Berhormat Pontian, yang terus-menerus mendapat kebaikan, manfaat kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, persoalannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ada dua Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Kota Melaka.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta Yang Berhormat Permatang Pauh, adakah Yang Berhormat sedar bukan hanya di negeri-negeri yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat tetapi di negeri yang masih dikuasai oleh Barisan Nasional, pemimpin tinggi di negeri Barisan Nasional di negeri Melaka ini sudah dengan secara terbuka mengatakan projek-projek di Kota Melaka iaitu yang dimenangi parti pembangkang ini semua projek akan diperlahankan atau dibatalkan dan juga wujudkan bapa angkat kepada semua kerusi baik Parlimen atau pun DUN yang dimenangi parti pembangkang.

Bukankah ini hendak mewujudkan satu keadaan bahawa dua wakil rakyat di satu tempat dan bapa angkat ini juga berikan kuasa untuk mendapatkan peruntukan. Sebab itu adakah ini sebagai satu ugutan politik ke, saya minta bolehkah beri komen Yang Berhormat Permatang Pauh.

■1450

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya setuju kerana persoalannya mengapa rakyat yang memilih, yang mengundi pembangkang itu harus dihukum, ini persoalannya. Silakan Yang Berhormat Shah Alam, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima Kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya rasa isu ini memang satu isu yang cukup menarik dan saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Ketua

Pembangking di mana tindakan yang dilakukan ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak menghormati keputusan rakyat yang telah memilih calon-calon Pakatan Rakyat dan telah membuat satu keputusan supaya menyerahkan amanah untuk mentadbir dan menyelenggarakan bajet pembangunan negeri kepada calon-calon daripada Pakatan Rakyat. Tidakkah ini merupakan satu pengkhianatan terhadap pilihan rakyat, yang pertama?

Kedua, tidakkah dengan tindakan yang diambil oleh Barisan Nasional ini ianya merupakan satu tindakan yang begitu berbahaya kerana dalam usaha kita untuk membina dan memupuk perpaduan negara, perpaduan nasional dan sebagainya. Tindakan yang seperti ini memecahbelahkan institusi pemerintahan dan kerajaan itu sendiri. Tindakan *insubordination* yang akan menyebabkan berlakunya perpecahan dan boleh berlakunya satu keadaan di mana kerajaan yang memerintah di negeri-negeri Pakatan Rakyat tidak lagi akan mampu untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik dan ini akan mendatangkan satu implikasi yang serius. Saya harap Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh menjelaskan. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih. Itu yang kita katakan apakah rakyat dihukum kerana tidak memilih Barisan Nasional tetapi saya hendak katakan dan tegaskan di sini juga, berilah peluang kepada Kerajaan Pakatan Rakyat. 50 tahun merdeka, sudah lama dah pegang. Berilah peluang sekejap, tidak sekejaplah kalau elok baik sambungkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku tidak lain dan tidak bukan semata-mata kerana dasar dan pemikiran politik yang sempit.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Mohon beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pontian bangun lagi Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat Pontian?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya bagi Yang Berhormat Pendang.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya hendak bagi satu senario bagi menyambung kepada Yang Berhormat Shah Alam tadi dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Di tempat saya kalau dulu Ketua Pembangkang Dato' Fadzil Noor. Kemudian dimenangi oleh Barisan Nasional dan kemudian saya menangi pula pada 2004. Kami telah didiskriminasikan tentang pembahagian dan ini menjadi perebutan kepada ketua bahagian iaitu Datuk Osman Abdul dan Datuk Rozai sehingga menyebabkan mereka telah berbalah dan inilah yang menyebabkan pergaduhan berlaku di antara kedua-dua ketua bahagian tersebut.

Jadi bersetujukah Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawasanya inilah sebenarnya yang menyebabkan perpecahan di dalam masyarakat sesama mereka di dalam Barisan Nasional atau pun UMNO? Bukannya daripada kita yang menyebabkan perbalahan atau pun perpecahan berlaku. Jadi sekiranya senario ini diteruskan saya rasa mungkin perbalahan akan lebih besar dan mungkin untuk masa akan datang mereka akan sukar lagilah untuk memenangi kerusi tersebut. Minta penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Itu masalah dalaman perebutan jawatan dalam parti UMNO. Kita biarkanlah mereka. Saya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menghentikan amalan diskriminasi terhadap kerajaan-kerajaan negeri yang dipilih

secara sah menurut pilihan rakyat sekali pun pilihan raya tersebut tidak sehaluan dengan kehendak pimpinan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pontian bangun Yang Berhormat, hendak bagi?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Okey, *last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat Pontian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Soalan. Saya ingin mendapatkan penjelasan bahawa Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan ini bermula semenjak tahun 1990. Ketika penasihat parti Keadilan sekarang ini menjadi Timbalan Perdana Menteri perkara itu diteruskan juga. Kenapa pada ketika itu tidak dibangkitkan soalan dua nakhoda ini?

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, kawan lama dulu. Bukankah dia timbalan? Timbalan, sebab itu yang dia dimasukkan dalam penjara itu apa? Yang dimasukkan enam tahun itu apa? Kerana tidak sehaluanlah, kerana nak tegur pimpinan. Ini yang kita katakan itu, jangan disebut-sebut yang mana yang sepatutnya tidak disebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menggesa Kerajaan Persekutuan tidak mengulangi kesilapan demi kesilapan yang lalu dengan mengetepikan konsep dan prinsip *federalism* seperti mana yang pernah dilakukan terhadap Kelantan, Terengganu dan Sabah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ingatkan tadi dah dibetulkan, masih lagi dalam *review*. Saya juga menggesa kerajaan supaya memastikan sistem pemerintahan Persekutuan benar-benar memenuhi tanggungjawab menurut kehendak peruntukan Perlembagaan. Saya menggesa agar kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan prinsip tiada paksaan dalam beragama tidak dicabuli. Jaminan peruntukan dana awal untuk negeri-negeri mesti disempurnakan.

Kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak serta kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain dijamin dengan kukuh tanpa disalah gunakan. Saya menyeru agar kerajaan menyerahkan semua royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan menaikkan kadar royalti kepada 20 peratus dari lima peratus sekarang. Bukan sahaja untuk Terengganu malah termasuk Sabah dan Sarawak di samping memastikan peruntukan yang seimbang dan adil untuk negeri-negeri lain dalam Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyarankan Perdana Menteri ubahlah sikap dan tindakan. Tunaikanlah janji bahawa jawatan Perdana Menteri itu adalah untuk semua tanpa mengira bulu dan sentimen politik. Kotakanlah kata dan hormatilah suara dan pilihan rakyat. Wallahualam dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat Batu Pahat.

2.58 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terlebih dahulu saya ingin menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan

semasa membuka Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Keduabelas. Titah Tuanku itu telah menyentuh banyak perkara termasuk dalam soal-soal untuk memulihara kemuliaan Dewan ini dan menasihatkan anggota Dewan supaya melibatkan diri secara aktif dan juga melibatkan perbahasan yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, di atas nasihat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itulah maka saya ingin menyatakan bahawa betapa dukacitanya kita kerana pada hari pertama persidangan Dewan ini ia berjalan dalam suasana yang mengecewakan sekali. Rakyat memang begitu *excited* dengan izin menunggu hari pertama perbahasan kerana inilah kali pertama dalam sejarah anggota pembangkang begitu ramai sekali tetapi malangnya apa yang diharapkan tidak menjadi sebenarnya. Kita merasa malu dengan apa yang berlaku dan pada hari ini pun kita hampir-hampir terperangkap lagi apabila kita banyak menghabiskan masa dengan *point of order* dengan izin. *Point of order* yang mengakibatkan pada hari pertama kita hanya mampu mengemukakan tiga soalan sahaja dan tiga soalan tambahan dan kita berharap bahawa perkara ini tidak berterusan sebenarnya.

■1500

Sebab di Dewan yang mulia ini sebenarnya sebagai pembuat undang-undang, *the law maker* dengan izin. Kita mempunyai satu tanggungjawab yang cukup besar iaitu tanggungjawab untuk memastikan bahawa demokrasi berjalan dengan sempurna dan kepentingan rakyat terpelihara sebenarnya dengan adanya ahli-ahli yang bertanggungjawab. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana berjaya memelihara, mengawal, menjaga supaya Dewan kita ini berjalan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang diperkatakan oleh Ketua Pembangkang itu tadi, ternyata bahawa demokrasi berjalan dengan subur di negara kita. Kita menerima hakikat pembangkang telah berjaya menguasai lima negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Kita terima hakikat itu, dan inilah demokrasi sebenarnya. Apa pun tuduhan yang menyatakan bahawa SPR tidak adil, tidak telus, ini hanyalah merupakan tuduhan-tuduhan. Apa yang nyata Barisan Nasional sendiri memerintah walaupun dengan kuasa *simple majority* dengan izin dan pembangkang menguasai enam negeri termasuk Wilayah Persekutuan.

Ada soalan yang dibangkitkan seperti dakwat hitam. Kita tahu bahawa pembatalan itu adalah untuk melakukan *preventive* dengan izin sebenarnya iaitu untuk mengelakkan bahawa dakwat hitam ini disalahgunakan. Takut berlaku penyelewengan sebab itulah dakwat hitam dibatalkan penggunaannya dan kita meneruskan yang lain-lain seperti penggunaan peti undi lut sinar yang kita nampak kertas undinya. Oleh sebab itu apabila ada yang membangkitkan tentang undi pos yang dikatakan sebagai wakil pos, saya ingin memaklumkan bahawa di tempat saya sendiri pun, pembangkang juga mendapat undi pos yang banyak. Apakah ini dikatakan sebagai penyelewengan? Kita pun sebenarnya membenarkan pelbagai pertubuhan seperti Mafrel untuk sama-sama memantau pilihan raya ini dan bagi kita yang mahukan sistem demokrasi ini berjalan dengan sempurna mengikut acuan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya. Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Pahat, kita telah mendengar hujah-hujah dari pembangkang yang konon-kononnya pilihan raya ke-12 yang lalu masih tidak *transparent*, masih ada unsur-unsur penipuan, sudah menang lima negeri, sudah mengurangkan majoriti parti kerajaan, masih tidak *transparent*, mungkin kalau mereka jadi pemerintah baru ada keadilan. [Dewan riuh][Tepuk]

Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pembangkang cakap tidak serupa bikin? Di negeri Perak dia kata memerintah tidak menerima suratan takdir qada' dan qadar. Di peringkat persekutuan dia kalah, dia kata pilihan raya tidak telus. Ini *double standard* nama dia. Setujukah Yang Berhormat bahawa pembangkang memang suka memanipulasikan keadaan dan mereka tidak puas hati apabila kalah? Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita redha dengan keadaan dan kita akan pulihkan keyakinan rakyat ini pada pilihan raya yang akan datang? [Tepuk]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: 200 % setuju Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh Yang Berhormat bagi penjelasan kalau 200% setuju?.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sikit lagi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Beruas duduk dulu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, ini adat sebenarnya, bila tidak ada kuasa memanglah kita kata kita boleh buat itu, buat ini dan sebagainya, tapi bila sudah ada kuasa nanti, baru sebulan memerintah macam-macam yang dia akan buat yang menunjukkan dia juga tidak demokratik seperti mana yang berlaku kepada Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Perak. Demokrasi apa namanya...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Shah Alam ataupun Beruas?.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dulu suka menuduh kerajaan pecat orang, buang orang, pindah orang dan sebagainya. Ini belum apa-apa, kemudian tidak beritahu Sultan. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ada tiga Yang Berhormat bangun.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Yang Berhormat Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi dikatakan Barisan Nasional ini boleh jadi kerajaan adil, tetapi di negeri Perak, kita difahamkan selepas Barisan Nasional kalah mereka telah mengeluarkan pejabat dengan izin *Stake Development Office* yang dulu menyalurkan semua wang pihak Kerajaan Persekutuan dengan memajukan negeri Perak bersama dengan Kerajaan Negeri Perak. Mengapa selepas kalah dia memindahkan pejabat berkenaan daripada bangunan Kerajaan Negeri Perak dan keluar daripada bangunan berkenaan dan kenapakah menteri yang juga merupakan Setiausaha Agung MCA mengatakan semua wang persekutuan akan disalurkan bukan lagi melalui Kerajaan Negeri Perak tetapi melalui kita katakan *parallel arrangement*.

Apa maksud ini? Adakah Barisan Nasional masih belum lagi mempelajari pelajaran dalam pilihan raya yang baru-baru ini iaitu rakyat ini memang sudah bosan dan menolak rasuah.

Kalau semua wang ini disalurkan melalui Kerajaan Negeri Perak, kita ada 28 pembangkang yang akan memastikan semua setiap sen wang persekutuan ini akan disalurkan kepada rakyat. Akan tetapi kalau wang ini disalurkan melalui UMNO, MCA, MIC, bagaimana kita dapat memastikan wang-wang ini disalurkan kepada rakyat bukan kepada kroni-kroni UMNO, MIC dan MCA?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, cukup.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu kita tidak ada keyakinan, kita alih itu sebab kita tidak ada keyakinan Kerajaan Negeri Perak akan menggunakannya dengan betul dan dengan adil.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksudnya, tidak ada tindakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Beruas, Bukan begitu caranya Beruas. Ya, Batu Pahat.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun] Saya mohon...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya kata bahawa...

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Saya mohon penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat Shah Alam. Boleh bagi Yang Berhormat Shah Alam?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu saya kata bahawa itu soal keyakinan kita sama ada kerajaan yang...dan kita sebenarnya tidak yakin sebab dapat dibuktikan dengan tindakan-tindakan awal yang dilakukan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Oleh sebab itu, kita pindahkan dan kita tidak bagi kepada kerajaan negeri menguruskannya. Ini keyakinan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh bagi Yang Berhormat Taiping.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Yang Berhormat Shah Alam dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam sila.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Batu Pahat. Saya ingat persoalan keyakinan Kerajaan Pusat dalam soal ini kena letak dekat nombor dua lah kerana yang penting sekarang ini ialah keyakinan rakyat dan sudah jelas bahawa bagi pihak rakyat di lima negeri dan juga Wilayah Persekutuan, keyakinan rakyat terhadap pentadbiran Barisan Nasional sudah hancur, musnah dan mereka telah menyerahkan negeri-negeri ini kepada Pakatan Rakyat. Maka saya harap bahawa

soal keyakinan rakyat perlu diutamakan lebih daripada keyakinan anggota Barisan Nasional itu sendiri yang pertama.

Yang kedua, apabila disebut bahawa apabila kita tidak memerintah kita pandai cakap, tapi apabila telah memerintah tidak boleh buat. Saya mencabar Yang Berhormat Batu Pahat untuk menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya Kerajaan Persekutuan jangan campur tangan dan jangan selewengkan peruntukan negeri untuk kita mampu membuktikan bahawa kita boleh *deliver* dengan izin apa yang kita janjikan.

Sekiranya Kerajaan Persekutuan takut bahawa kita ini tidak dapat buat dan hanya pandai cakap maka beri kepada kita peluang bubarkan, yang *the parallel government* dengan izin yang hendak ditubuhkan dan biar kita buktikan kepada Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional, bahawa kita bukan sekadar pandai bercakap kita pandai *deliver* dan kita pandai laksanakan. Ini cabaran saya kepada Yang Berhormat.

■1510

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat boleh jawab sekalikah?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebentar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawab sekali.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kalau macam itu saya bagi Yang Berhormat Rembau dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat. Merujuk kepada apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Shah Alam tadi yang mengatakan bahawa keyakinan rakyat terhadap Barisan Nasional sudah musnah. Dengan izin *the last time I check* sama ada bersetuju ataupun tidak Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat, Kerajaan Barisan Nasional masih lagi merupakan Kerajaan Persekutuan Malaysia dan kita masih lagi mewakili majoriti di Dewan ini melambangkan keyakinan rakyat terhadap Barisan Nasional masih lagi kukuh. *[Tepuk]*

Kedua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Batu Pahat. Ini soal pemindahan Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Perak yang jelas menunjukkan bahawa apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak tidak tahu skop dan bidang kuasa beliau sebagai seorang menteri besar. Pada hari ini saya hendak terangkan di sini kepada Yang Berhormat daripada Batu Pahat bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor telah keluar kenyataan bahawa Sultan Perak *acted unconstitutionally* dengan izin, dan dengan itu mempertikaikan kenyataan dan juga tindakan Tuanku Sultan Perak dengan mengeluarkan kenyataan bahawa pemindahan itu perlu ditarik balik.

Ini menunjukkan sebenarnya keretakan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat, PR ini yang pada satu sudutnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah bersetuju untuk *reinstate* dengan izin, Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Perak. Namun pada satu sudut yang lain Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor daripada Parti DAP telah mengatakan bahawa Tuanku *acted unconstitutionally* dan ini melambangkan bahawa mereka

keliru dengan bidang tugas kerajaan negeri dan juga tugas dan bidang kuasa menteri besar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya hendak jawab dahulu. Itu yang saya kata bahawa pembangkang memang tidak konsisten. Dia memang tidak konsisten, sebab ini kali pertama baru dapat berkuasa di negeri-negeri yang berkenaan. Sebab itulah apabila dapat kuasa maka kadang-kadang dia lupa dengan sensitiviti perlembagaan dan sebagainya. Sebab itu saya kata tadi dua kali lima juga bila dia menuduh kita sebenarnya dia lagi teruk.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Speaker.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...sebenar saya hendak jawab. Takut terlupa. Sekejap, sekejap. Saya akan bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya dahulu, saya dahulu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya akan bagi. Perdana Menteri sudah memberi jaminan kita akan meneruskan projek-projek seperti di Pulau Pinang tetapi Kerajaan Pulau Pinang kena bagi kerjasama dalam isu tanah dan sebagainya. Jangan hendak melambat-lambatkan projek tersebut. Tidak ada pun maksudnya Kerajaan Persekutuan Perdana Menteri mengatakan bahawa semua projek yang sudah dirancang akan dibatalkan; kecuali yang kita rasa sekarang ini dalam keadaan suasana cabaran baru seperti isu kekurangan makanan dan sebagainya. Maka sudah tentulah mana-mana yang kita rasa tidak perlu diteruskan, tidak akan diteruskan tapi tidak ada kena-mengena dengan isu pembangkang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ada empat Ahli Yang Berhormat yang bangun. Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Kinabatangan, dan Yang Berhormat Shah Alam.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Bijak Yang Berhormat pilih orang yang tepat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau tidak ada kemusnahan, tidak ada kehancuran dalam Barisan Nasional. Pepatah Melayu ada menyatakan 'bumi mana tidak ditimpa hujan, lautan mana tidak bergelora, hati mana tidak terluka' tapi tidak bermakna kita hancur. Yang Berhormat bersetujukah adalah terlalu awal untuk mengukur sejauh mana kebijaksanaan kerajaan pembangkang memerintah di negeri masing-masing, masih awal. Buktikan!

Dalam masa yang sama saya rasa Yang Berhormat juga berkeyakinan bahawa kerajaan akan melakukan janji-janji manifestonya untuk membangun rakyat. Bermakna keyakinan rakyat kepada pembangkang belum cukup untuk menumbangkan keyakinan majoriti yang lain. Setujukah Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soal kerajaan *simple majority* dengan izin bukanlah satu perkara yang baru. Pada tahun 1969, Perikatan juga gagal mendapat apa yang dipanggil sebagai kerajaan majoriti dan yang wujud hanyalah *simple majority*.

Pada ketika itu berlaku tragedi hitam 13 Mei sehingga wujud Kerajaan MAGERAN dan terpaksa dibubarkan Parlimen, huru-hara. Ditambah lagi dengan pembangkang yang seronok dan mabuk dengan kemenangan, maka bertambah teruk kita ketika itu. Itu yang saya katakan bahawa dalam orang melihat Perikatan seolah-olah hancur musnah, ramai orang kata hancur musnah tetapi rakyat kembali menyokong sehingga tertubuhnya kerajaan Barisan Nasional dan terus berkuasa hampir 34 tahun dan tidak mustahil...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bukan sahaja mustahil dan kita yakin perkara ini akan dapat dipulihkan kembali sebab kita tahu apa yang berlaku ialah kekeliruan rakyat kerana kemarahan dan sebagainya. Ini boleh diperbetulkan. Saya yakin.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Minta izin.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: [Bangun]

Dato' Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Yang Berhormat Machang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebelah tak bagi?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat sebab dia bekas pensyarah saya dahulu. Terima kasih. Apakah Yang Berhormat Batu Pahat setuju bahawa sering kali kalau keputusan pilihan raya itu menyaksikan kemenangan besar pemerintah dia akan berakhir dengan satu sikap mengabaikan nasib rakyat. Fakta, tahun 1969 sebelum daripada keputusannya ialah pencapaian besar tahun 1964 Perikatan menang besar.

Akibatnya pemerintah waktu itu merasa cukup selesa, agenda Melayu diketepikan. Perdana Menteri waktu itu menganggap dia adalah *the happiest prime minister in the world*. Rakyat keluh kesah dia gembira. Rakyat hukum pada tahun 1969. Sikapnya ialah sudah terhantuk baru tengadah. Kemudian berlakulah perubahan pada tahun 1974. Tahun 2004 juga menang besar. 90% daripada perwakilan dalam Dewan ini adalah daripada pihak Barisan Nasional. Apa berlaku selepas itu? Perdana Menteri menganggap dia yang terbaik. Pengampu keliling-kelalangnya menganggap bahawa dia adalah segala-galanya sebab itu rakyat hukum pada tahun 2008. [Tepuk] Itu hukuman rakyat.

Yang Berhormat Batu Pahat, saya ingin membangkitkan soal persoalan keyakinan. Keyakinan pemerintah terhadap keupayaan kerajaan negeri Pakatan Rakyat dalam menguruskan amanah ini. Saya contohkan Kelantan pada tahun 1990 berlaku peralihan kuasa kerajaan ianya kekal sampai hari ini. Keyakinan Barisan Nasional ialah membelanjakan peruntukan Kerajaan Pusat melalui JPP. Apa yang berlaku ialah pemimpin UMNO Barisan Nasional terus kaya-raya, pengaruh Barisan Nasional semakin hancur di negeri Kelantan tetapi kerajaan Pakatan Rakyat terus bernafas dan bergerak dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ini isunya. Sebab itu akhir sekali sambil menyinggung pandangan Yang Berhormat Rembau mengambil contoh peristiwa pertukaran pengarah Jabatan Agama Islam sebagai bukti tidak menghormati institusi raja. Saya tanya balik kenyataan Perdana Menteri terhadap isu penubuhan kerajaan di Terengganu, terpampang muka depan media waktu itu ialah tindakan raja itu adalah tidak berperlembagaan. [Tepuk]

Demonstrasi dibuat di hadapan istana bukan oleh wakil rakyat Pakatan Rakyat tetapi oleh Barisan Nasional. [Tepuk] Apakah ini hujahnya mengatakan menghormati kedudukan raja-raja? Ini persoalan yang saya hendak kemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terakhir Yang Berhormat Batu Pahat, terakhir, terakhir. Saya hendak *landing* sudah, mendarat sudah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Cukuplah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Last, final point.*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Last*, sedikit lagi dengan izin. Sedikit lagi. Saya rasa tak ada masalah kalau sementara meminta laluan tadi Yang Berhormat Rembau mengatakan bahawa keputusan pilihan raya

itu menyaksikan sokongan rakyat bertambah kukuh. Saya tak tahulah kalau daripada 90% penguasaan Dewan jadi 63% susut 27% masih dianggap sebagai bukti rakyat terus menyokong teruskanlah dengan *denial syndrome*. Selamat maju jaya. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat sila teruskan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Point of order, point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau bangun Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Point of order*. Bukan saya kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order* ke berapa Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Biarlah macam itu.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Duduk, duduk, duduk! *Lesson one, lesson one!*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Baiklah.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Pohon laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebentar. Saya takut saya lupa hendak menjawab. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya katakan bahawa apa yang berlaku yang diistilahkan oleh banyak pihak sebagai tsunami politik itu bukan berasaskan kepada politik hati nurani, kerana marah sahaja.

■1520

Sebab itu saya yakin bahawa dalam tempoh lima tahun akan datang kerajaan yang ada ini akan kembali menguasai majoriti 2/3 Parlimen ini. *[Tepuk]* Itu keyakinan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta laluan.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itulah pada tahun 1995 lebih teruk sebenarnya keputusan pilihan raya ketika itu. Sampai UMNO pun ketika itu diharamkan tetapi tidak ada masalah sebab 1990 kita menghadapi keputusan yang teruk, 1995 kita kembali dalam kedudukan yang kuat. 1999 pun merosot juga, 2004 kita naik kembali. Jadi apa kita hairan dengan 2008 ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar bangun, nak bagi Yang Berhormat Parit Buntar Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak terus ke tajuk yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya kena bagi jugalah Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat dan juga Tuan Yang di-Pertua. Kemenangan Pakatan Rakyat sebenarnya kerana mereka berjaya dalam satu hal iaitu memesongkan rakyat dengan kempen-kempen yang jahat yang menuduh kerajaan rasuah tanpa bukti, tidak ada bukti yang nyata melainkan dengan tuduhan-tuduhan liar. Saya ingin mengulangi apa yang disebutkan tempoh hari. Kalau bertanggungjawab sila buat tuduhan di luar dan buat pengaduan, itu yang dikatakan tuduhan bertanggungjawab. Ini disebutkan di dalam Dewan, orang-orang itu dan orang ini, tanpa ada peluang bagi mereka untuk mempertahankan diri, ini tidak betul. Itu satu perkara, Yang Berhormat Batu Pahat izinkan saya bercakap sepatah dua lagi.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping, tak boleh mencelah. *Floor* dengan Yang Berhormat Batu Pahat, minta celahan daripada Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Taiping ini dia kawan saya daripada Perak, itu sebab dia nak kacau saya. Berhubung dengan keyakinan, bagaimana kita nak yakin kalau baru memerintah hanya beberapa hari telah menunjukkan sikap-sikap yang tidak bertanggungjawab. Satu perkara yang saya tunggu-tunggu untuk mengambil kesempatan ini dan ingin bertanya kepada Yang Berhormat Batu Pahat, sama ada bersetuju dengan saya di atas apa yang telah dilakukan oleh wakil rakyat daripada Bukit Gelugor yang sanggup membuat aduan polis terhadap Tengku Mahkota Kelantan.

Atas apa? Kesalahan apa? Tuanku hanya mempersoalkan untuk mempertahankan hak-hak orang Melayu, ketuanan Melayu, apakah Pakatan tidak memperjuangkan hak-hak orang Melayu? Ini ada di dalam perlembagaan, saya mendesak pihak Yang Berhormat daripada Batu Pahat supaya kita sama-sama bersetuju, bolehkah kita bersetuju meminta kerajaan untuk mengambil tindakan setegas-tegasnya kepada mereka yang membuat kenyataan atau mengambil tindakan yang mempertikaikan ketuanan Melayu dan hak-hak orang Melayu. Saya ingin mencabar parti pembangkang, sama ada tuan-tuan menyokong atau tidak perjuangan kita daripada Barisan Nasional untuk mempertahankan hak dan keistimewaan orang-orang Melayu sebagaimana yang termaktub di dalam perlembagaan. Tolong jawab kemudian.

Selain daripada itu... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit lagi ya...

Seorang Ahli: Tambahan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tambahan sedikit. Bagaimana kita nak merasa yakin kalau Ketua Menteri Pulau Pinang baru mengambil alih pemerintahan, sudah mahu membubarkan Dasar Ekonomi Baru. Bagaimana kita daripada orang-orang Melayu dan juga kaum bumiputera dan juga orang-orang Cina dan India yang masih ketinggalan yang perlukan pembelaan di

bawah Dasar Ekonomi Baru dapat pembelaan daripada Ketua Menteri Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, baik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Begitu juga daripada Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping sila duduk. Yang Berhormat Taiping tak boleh tanya, *floor* dengan Yang Berhormat Batu Pahat, dia cuma mencelah kepada Yang Berhormat Batu Pahat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit lagi...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, dia sekarang berbahas bukan mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak apa kita suruh dia berhenti lepas ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit lagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat daripada Beruas, buat kenyataan, "*Pegawai Kerajaan Negeri Perak mesti sokong kerajaan sekarang, kalau tak sokong boleh berhenti*", sombong, angkuh, inikah kita nak adakan kepercayaan kepada Kerajaan Perak yang ada pada hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik-baik, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat minta penjelasan, Yang Berhormat Batu Pahat sila.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke tajuk lain. Cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam sebuah negara demokrasi, masyarakat yang berbilang kaum saya rasa wajar kita sensitif dengan isu-isu yang kita perkatikan supaya tidak berulang apa yang dikatakan sebagai peristiwa 13 Mei itu. Saya harap bahawa kita sebagai anggota Dewan pada zaman yang sebegini mencabar untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu dan maju, apa pun sama ada pembangkang ataupun kerajaan, kita harus lebih sensitif supaya tidak timbul perkara-perkara yang akan menyebabkan sebenarnya kita merosakkan perpaduan di negara kita dan membangkitkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan ketegangan kaum. Oleh sebab itulah saya berharap kita sendiri sebenarnya sebagai ahli-ahli politik yang dikatakan berwibawa ini harus berperanan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun, nak bagi jalan?

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tak bagi laluan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya nak pindah tajuk. Walau apa pun saya ingin mengingatkan kepada pembangkang...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat pindah tajuk tu boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Sekejap saja, ini pun sahabat saya Tuan Yang di-Pertua, tak apa. Cuma saya ingin menyatakan bahawa kalau pembangkang bermimpi akan mewujudkan kerajaannya sendiri pada 16 September, ini adalah mimpi di siang hari. Kalau ada orang yang nak *cross over* dengan izin, itu ahli politik yang tidak siuman sebenarnya. Sila, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia pagi tadi Yang Berhormat menyebut bahawa Dasar Ekonomi Baru itu adalah baik dari sudut matlamat dan suci dari sudut objektifnya tetapi dirosakkan oleh apa yang dikatakan sebagai pelaksanaannya, *delivery system* dan beberapa faktor yang disebutkan. Saya mahu Yang Berhormat tolong perelaskan siapakah golongan dan siapakah yang merosakkan, yang menggagalkan dan mengkhianati apa pun yang baik dari sudut dasar yang sama-sama disepakati. Itu yang pertama.

Keduanya, kemenangan yang diperoleh oleh Pakatan Rakyat, kemenangan yang melepasi kemenangan 69 dan 99 sebenarnya bukan kemenangan tiga pakatan politik tetapi kemenangan yang diperoleh dan atas usaha gigih tiga komponen etnik Melayu, Cina dan India yang bersepakat untuk membawa perubahan yang besar. [Tepuk]

Atas perkara itu, kita perlu menegaskan kembali apa pun dari sudut peruntukan dalam *enshrine* dalam Perlembagaan Persekutuan kita sepakati. Yang menjadi pertikaian hari ini wujudnya apa yang dikatakan sebagai usaha-usaha yang sumbang, tempang, pincang yang mengkhianati segala dasar-dasar yang baik dan akhirnya membawa kegagalan dasar demi dasar dan polisi demi polisi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cukup.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat turut komentar, terima kasih.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, itu saya katakan tadi bahawa prinsipnya mudah. Prinsipnya ialah kalau kita pegang iaitu mencari apa yang salah bukan yang salah maka sebenarnya banyak perkara yang kita boleh berkongsi untuk kita memperjuangkan nasib rakyat, tapi kalau nak mencari siapa yang salah, saya pun boleh tuduh macam-macam kepada pembangkang, macam-macam saya nak tuduh. Ini yang sebenarnya yang menjadi masalah bahawa apabila kita tidak berubah pendekatan kita, paradigma kita maka sebenarnya yang menjadi mangsa adalah rakyat.

■1530

Saya cukup jelas dengan pendirian ini sebenarnya. Kalau hendak sebut tentang pakatan tadi, apa yang saya tahu Pakatan Rakyat ini hanya disebut selepas pilihan raya. Sebelum pilihan raya masing-masing dengan manifesto dia, tidak sama. Sebab itu ada DAP yang mengkritik manifesto Keadilan. Ini saya akan sebut nanti. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada

soal prestasi ekonomi, kita sebenarnya ingin mengucapkan tahniah kerana ekonomi negara telah berkembang 6.3% iaitu melebihi sasaran 6%.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Kita tidak boleh selesa dengan angka ini. Pertumbuhan sahaja tidak bermakna kalau sekiranya kekuatan-kekuatan dalaman kita tidak kukuh. Kita tidak boleh mengejar semata-mata angka pertumbuhan, tetapi apabila kekuatan dalaman kita lemah, maka pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak membawa apa-apa makna kepada kita, dan ini berlaku sebenarnya apabila kita menghadapi krisis ekonomi pada tahun 1997 dahulu. Sebab itulah kita harus ingat bahawa pertambahan eksport negara kita ini kebanyakannya disumbangkan oleh syarikat-syarikat multinasional dan tidak banyak dibantu oleh faktor domestik.

Faktor dalaman, contohnya sumbangan eksport daripada IKS, tidak ada maknanya terlalu sedikit, terlalu kurang sebenarnya. Jadi sebab itulah kita berharap bahawa di dalam kita merancang ekonomi negara kita ini, soal pertumbuhan itu tidaklah dilihat sebagai satu indikator penting dalam melihat pembangunan ekonomi negara. Sebab itulah kenapa saya mengatakan di sini bahawa pengalaman 1997/1998 itu adalah satu contoh yang tidak boleh kita lupakan, dan di sinilah saya melihat bahawa kita bimbang sebenarnya jika kita hanya bergantung kepada kekuatan syarikat-syarikat multinasional, tetapi kita tidak bergantung kepada kekuatan domestik kita.

Sebab itu saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan, bahawa semua projek yang ada sekarang ini terutama projek besar ini akan dinilai semula keperluan dan sebagainya. Kita kena bersetuju bahawa tidak akan berlaku pembaziran. Kita melihat Ketua Pembangkang banyak menyentuh tentang isu pembaziran. Isu pembaziran banyak dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang. Saya setuju, tetapi sebab itulah saya katakan bahawa, apabila sebut pembaziran ini, jangan lihat kepada Kerajaan Pusat sahaja, Kerajaan Persekutuan sahaja. Kita lihat juga kepada diri kita.

Saya mengambil contoh tentang rancangan untuk memberikan air percuma di negeri Selangor. Kalau kita lihat kepada banyak pandangan, ini adalah satu pembaziran sebenarnya. Sebab sekarang ini pun kita lihat penggunaan air di negeri Selangor adalah terlalu tinggi iaitu 300 LPD iaitu 300 liter per person per day, iaitu LPD mengatasi 165 LPD standard antarabangsa. Kalau Singapura hanya 150 LPD. Tetapi kalau kita berikan lagi air percuma, ini adalah satu pembaziran sebenarnya. Sebab itulah saya katakan bahawa kalau sekiranya kita boleh tuduh satu pihak sahaja pembaziran, kita harus lihat kepada diri kita. Saya harap sebenarnya perkara seperti ini harus diberi perhatian bahawa apabila kita mengatakan pembaziran, kita kena lihat pembaziran secara menyeluruh.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat, ada dua orang berdiri. Yang mana satu yang hendak bagi?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Shah Alam dahululah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat bagi Batu Pahat mungkin tidak habis baca manifesto itu. Apa yang

hendak diberi percuma cuma 10 meter padu dan bukan memberi air percuma sepenuhnya dan ini tidak dianggap sebagai satu pembaziran, kerana kita hendak membantu rakyat jelata yang mana kita telah dilantik, dipilih, untuk membantu rakyat jelata. Pembaziran itu adalah pembaziran dalam erti kata mengeluarkan belanja bagi kepentingan golongan-golongan tertentu bukan rakyat biasa. Sedangkan persoalan hendak berikan 10 meter padu air percuma kepada rakyat biasa di setiap isi rumah, ianya adalah satu usaha untuk mengurangkan kos kehidupan rakyat di kalangan mereka yang termiskin, yang mana dengan jumlah itu kalau mereka berjimat-cermat mereka tidak perlu bayar walaupun satu sen. Tetapi kalau kita belanja seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang beli submarine dengan harga RM4.3 bilion dan membayar komisen dengan RM500 juta, ini pembaziran. *[Tepuk]*

Saya rasa Yang Berhormat bagi Batu Pahat kena faham dengan istilah-istilah yang kita gunakan. Begitu juga dengan soal pilihan raya. Pasal tadi saya hendak minta izin hendak jawab apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Salak. Saya ingat mungkin dia tidak hadir pada waktu pagi. Biar dengan jelas saya nyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Shah Alam ini hendak berucap ke hendak tanya?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit sahaja hendak tanya dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat cukuplah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Cukup? Okeylah, mungkin dia tidak hadir.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Air percuma sebanyak 20 *cubic* meter ini memang pembaziran, dan akan disalahgunakan. Saya sudah sebut tadi bahawa, dalam keadaan Selangor yang akan menghadapi krisis air pada tahun 2010, dan terpaksa sekarang ini hendak memohon, minta bantuan dari Pahang dan mungkin Perak. Tiba-tiba kita hendak beri air percuma sebanyak 20 *cubic* meter ini, ini pembaziran. Saya sudah sebut angka bahawa, apa yang akan berlaku sekarang ini pun sudah pembaziran, iaitu air yang digunakan oleh rakyat khususnya...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu. Bagi penjelasan dahulu Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...300 LPD.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat, ada dua orang berdiri ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya hendak habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat bagi Batu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sepatutnya apa yang patut kita lakukan ialah kempen berjimat air iaitu daripada dengan izin, *Water Wasting Society*, kepada *Water Saving Society*. Ini yang patut dilakukan. Banyak lagi cara kalau kita hendak membatu rakyat miskin. Bukan melalui air, kerana air adalah satu isu yang cukup mencabar sebenarnya. Sebab Selangor akan berhadapan dengan masalah kekurangan air. Jadi apakah tidak ada cara lain, kalau hendak menjadi kerajaan populis dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya kesal dengan Ahli Parlimen Klang tidak ada hari ini. Saya ada baca *statement*nya juga. Kenyataan beliau yang tidak bersetuju dengan air percuma ini sebenarnya. Saya silakan Yang Berhormat bagi Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat bagi Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya hanya ingin mendapatkan penjelasan bahawa pembaziran air yang kita hadapi, adakah ini disebabkan oleh penggunaan air yang banyak atau seperti data yang kita dapati adalah *non-delivery water*, dengan izin yang disebabkan oleh kebocoran paip...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: ... *non-revenue water* yang disebabkan oleh paip yang lama dan juga kebocoran. Adakah ini yang menyumbangkan 40% air itu tidak sampai kepada pengguna? Adakah ini menjadi beban yang besar kepada pembaziran air atau kerana pengguna yang datang dari keluarga miskin? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu yang saya kata tadi bahawa kita harus melihat isu yang sebenarnya. Isu sebenarnya tentang pembaziran air ini termasuklah saya katakan tentang kecurian air oleh pihak-pihak kilang dan sebagainya. Bukan dengan kita memberikan air percuma. Kalau kita hendak membantu rakyat, banyak lagi cara yang lain Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Shah Alam bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tidak bagi Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Shah Alam duduk. Dia tidak bagi.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat bagi Pontian mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada kawan bangun di belakang, Yang Berhormat bagi Pontian.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak bagi juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak bagi juga? Yang Berhormat bagi Pontian duduk dahulu, lepas itu cuba lagilah. [*Ketawa*]

■1540

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, jadi isu pembaziran ini dalam soal prestasi ekonomi memang cukup penting. Tidak kiralah pembaziran itu di mana, di negeri mana. Ia mestilah diatasi. Termasuklah pembaziran-pembaziran projek-projek mega yang tidak mendatangkan manfaat terutamanya dalam keadaan Perdana Menteri sendiri menyatakan keutamaan sekarang ialah tentang kualiti hidup sebenarnya. Kualiti hidup itu lebih penting kepada rakyat tak kira mana golongan sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang IKS tadi. Di sini saya ingin menegur tentang bank-bank kita yang ada di negara kita sekarang ini yang terlalu birokratik, yang banyak sangat dia punya halangan-halangnya yang menyebabkan IKS di negara kita ini tidak berkembang. IKS di negara kita ini seolah-olah masih dalam keadaan yang sama sahaja. Kalau saya membaca rungutan-rungutan yang dinyatakan oleh kebanyakan usahawan IKS ini ialah bank-bank ini yang sekarang ini banyak menukar statusnya kepada status komersial. Menyebabkan yang menjadi mangsa ialah kepada usahawan-usahawan IKS, usahawan-usahawan kecil diminta kolateral, yang mahukan latar belakang kreditnya. Sedangkan mereka ini baru setahun dua bermula, mana ada latar belakang kredit yang boleh dikemukakan sebagai bahan bukti bahawa mereka layak untuk meminjam.

Jadi perkara-perkara seperti ini harus diberi perhatian. Bahkan bank SME ini sendiri pun banyak ditegur dan dikritik oleh para usahawan kerana dia juga terlibat dengan aturan-aturan yang terlalu birokratik ini. Antaranya yang mereka selalu nyatakan ialah apabila mereka memohon untuk membuat pinjaman, biasanya keputusan ataupun kelulusan daripada ibu pejabat adalah diperlukan. Maka proses melambat-lambatkan ini terjadilah seperti mana yang berlaku yang dibangkitkan oleh seorang menteri sendiri iaitu tentang dana pembangunan pengangkutan untuk membantu usahawan yang disediakan RM200 juta setahun tetapi yang digunakan hanya sebanyak RM65 juta. Ini puncanya ialah kerana banyak sangat birokrasi, kerenah pentadbiran pengurusan dan sebagainya yang menyebabkan akhirnya IKS kita tidak berkembang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itulah saya minta kementerian-kementerian yang bertanggungjawab sama ada Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian. Cuba selaraskan usaha-usaha pembangunan IKS ini supaya mereka menjadi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...boleh menjadi *global player* dengan izin. IKS yang berkembang dan itu saya kata bahawa ia boleh menjadi tunjang kepada pertumbuhan ekonomi. Tidak bergantung semata-mata kepada syarikat-syarikat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Batu Pahat minta jalan. Pasir Mas.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat melahirkan rasa kesal terhadap bank terutamanya dalam memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan. Terdapat salah satu bank yang terbesar di negara kita iaitu *Malayan Banking*. Baru-baru ini ada membeli saham untuk menguasai Bank Indonesia. Di mana pembeliannya melibatkan jumlah yang besar hendak menguasai 30%

terpaksa membayar RM4.6 bilion. Kalau 85% hampir RM8.6 bilion. Manakala *Citibank* telah juga membida untuk mendapat kepentingan dalam Bank Indonesia tetapi dengan harga hanya RM5.6 bilion dan saham yang dibeli ini adalah kepunyaan anak syarikat *Temasek Holding*. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat apabila kita melihat usahawan-usahawan begitu sukar untuk mendapat pinjaman yang kecil-kecil bagi faedah perniagaan mereka dan sebagainya tetapi boleh melaburkan jumlah yang begitu besar untuk menguasai bank di Indonesia yang kita tahu di Indonesia ini banyak bank-bank lain yang boleh dikuasai. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun sebenarnya memang hairan sebab kita pun sekarang ini sudah membeli dua bank daripada Indonesia. Yang baru-baru ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat ialah *Bank Indonesian International* (BII). Apa keperluannya, maka ini memang menjadi tanda tanya juga. Sebab akhirnya yang untung ialah Temasek iaitu *business arm* dengan izin kepada kerajaan Singapura. Untung hampir RM3 bilion.

Sebab itu saya kata bahawa apabila bank ini terlalu menjadi komersial, penggabungan bank yang kononnya dahulu tujuannya ialah untuk kita mengatasi krisis ekonomi digabungkan, maka akhirnya dia hilang tumpuan kepada usaha membangun usahawan-usahawan kecil. Sebab itulah saya ingin mendesak kepada pihak Kementerian Kewangan, kepada kerajaan supaya hidupkan balik bank-bank *regional* ini dengan izin. Bank-bank *regional* ini dibanyakkan semula supaya memudahkan sebenarnya rakyat yang mahu terlibat dengan IKS ini, mudah mendapat pinjaman. Kalau kita beli bank yang besar-besar pun, hebat-hebat dan baru-baru ini ada cadangan pula hendak membeli satu bank pula di Pakistan, satu yang dikatakan bank yang kuat di Pakistan akan dibeli.

Maka yang menjadi persoalan ialah apakah bank-bank yang ada sekarang ini dikawal, diperhati, dipantau supaya mereka ini memudahkan *delivery system* nya iaitu untuk membantu usahawan-usahawan kecil...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan. Terima kasih jiran sebelah Yang Berhormat Batu Pahat. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat bangkitkan soal pinjaman yang diperpayahkan bagi kita menghidupkan IKS di negara kita. Tetapi kalau kita bandingkan dengan negara Thailand, negara yang terdekat dengan kita. Kita lihat IKSnya berkembang begitu pesat sehingga ketika keadaan ekonomi yang begitu tenat berlaku pada satu masa dahulu, IKS inilah yang menyelamatkan ekonomi Thailand daripada jatuh merudum.

Jadi kita lihat di sana tidak ada insentif atau tawaran-tawaran kewangan yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam pembangunan IKS. Sebaliknya rakyat sendiri bangun dan mereka hanya mendapat dorongan dan galakan. Begitu juga kita lihat sekarang ini, apa yang berlaku di negara kita ini, kerajaan beri bermacam-macam kemudahan kepada rakyat tetapi kita lihat ia masih berada ditakuk lama dan tidak berkembang. Seolah-olah dengan izin *ask to fly without wings*. Suruh terbang tetapi tidak ada sayap. Jadi kita hendak melihat ini berkembang dan menjadi satu keadaan ataupun status yang memungkinkan IKS ini berkembang dan apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu kemudahan mikro kredit ini Tuan Yang di-Pertua, memang cukup penting sebenarnya. Kalau kita lihat bahawa reformasi pertanian yang ingin kita lakukan, dia tidak akan ke mana dan krisis makanan global yang berlaku sekarang ini adalah satu contoh sebenarnya bahawa persiapan kita untuk berhadapan dengan krisis makanan

global ini adalah begitu lambat sebenarnya dan sekarang ini kita akan berhadapan dengan satu masalah besar kerana apa yang saya difahamkan, beras sebagai contohnya, kita masih memerlukan 30% beras yang diimport daripada luar.

Ini bermakna apa yang kita buat hanya mampu menampung 70% dan yang lebih menakutkan dan membimbangkan kita sekarang ini Tuan Yang di-Pertua ialah stok simpanan beras kita hanya mampu bertahan untuk tiga bulan lagi. Dalam keadaan negara-negara di Asian ini yang sudah tidak lagi mengeksport beras dengan harga yang melambung, maka apa akan jadi kepada kita nanti? Apa yang berlaku sekarang ini, yang mengejutkan kita ialah harga beras bukan sahaja beras import yang naik harga. Harga beras lokal pun, tempatan pun naik harga daripada 15% hingga 40%. Ini yang saya hairan bila menteri kata harga beras tempatan tidak naik sedangkan apa yang berlaku, yang disiarkan, yang diterbitkan dalam akhbar dan media dan sebagainya, memang harga naik.

Maka di sini Tuan Yang di-Pertua, yang timbul ialah soal penguatkuasaan yang sebenarnya. Bila penguatkuasaan lemah kita tidak turun...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sekali lagi mencelah.

Dr. Lo' Lo' bin Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, yang mana satu Yang Berhormat hendak bagi ini?

Dr. Lo' Lo' bin Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kawan sebelah kah atau belah sini?

Dr. Lo' Lo' bin Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsa.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' bin Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang persoalan yang dikatakan tadi stok beras kita hanya tiga bulan sahaja lagi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Adakah ini kerana dasar kerajaan sebelum ini yang tidak memikirkan kepentingan rakyat sehinggakan isu-isu ataupun pandangan-pandangan tentang *food security* ataupun keselamatan makanan yang sering kali dibangkitkan sebelum ini tidak diambil kira.

■1550

Jadi apabila telah berlaku masalah krisis makanan dunia, maka Malaysia telah mendapat kesan yang begitu menakutkanlah seperti ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya mohon jawab sekali. Saya hendak tanya berhubung dengan beras sahaja. Kepada saya, kerajaan tidak boleh dipersalahkan. Saya bukan hendak jawab Yang Berhormat Titiwangsa. Yang berlaku ini sebenarnya beras ini, saya sudah bekerja lama dengan syarikat pada beras ini. Saya tahu cerita sebenarnya.

Apa yang berlaku sekarang, penguatkuasaan telah dibuat oleh kerajaan tetapi pihak pemborong, *wholesaler*, mereka mengambil keuntungan dalam masa

kita berlaku kesempitan yang seperti ada sekarang ini. Sebab beras yang di bawah kawalan kerajaan, iaitu beras yang berada dalam *content* ataupun kandungan 50% sahaja, 15% hancur, tetapi yang lebih daripada itu, ia tidak dikawal oleh kerajaan. Jadi, pemborong ini mendorong kepada keadaan untuk mereka mendapat keuntungan yang lebih. Maka mereka tidak mengedarkan dalam pasaran beras yang 50%...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau ini beri penjelasanlah atau menjawab soalan?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya pun hendak tanya mengenai ini.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya pengurusan BERNAS Tuan Yang di-Pertua. Sekejap, sekejap.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Untuk pengetahuan di Kedah, beras yang 15% pun tidak ada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Titiwangsa tidak boleh berdialog.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Dengar dahulu saya jelas ini. Dengar dahulu, sebab mereka terdorong untuk membuat beras 5%. Beras 5% itu tidak dikawal oleh kerajaan. Yang salah bukan kerajaan, tetapi keinginan pemborong untuk menaikkan harga dan mendapat keuntungan yang lebih dalam masa sekarang. Menangguk di air keruh, itu yang saya hendak bangkitkan. BERNAS juga sekarang ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: ...Pengurusan BERNAS mereka tidak ada *supply change* yang tidak cekap. Ini yang hendak diberitahu supaya kawasan itu diserahkan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau, saya belum mendengar soalan ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Cuma itulah, apa pun bagi saya ialah ketegasan dan penguatkuasaan. Bila kita tidak tegas, bila kita tidak kuatkuasakan, apa pun undang-undang dan peraturan yang ada tidak bermakna sebenarnya. Jadi, di sinilah saya mengatakan bahawa kita harus tegas dalam mengatasi krisis makanan global ini. Terutama mengawal dari segi harga yang meningkat sewenang-wenangnya. Jika tidak nanti, rakyat akan terus menyalahkan...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: [Bangun]

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada dua orang peminat berdiri dekat sini.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kuala Kedah ini, kawasan padi ini, Kuala Kedah ini.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kota Raja, Kota Raja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jangan bercakap dahulu Yang Berhormat, tunggu...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tunggu, yang mana satu hendak langsung bagi ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tidak sampai... Saya bagi sekalilah. Kota Raja dengan Kuala Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ingin bertanya, tadi Yang Berhormat Arau ada menyebut tentang bagaimana beras diagihkan ke seluruh negara. Sekarang kita semua tahu bahawa lesen pengimport beras hanya diberi kepada BERNAS dan beras sampai kepada pengguna melalui beberapa lapis pemborong dan pelesen.

Jadi, mungkinkah dan ini pun kita tahu bila jadi dengan *multilevel* ini, maka dengan sendirinya harga yang sampai kepada pengguna juga tinggi. Maka manipulasi mereka untuk tidak menjual beras apabila diperlukan juga boleh mereka gunakan. Adakah Yang Berhormat bersetuju, yang sekarang ini bila BERNAS telah diamanahkan mengambil alih LPN atau Lembaga Padi Negara, mereka telah gagal untuk mengekalkan atau mempertahankan stok pembekalan beras kepada rakyat negara ini?

Adakah Yang Berhormat Batu Pahat bersetuju bahawa sistem monopoli barang makanan utama ini kita patut kekalkan kepada BERNAS ataupun patut kita buka lagi kepada lebih banyak pengimport untuk memastikan bahawa harga, stok dan juga bekalan beras itu tidak dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu? Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat, hendak jawab dahulukah atau bagi peluang dengan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sekali, sekali. Saya jawab sekalilah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tiga bulan stok penimbal yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi. Kita dapati bahawa kegagalan dasar kerajaan ini ialah, yang pertamanya ketika awal-awal kemerdekaan dahulu, stok penimbal ini ialah dalam tempoh dua tahun. Kemudian turun kepada satu tahun. Kemudian turun kepada enam bulan dan sekarang ini turun kepada tiga bulan. Kita tidak pasti sama ada tiga bulan ini benar-benar ada stok dalam negara ataupun dia hanyalah sekadar satu kenyataan umum yang dibuat oleh kerajaan?

Oleh sebab itulah hari ini, dalam krisis sekarang ini ialah apabila berlaku krisis, barulah kerajaan sedar bahawa kita perlu merubah sistem itu kembali kepada sistem lama. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Batu Pahat, sekarang ini adakah dasar kerajaan apabila berlaku krisis dalam negara, barulah kita hendak menyemak balik segala dasar-dasar kita, yang memberikan keuntungan kepada rakyat? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat, lama lagikah cerita? Lagi panjangkah ucapan ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya akan cuba ringkaskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab sedikit sebelum saya hendak beralih kepada tajuk lain, iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...sebenarnya memang dalam soalan Dewan saya nanti, ada saya membangkitkan bahawa monopoli mengimport beras ini, sepatutnya dibuka lebih banyak kepada beberapa syarikat, memecahkan monopoli ini. *[Tepuk]* Saya harap ini akan dipertimbangkan.

Cuma saya berharap bahawa kerajaan-kerajaan negeri yang diperintah oleh pembangkang ini terutamanya di Kedah, di Perak, di Kelantan dan juga di Pulau Pinang mungkin ada juga kawasan-kawasan untuk menanam padi. Tanamlah padi secara besar-besaran, secara moden. Sama-sama membantu krisis makanan global ini sebab mereka ada tanah yang luas. Kedah itu sendiri pernah menjadi apa yang dikatakan sebagai periuk nasi, jelapang padi negara.

Maka, saya fikir bahawa sudah sampai masanya untuk kita melihat kembali, iaitu kita membuka kawasan sawah padi, tetapi mestilah secara moden Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada isu rasuah, sebab isu rasuah adalah isu yang juga disentuh dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pendang, Pendang. Yang Berhormat Pendang berdiri Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ya, saya hendak sedikit sahaja...sawah padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Belum mula lagi Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang duduk dahulu.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sawah padi tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Belum bermula lagi. Dia punya rasuah itu belum bermula lagi.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sawah padi tadi sudah berpindah ke tajuk lain.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya sudah berpindah kepada tajuk barulah Yang Berhormat Pendang. Isu rasuah. Sebab kalau tidak nanti, tidak habis Tuan Yang di-Pertua. Isu rasuah.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mewujudkan Suruhanjaya Anti Rasuah. Ini adalah satu perkara yang cukup penting sebenarnya. Sebab kita memang tahu bahawa sepesat mana pun pembangunan sesebuah negara, tetapi jika gejala rasuah tetap berterusan, maka dia juga sebenarnya membawa kesan-kesan yang tidak membawa makna kepada pembangunan yang pesat itu.

Kita mestilah sebenarnya bersama-sama memikul tanggung jawab memerangi rasuah ini, dan juga menimbulkan isu-isu rasuah ini supaya tidak ada sesiapa yang memandang ringan dan tidak timbul soal kroni dan sebagainya. Jadi sebab itulah apabila isu rasuah ini banyak dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, maka apa yang saya ingin katakan bahawa rasuah ini jangan kita cakap ketika kita tidak ada kuasa. Bila kita ada kuasa, kita tidak menggunakan kuasa itu untuk memerangi rasuah dan ini sering berlaku.

Dahulu bila kita ada kuasa, kita tidak buat apa-apa pun. Kita biarkan dan kadang-kadang kita berkompromi pun. Kita tidak boleh kata bahawa ketika itu kuasa kita tidak cukup kuat. Akan tetapi jangan masanya, bila kita tidak ada kuasa, maka kita mula berkata hendak buat itu, hendak buat ini dan sebagainya. Ia tidak akan membawa sebarang makna. Orang akan kata bahawa 'cakap tidak serupa bikin'. Jadi sebab itulah saya kata bahawa...

■ 1600

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada dua orang, Shah Alam dengan Pasir Salak. Mana satu Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak tumpang bertanya kepada Yang Berhormat Batu Pahat bila dia sebut "dulu" itu. Bila berkuasa, tidak buat apa, malah mendiamkan diri, membisu dan juga rakan-rakan dia pun juga terlibat dengan rasuah. Ramai yang jadi kaya-raya, hari ini duduk sebelah sana. Kalau hendak sebut, seorang-seorang saya boleh sebut dalam Dewan ini, tetapi saya rasa kalau sebut nanti, dia orang merasa malu.

Beberapa Ahli: Sebut, sebut.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebab hari ini kita tengok dia kaya-raya, hidup senang. Dulu dia bukan ada meniaga apa, politik sepanjang masa. Kalau hari ini senang.

Beberapa Ahli: Sebut, sebut.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, sabar dahulu. Sabarlah. Sabar, sabar.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi kata buat tuduhan. Sekarang ini cakap, cakaplah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sabarlah ya. Saya hendak bertanya tadi kepada Yang Berhormat Batu Pahat. Dia kata masa dulu ada orang itu dan ini. So, jawapannya itu ada pada Yang Berhormat Batu Pahat. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Batu Pahat supaya secara spesifik, siapa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat yang "dulu"nya itu, yang pengamal rasuah, sebesar-besar pengamal rasuah itu. Tolong beritahu.

Beberapa Ahli: Jawab, jawab.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi bahawa jika kita ada bukti tentang perlakuan rasuah seseorang itu, ada baik – bukan ada baiknya tetapi sepatutnya kita kemukakan bukti-bukti itu untuk tindakan. Ia tidak ada makna jika kita hanya cakap di sini sahaja. Bila saya maksudkan "dulu" itu ialah memang saya maksudkan kepada Penasihat Parti Keadilan, bukan saya mengatakan dia rasuah. *[Tepuk]* Saya mengatakan dulu dia ada kuasa sebagai Timbalan Perdana Menteri. Sebab itu sepatutnya diperangi rasuah ini ketika...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...bila kita ada kuasa. Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Gombak dengan Batu berdiri.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya akan bagi Gombak. Sebentar Gombak ya. Bagi saya habis sedikit lagi. *[Disampuk]* Saya bukan hendak menuduh, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengaku saya tidak ada bukti. Cuma saya bercakap soal bila kita ada kuasa. Bila ada kuasa, lawanlah, buktikanlah, tunjukkanlah, perangilah dan sebagainya. Jangan bila sudah tidak ada kuasa, saya kata, baru hendak buat itu, buat ini. Yang itu yang saya maksudkan iaitu bahawa Penasihat Parti Keadilan jangan bertindak bila tidak ada kuasa. Sebab dulu pernah jadi Menteri Pendidikan, baru sekarang hendak cakap soal pendidikan percuma bila sudah tidak ada kuasa. Masa ada kuasa dulu macam mana? *[Tepuk]* Soal ISA, saya pernah dengar mengenai dengan ISA ini ketika di Amerika lagi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Gombak bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sebentar, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Gombak, tolong duduk dahulu sekejap.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ISA, saya dengar Penasihat Parti Keadilan kata ISA ini masih diperlukan semasa di Amerika, tahun

1986 dan masa itu dia berdebat dengan Ustaz Hadi, dia kata, "PAS pun sokong masa dibawa ke Parlimen untuk meluluskan ISA". Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu bercakap ketika ada kuasa. Bila tidak ada kuasa, inilah cakapnya. Saya bagi Gombak dahulu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Batu Pahat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau maksud Batu Pahat itu merujuk kepada ketua umum Parti Keadilan Rakyat, Dato' Seri Anwar Ibrahim, bakal Perdana Menteri Malaysia. *[Disampuk] [Tepuk]*

Seorang Ahli: Jangan bermimpi di siang hari.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia inilah seorang insan yang bernama Dato' Seri Anwar Ibrahim membawa satu akta untuk dipinda dan digubal dalam Parlimen untuk mengukuhkan Badan Pencegah Rasuah, *[Tepuk]* khususnya terhadap beberapa pemimpin elit UMNO dan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Saya masih ingat ketika itu, Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita sedang bercuti rehat di Eropah, saya antara orang yang terpaksa memasang peralatan dan perkakas *video conferencing* di mana Tun Dr. Mahathir cuba menghalang timbalannya daripada membawa penggubalan akta di dalam Parlimen tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan berucap, Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak berucap. Saya hendak bagi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang keduanya, apa yang saya hendak jelaskan ketika ada kuasa, kita bawa kuasa itu dalam Dewan Rakyat untuk gubal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sepatutnya Yang Berhormat tanya dengan Yang Berhormat Batu Pahat, minta penjelasan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bukan. Saya hendak tanya dan saya hendak beri penjelasan sebelum saya bertanya. Apa yang berlaku sekarang ialah terlalu banyak *political rhetoric* oleh Perdana Menteri yang hendak banteras rasuah, yang hendak perang rasuah dalam keadaan ada kuasa sebagai Perdana Menteri, tidak ada satu pun tindakan Perdana Menteri bawa untuk gubal akta rasuah dalam Parlimen ini. *[Tepuk]* Yang ada sekadar *political rhetoric* yang dicadangkan oleh mungkin menantu beliau, *[Ketawa] [Tepuk]* tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada tetapi apa pula ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...saya ingin menjelaskan sedikit...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Batu Pahat, kalau Batu Pahat hendak membenarkan seseorang itu untuk mencelah soal rasuah, tengoklah etika dan moral orang itu terlebih dahulu. Dalam sejarah politik UMNO, belum pernah

berlaku di mana seorang ketua bahagian terpaksa membelanjakan RM6 juta [Tepuk] untuk mendapatkan jawatan Ketua UMNO Bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi sebelum kita bicara, sebelum bahas, cermin muka terlebih dahulu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Baik, Gombak, cukuplah Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Batu Pahat, minta teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Batu Pahat, minta laluan sedikit. Ini ada mengenai dengan tuduhan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Siapa makan cili, dia rasa pedas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan makan cili. Ini tidak ada rasa-rasa pedas. Kita berterus-terang. [Ketawa] Dengan izin, *I am waiting for this time all these years, all these years*, dengan izin.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Go to court, go to court!*

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha, kita tunggu ini sudah lama, Tuan Speaker. Bagi saya peluang.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey, bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Batu Pahat bagi ruang.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, ya, saya bagi sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, inilah dianya. Saya dipecat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada UMNO tanpa ada tuduhan yang dibuat kepada saya. [Disampuk] Tidak ada surat tuduhan. [Disampuk] Betul [Tepuk] *Lillahi taala*. Dengan nama Allah, saya bercakap, tuan-tuan yang beragama Islam tolong dengar.

Seorang Ahli: Zalim!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini tajuk apa ini, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak menjawab...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini tajuk apa ini?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak menjawab tuduhan. Tuduhan, penjelasan, penjelasan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini dalam *trial* ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan. Kenapa takut hendak dengar penjelasan saya? *[Disampuk]* Saya hendak bongkar cerita lama.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tunggulah *floor*, tunggu masanya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi dia bangkitkan.

Seorang Ahli: Gangguan, gangguan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, inilah kezaliman pemimpin Parti Keadilan Rakyat yang sekarang mendakwa pemimpin yang adil *[Tepuk]* untuk rakyat. Saya dipecat daripada UMNO atas kesalahan apa?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kerana apa? Kerana dia...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tepuk dada, tanya selera!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...kerana dia hendak jadi Perdana Menteri dan dia bersekongkol dengan menteri-menteri besar tertentu untuk mendapatkan sokongan, dia sanggup mengkhianati saya, sanggup menganiaya saya seorang yang berjasa kepada beliau *[Tepuk]* yang membawa beliau menjadi seorang pemimpin di dalam UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak, lagi panjang pertanyaan itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit sahaja lagi *[Ketawa]* dan apabila saya buat... *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, apabila saya buat...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Nampak UMNO berpecah teruk ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eh, kenapa pula Shah Alam takut?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi Rembau kata PKR pecah tetapi sekarang ini nampaknya UMNO yang pecah.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Haji Idris bin Haji Haron]: Peraturan, peraturan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta sedikitlah, Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak salah apa. Apa yang dikatakan saya berbelanja RM6 juta, saya hendak Naib Presiden Parti Keadilan daripada mana?

Beberapa Ahli: Gombak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Gombak. Buat tuduhan saya di luar. Saya akan saman Yang Berhormat hari ini juga. *[Tepuk]*

Buat sekarang di luar Dewan. Saya cabar. Saya akan tunggu. Saya bagi 24 jam buat kenyataan di luar, saya akan saman Yang Berhormat Gombak. Pendekkan cerita, saya akan sambung besok kalau bagi saya *chance* berucap. *[Tepuk]*

■1610

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya beralih kepada rasuah bola sepak. Ini rasuah juga. *[Dewan riuh]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ramai yang minat Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ramai yang minat ni.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tapi bagi saya bercakap tentang rasuah bola sepak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Batu Pahat, sila.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kami minta penjelasan boleh tak?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya kalau nak memberikan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat, duduk.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Wangsa Maju duduk dulu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Wangsa Maju, sebentar Yang Berhormat Wangsa Maju. Rasuah bola sepak adalah satu daripada contoh betapa masalah rasuah ini ia merebak ke mana-mana ya. Saya tadi sudah katakan bahawa kita memang menyokong Suruhanjaya Anti Rasuah ini supaya mereka diberikan kuasa yang sebebannya. Kita mahukan panel yang akan dipilih nanti pun mestilah mengatasi kebebasan tersebut iaitu ia memang sebenar-benarnya bebas dalam menentukan peranan, perjalanan dan bentuk Suruhanjaya Anti Rasuah ini. Cuma saya ingin mengambil contoh tentang rasuah bola sepak ini, betapa malunya kita tentang gejala rasuah ini yang berakar umbi sampai kepada bola sepak, saya minta Menteri Belia dan Sukan, nanti tolong perelaskan tentang isu ini.

Puncanya ialah apabila contohnya Persatuan Bola Sepak Sarawak, sampai tiket kapal terbang pemain pun dia tak boleh nak beli untuk pemainnya nak bermain di tempat lain. Maka memberi laluan kepada *bookie-bookie* bola sepak ini

untuk memberi rasuah. Semua ini saya rasa adalah satu perkara yang berkaitan antara satu dengan lain jika kita ingin memerangi rasuah sebenarnya. Maka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kuala...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...segala aspek ini perlu dilihat, jika tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebentar Yang Berhormat Kuala Selangor ya. Jika tidak, bola sepak negara kita akan terus bermain bola seperti pondan yang bermain bola.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dalam isu rasuah ini, kita memang kena tegas. Kalau kita rasa tender terbuka juga memberi ruang kepada berlakunya rasuah, maka kita kena pastikan tender terbuka itu tidak memberi ruang berlakunya rasuah sebab manusia ini Tuan Yang di-Pertua, dia lebih bijak, lebih pandai. Lagi banyak peraturan, lagi banyak *loophole*, dengan izin, yang dia boleh cari untuk dia nak melakukan rasuah. Jadi sebab itulah, saya berharap kita ini bila melihat isu rasuah, jangan kita nak menyalahkan satu pihak. Sebenarnya ini adalah kadang-kadang dalam rumah tangga kita pun boleh berlaku rasuah sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Yang Berhormat Wangsa Maju dulu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih, Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Batu Pahat mengatakan amalan rasuah ini adalah satu masalah dalam negara kita dan juga Kerajaan Barisan Nasional juga pada sesi yang lepas 2004, apabila Perdana Menteri yang baru masa itu menang dengan cemerlang, beliau mengatakan akan menghapuskan rasuah.

Itu adalah satu agendanya dan beliau juga ada mengatakan dalam Dewan ini bahawa dia ada bukti terhadap 18 ikan yu dan bukan ikan bilis dan juga telah *charge* seorang bekas Menteri, Tan Sri Kasitah Gadam pada masa tu dengan rasuah RM3 juta. Soalan saya kepada Yang Berhormat Batu Pahat, 18 ikan yu tak ditangkap sehingga hari ini, sama ada 18 ikan yu itu masih berenang dalam Parlimen ini. [Dewan Riuh] Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Yang Berhormat Wangsa Maju. Tuan Yang di-Pertua, dalam rasuah memang kita tidak boleh berkompromi terutamanya ikan yu yang disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya berani mengatakan bahawa kita tidak boleh berkompromi, jangan ikan bilis sahaja yang ditangkap, ikan yu kita lepaskan. Di sinilah Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang mempersoalkan kemampuan pendakwaan sebenarnya. Sebab itu saya fikir bahawa Jabatan Peguam Negara ini, saya sering menyebut perkara ini, perlukan juga reformasi kepada Jabatan Peguam Negara, sebab itu saya kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tak bagi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun anak murid saya. Sebentar Yang Berhormat Kuala Selangor...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kubang Kerian, ada di belakang pun ada Yang Berhormat, minat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya nak habiskan dulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Maslan (Pontian): Yang Berhormat Pontian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat yang lain, duduk. Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu saya kata Jabatan Peguam Negara ini kadang-kadang memang kita kecewa. Dia kata polis, polis kata dia. Mana satu yang betul sehingga kes profil tinggi boleh terlepas maka ini yang kita kata rakyat tidak akan percaya kepada kita dalam soal untuk memerangi rasuah ini. Sebab itu bila ada kes, kena sediakan kes dengan betul-betul dan sempurna dan lengkap. Jangan buat kerja sambil lewa, ada hakim kata sambil lewa. Saya harap bahawa dalam kes ini saya bersetuju...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rembau di belakang. Yang Berhormat Rembau bangun.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh bahagian Kulai, Yang Berhormat Kulai, maafkan saya, yang menyebut kita kena lihat model yang ada di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Balik Pulau.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Yang Berhormat Rembau dulu.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Batu Pahat. Saya amat setuju dengan saranan tadi bahawa kita perlu ada satu reformasi dalam Pejabat Peguam Negara. Di sini saya ingin tanya soalan dan minta penjelasan sama ada Yang Berhormat Batu Pahat setuju dalam reformasi kita buat kepada Badan Pencegah Rasuah ini sama ada kita perlu memberi *prosecution power* ataupun kuasa pendakwaan kepada suruhanjaya yang bakal ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya memang setuju. Kalau kita lihat, saya setuju jika sekiranya itu boleh membantu kita dalam mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang ini untuk memastikan mereka yang didakwa ini tidak terlepas tetapi kalau kita lihat apa yang ada di Australia, sebagai contohnya, model yang ada di Australia, Badan Pencegah Rasuahnya mereka tidak ada kuasa pendakwaan ini tapi cara mereka menyiasat kebebasannya dan penyediaan buktinya maka mereka buat secara bersungguh-sungguh. Jadi, sekiranya Suruhanjaya Anti Rasuah ini..

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dengan izin.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Diberikan kuasa untuk mendakwa dan itu lebih baik, saya memang setuju sebenarnya sebab isunya ialah isu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dengan izin Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Balik Pulau dan Yang Berhormat Machang.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Pada awal tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat pilih satu lah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi menyaksikan dan memerhatikan Yang Berhormat Batu Pahat ini cukup konsisten dan bersungguh dalam membincangkan persoalan integriti dan peperangan atas rasuah ini. Saya pohon untuk Yang Berhormat memberi komentar, sejauh mana konsistennya pula pimpinan tertinggi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang setelah menang pilihan raya 2004 yang lalu terhadap janji peperangan ke atas rasuah.

■1620

Setelah diwujudkan Pelan Integrasi Nasional seawal April 2004 berserta dengan Akademi Integriti Nasional yang melibatkan pada awalnya *engagement* seorang konsultan yang sememangnya *world class*, David Jeremy Poh yang mengutarakan satu *report* dan *recommendation* yang cukup mantap dan cukup tuntas dari sudut *recommendation*nya itu. Akan tetapi setelah berlalunya empat tahun sehinggalah baru-baru ini setelah berlakunya tsunami politik melanda ke atas Kerajaan Barisan Nasional barulah kita lihat kesungguhan yang dibuat kerana terdahulu daripada itu cadangan-cadangan untuk mengatasi dan memerangi rasuah ini sama ada dalam bentuk cadangan IPCMC yang pengerusinya Tun Zaidi Muhammad sendiri berserta dengan ahli-ahlinya seperti Yang Mulia Tengku Abdul Aziz merasakan bahawa kesemua cadangan mereka itu adalah satu *mockery* apabila yang dimajukan itu adalah *Special Complaint Commission* (SCC) dengan izin, ataupun Suruhanjaya Aduan Khas dan bukan seperti mana yang mereka mahukan. Begitu juga dalam perkara-perkara yang kita lihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sila...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau boleh saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Batu Pahat, atas perkara ini dan keprihatinan beliau apakah tidak layak atau tidak sepatut dan sewajarnya perkara ini seharusnya ditangani oleh Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah diberikan

segala ruang dan cadangan-cadangan daripada profesional dan mereka yang pakar tetapi nyata tidak diambil kesungguhan dan komitmen yang jelas. Terima kasih.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya katakan tadi bahawa kita menyambut baik dan kita meletakkan harapan yang tinggi apabila wujudnya cadangan menubuhkan Suruhanjaya Anti Rasuah ini dan kita dijanjikan sehingga akhir tahun ini bahawa perkara ini akan dilaksanakan. Saya yakin ini adalah komitmen kepada Perdana Menteri untuk memastikan bahawa rasuah dapat dikurangkan.

Tuan Ahmad bin Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pontian di belakang, Yang Berhormat. Yang Berhormat Pontian minta laluan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pontian minta laluan.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih ke tajuk lain.

Tuan Ahmad bin Maslan [Pontian]: Satu penjelasan. Sikit sahaja.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingin pergi kepada tajuk isu pekerja, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada pekerja-pekerja di negara kita ini. Saya sebenarnya cukup menyokong permintaan untuk dipertimbangkan supaya umur bersara ini dinaikkan daripada 55 - 56 tahun kepada 60 tahun. Alasannya mudah, ketua kampung pun umur bersaranya 65 tahun, hakim pun 65 tahun. Pengerusi SPR 66 tahun. Jadi, kenapa dengan jangka hayat umur mortaliti ini yang sudah pun meningkat, maka kita tidak boleh mempertimbangkan permintaan daripada CUEPACS ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu bahawa sekarang ini pun sudah berubah sebenarnya. Kalau dulu orang kata, dengan izin "*Life begins at forty*" sekarang ini sebenarnya "*Life begins at fifty*". Sudah berubah, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan di belakang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hujah Yang Berhormat Batu Pahat mengenai '*Life begins at forty and lives begin at sixty*'. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat mengenai pengangguran yang semakin teruk di negara kita. Ramai penuntut, graduan kita di universiti peringkat IPTA dan IPTS yang keluar mencari kerja tanpa mendapat sebarang pekerjaan. Jadi bagaimana? Saya minta penjelasan Yang Berhormat mengenai apa yang kita hendak buat terhadap graduan yang tidak mempunyai pekerjaan ini?

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, isu graduan menganggur ini adalah satu isu yang berasingan sebenarnya. Ini banyak berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan sebagainya dari segi menyediakan kursus-kursus yang bersesuaian termasuklah peranan Kementerian Sumber Manusia dalam memberikan latihan-latihan tambahan. Sebenarnya di negara kita ini banyak pekerjaan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi masalahnya sekarang ini ialah kadang-kadang graduan kita ini kekurangan kemahiran tambahan - *value added*, itu yang kurang dan inilah yang menyebabkan isu pengangguran. Saya fikir ia tidak kena mengena dengan isu kita hendak menaikkan umur persaraan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Kuala Langat bangun.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tidak bagi laluan, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya mohon kerana saya daripada pergerakan kaum pekerja dalam negara ini. Saya minta diberi laluan untuk memberi sedikit anjuran soalan kepada Yang Berhormat Batu Pahat untuk dikongsi bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau Yang Berhormat Batu Pahat bersetuju hendak bagi tentu saya akan bersetuju jugalah.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya hendak habiskan apa yang saya hendak cakapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia hendak habiskan, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting sebenarnya sebagai ganjaran kepada komitmen golongan pekerja di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada umur 60 tahun ini ia lebih kuat. Dia bertambah kuat dan bertambah matang. Jadi, saya rasa ia perlu diambil kira. Dalam keadaan yang lain semua kita tingkatan umur persaraannya.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Kuala Langat bangun Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia pilih orang yang boleh menolong, yang batu api dia tidak bagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya memang bersetuju. Dari dahulu saya telah mencadangkan supaya umur persaraan pekerja di negara kita dikaji semula. Bukan itu sahaja, pensyarah-pensyarah di universiti umur 56 tahun sudah habis sedangkan sebagai pensyarah kerja mereka ini bukannya berat. Cuma bercakap seperti Yang Berhormat dulu, takkan umur 65 tahun tidak boleh?

Jadi, apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada kerajaan supaya kajian semula umur persaraan pekerja-pekerja di negara kita di semua peringkat dikaji dan dibenarkan iaitu maksimum 65 tahun dan kita boleh menjimatkan wang negara dari segi wang pencen dan sebagainya? Dalam masa yang sama kita juga meminta kerajaan menyediakan ruang pekerjaan termasuk di kerajaan-kerajaan negeri yang diperintah oleh pembangkang supaya mewujudkan ruang pekerjaan yang banyak. Jangan cakap tetapi tidak boleh buat, adakah Yang Berhormat bersetuju?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Langat masih berdiri, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Silakan, Yang Berhormat Kuala Langat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha, bagilah peluang. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Rakan saya, Yang Berhormat Batu Pahat. Untuk makluman Dewan ini, sebenarnya Akta Pekerja 1955 tidak pernah memperuntukkan had umur persaraan. Isu yang lebih penting pada hari ini ialah dalam kadar umur yang meningkat kebanyakan syarikat-syarikat gergasi telah renti kerja sentara keseluruhan pekerja yang kita dapati hampir 200,000 orang. Dalam kadar pengangguran negara pada hari ini berkisar kepada 3.3%, yang sebenarnya dalam negara kita ini kalau kita ambil anjuran 10 juta pekerja negara ini dan 2 juta pekerja asing, petanda mengatakan hampir 670,000 pekerja masih ada ruang kosong kalau ditolak daripada pekerja tanpa izin dan asing. Dalam usia 65 tahun memang kita mengalu-alukan, tetapi dalam mencapai 40 - 50 tahun mereka telah pun dibuang kerja dan pengangguran bertambah dalam aspek *percentage* yang berlaku pada hari ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Batu Pahat, dalam suasana hari ini pekerja berteriak dan menangis kerana dalam arus perburuhan yang berlaku pada bulan Julai 2007, Dewan yang mulia ini telah meminda satu akta yang dipanggil Akta Perusahaan 1967 di bawah seksyen 30 memandu hak pekerja di dalam Mahkamah Perusahaan dan ini telah m9embatasi hak dan membunuh kaum pekerja dalam negara ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1630

Saya dengan ini memohon dan bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Batu Pahat untuk dilanjutkan usia 65 tahun dan dalam masa yang sama memperkasa dan menjana hak pekerja dalam negara ini. Terima kasih.
[Tepuk]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Sebenarnya tadi saya minta 60 tahun sahaja tetapi dah jadi 65 tahun. Walau bagaimanapun pun saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin mencadangkan dan diharap mendapat perhatian daripada pihak kerajaan mengenai dengan isu gaji minima ini iaitu sebanyak RM900 dan saya rasa ini juga sesuai diambil kira. Ini kerana berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat bahawa daya pengeluaran negara kita empat kali terkebelakang berbanding dengan Singapura, dan tujuh kali terkebelakang daripada negara Jepun. Sedangkan sumbangan golongan pekerja adalah cukup besar sebenarnya.

Jadi sebab itulah dengan kos yang meningkat, kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang ini kita berharap iaitu gaji minimum RM900 ini juga menjadi pertimbangan kepada pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pencen wanita ini saya ingin menyentuh tentang...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat ada dua berdiri.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya nak habiskan sikit dulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, tolong duduk dulu Yang Berhormat berdua. Sila habiskan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pencen ini saya hairan mengapa ada perbezaan antara lelaki dan wanita dari segi mendapatkan ganjaran pencen apabila mereka bersara awal. Wanita akan dapat duit pencennya bermula ketika berumur 45 tahun, manakala lelaki 50 tahun baru dapat. Jika kita ambil kira gaji berpencen RM2000 sebulan, dalam tempoh lima tahun dia dapat lebih kurang RM120,000. Ini kita lihat rugi kepada lelaki, sebab lelaki hanya mendapat pada umur 50 tahun, kenapa ada perbezaan ini? Sedang umur mortaliti kepada wanita lebih tinggi daripada lelaki.

Saya harap perkara seperti ini dapat diselaraskan sebenarnya iaitu tidak ada perbezaan dari segi umur ketika untuk mendapat wang pencen. Apabila menyebut tentang wanita ini, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, Sila Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya daripada Batu Pahat. Saya *reverse* sikit sahaja tentang umur persaraan tadi daripada mungkin sampai 60 tahun dan kerajaan boleh memikirkan 66 tahun.

Saya memfokuskan dua bidang, yang pertama sekali bidang kehakiman dan yang kedua dalam bidang pendidikan. Sebagai contoh saya melihat tokoh-tokoh dunia seperti Ibnu Khaldun, Ibnu Sina, Al-Farabi, Francis Bacon, mereka mencapai kemuncak pada umur 60, 65 dan ada yang 70 tahun. Universiti kita sebagai contoh, ini mesti diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Sejak Merdeka tidak ada satu universiti pun memenangi *Nobel Laureate* tidak ada lagi, mungkin disebabkan umur persaraan profesor-profesor kita terlalu awal.

Jadi apa salahnya kerajaan memikirkan dengan serius bidang-bidang seperti kehakiman dan dunia akademik ini, kita berikan mereka umur persaraan yang munasabah supaya kematangan dan kemuncak keilmuan mereka itu dapat memberikan manfaat kepada negara. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya. Sebenarnya kalau kita lihat kebanyakan saintis-saintis di luar negara, kebanyakan mereka memang berada dalam peringkat umur sekitar 60-an sebenarnya. Oleh sebab itu apa yang berlaku sekarang ini dengan gaya amalan hidup sihat yang semakin meningkat. Itu yang kita kata umur jangka hayat kita juga meningkat dan sebab itulah kita tidak mahu berlaku apa yang dikatakan sebagai pembaziran pemikiran, pengalaman

dan sebagainya. Ini yang menjadi hujah juga kenapa saya menyokong kenapa perlunya umur persaraan ini ditingkatkan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak menyentuh sedikit tentang isu yang berlaku sekarang ini mengenai dengan gejala wanita-wanita kita yang digunakan untuk mengedar dadah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Pahat minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas bersabar sekejap lagi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sikit sahaja. Saya ada perkara penting nak tanya ni. Tadi Yang Berhormat menyebut masalah menyokong gaji minimum yang diminta sehingga RM900 dari segi idealnya memang baik, malah kalau sampai RM1000 atau RM2000 pun lagi baik sebab menambahkan pendapatan.

Namun apakah Yang Berhormat sedar negara kita sedang bersaing dengan negara China terutamanya dan lain-lain negara seperti India yang muncul sekarang ini sebagai gergasi ekonomi. Apakah tidak bila kita meletakkan gaji minimum ini menakutkan para pelabur untuk datang melabur di negara kita.

Apa yang harus kita perjuangkan ialah mengawal kos kenaikan hidup rakyat supaya tidak membebankan mereka, bagi mengatasi masalah gaji minimum ini. Jika pun kita bagi minimum ia menakutkan pelabur tapi kos harga barang terus meningkat dan ini akan merugikan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebenarnya permintaan RM900 sebulan gaji minimum ini bagi saya adalah munasabah. Ini kerana syarikat-syarikat asing ini untung berbilion ringgit, untung besar di negara kita takkan ia mengeksploitasi tenaga rakyat kita dengan sebegitu rupa, dengan untung yang besar tetapi dia tidak memberi pulangan kepada rakyat kita sendiri. Maka tidak wajar sebenarnya dan kita tidak boleh membiarkan perkara ini berterusan.

Saya yakin bahawa kalau perkara ini diperjuangkan dan dibincangkan dengan ada alternatif lain untuk menarik pelabur datang ke negara kita, maka tidak timbul soal untuk mendapatkan permintaan untuk gaji minimum RM900.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada lagi satu berdiri.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua. Saya nak menyentuh tentang...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk sekejap, kasi dia bernafas sekejap.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tidak bagi laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, isu wanita yang diperalatkan ini sebagai pengedar dadah ini mengejutkan kita. Saya lihat statistik tahun lalu daripada 15 yang dilaporkan yang kita tahu mereka ditahan, 13 daripadanya adalah wanita.

Pada tahun ini berlaku lagi seperti mana yang berlaku kepada Azura Maizura Alias, 21 tahun dari Perak dan juga Dayang Sakienah Mat Lazim, 20 tahun dari Terengganu, yang ditipu oleh sindiket yang beroperasi di Madrid. Kononnya mereka ini ditawarkan pekerjaan yang lain tetapi menjadi pengedar.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bimbang bahawa ada lagi sebenarnya yang kita tahu yang berlaku seperti mana Umi Azlin yang dijatuhkan hukuman mati di China. Kita sedih ada ibu kepada mereka yang ditahan ini baru sahaja meninggal dunia dua hari bulan yang lalu.

Oleh kerana itu kita merasakan bahawa sindiket ini harus dibanteras dan ini adalah peranan polis, imigresen, kastam dan sebagainya yang mesti bersepadu dan tidak boleh dibiarkan. Jika tidak tuduhan yang mengatakan Malaysia adalah pusat pengedaran dadah antarabangsa di dapati benar seperti mana yang dituduh oleh imigresen di India. Berdasarkan kepada dua kes rampasan yang berlaku di *airport* India baru-baru ini. Mereka katakan bahawa Malaysia adalah pusat pengedaran dadah antarabangsa.

Apabila berlaku rampasan dadah syabu sebanyak RM15 juta baru-baru ini. Ini sudah tentu mengejutkan kita bahawa sindiket ini sanggup membawa orang daripada luar untuk membuat syabu di negara kita sebeb-bebasnya. Oleh kerana itulah jika perkara seperti ini tidak dikawal, maka gejala yang berlaku mengenai dengan wanita-wanita kita yang diperalatkan sebagai pengedar ini untuk membawa dadah ke luar negara, termasuklah ada yang berkelulusan universiti.

■1640

Sudah tentulah akan membawa imej yang buruk kepada pihak polis itu sendiri. Sebab itulah soalan keselamatan adalah soalan yang penting. Kita sudah bercakap banyak kali tentang penggunaan CCTV yang mesti menyeluruh di negara kita ini tetapi apa yang berlaku kita melihat seolah-olah usaha untuk memasang CCTV ini secara menyeluruh masih perlahan sebenarnya dan perlu satu undang-undang supaya semua premis-premis yang berada di tempat sensitif khususnya mesti memiliki CCTV yang berkualiti tinggi. Kalau dalam kes Sharlinie yang masih sampai sekarang kita tidak jumpa, di mana anak ini yang hilang ini. Kita tengok CCTV itu tidak ada kualiti. Nampaklah orang turunkan beg daripada motosikal, bawa sampai ke Amerika hendak dikaji video itu. Tidak jelas, Nurin... ya, minta maaf Nurin.

Tapi kalau buat CCTV hendak rakam privasi orang terang pula, yang jenayah tidak terang. Itu yang kita pelik Tuan Yang di-Pertua. Pokoknya Tuan Yang di-Pertua mestilah ada CCTV yang lebih canggih sebab kalau privasi orang boleh terang maksudnya dia ada alat yang canggih. Maka sebab itu janganlah pasang CCTV ini sambil lewa saja. Akhirnya bila berlaku jenayah seperti mana yang berlaku di KLIA, rompak di KLIA Tuan Yang di-Pertua di siang hari. CCTV rupanya tidak berfungsi, ini saya fikir adalah amat mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak masuk kepada satu isu yang cukup penting sebenarnya untuk saya perkatakan iaitu isu alam sekitar, *environment* ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini berbangkit juga soal... kembali berbangkit pada isu penguatkuasaan. Jenayah alam sekitar ini hingga ke hari ini berterusan pencemaran sungai, pencemaran

hutan, pencemaran bunyi dan sebagainya masih berterusan dan penjenayah-penjenayah alam sekitar ini seolah-olah tidak ada satu tindakan yang keras di ambil kepada mereka. Kita harus sedar bahawa gejala pemanasan global sekarang ini yang menyebabkan berlakunya banjir yang tidak menentu di negara kita ini adalah satu contoh betapa jika kita tidak sensitif tentang isu pemanasan global ini dan pemuliharaan alam sekitar, maka Tuan Yang di-Pertua saya yakin dia juga bersangkutan dengan isu mengenai dengan makanan global yang berpunca daripada isu pemanasan global ini.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, ada orang mempunyai tanggapan yang salah apabila dia merosakkan hutan kita ini. Dia menganggap hutan ini adalah warisan nenek moyangnya. Sepatutnya fikiran yang ada pada kita ialah hutan adalah warisan anak cucu kita yang kita pinjam daripada anak cucu kita.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Jadi apabila kita pinjam daripada anak cucu kita, maka kita kena pulangkan kepada anak cucu kita dalam keadaan baik juga sebab kita meminjam.

Tuan Yang di-Pertua: Titiwangsa berdiri Yang Berhormat, Titiwangsa.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, silakan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat dan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan tadi pencemaran yang diperkatakan oleh Yang Berhormat terutama oleh kilang-kilang yang kita katakan kilang-kilang haram yang di biar beroperasi kadang-kadang sampai berpuluh-puluh tahun tanpa satu penguatkuasaan daripada pihak yang berkuasa.

Saya kira atau hendak mintak persetujuan daripada Yang Berhormat Batu Pahat sendiri, ini boleh dikaitkan dengan isu rasuah tadi yang dikatakan merebak sehingga kepada rasuah bola sepak. Rasuah yang berleluasa menyebabkan penguatkuasaan tidak dapat dijalankan atas kilang-kilang sehingga kilang-kilang ini beroperasi secara haram dan terus menerus mencemarkan alam sekitar. Sekian mohon penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya setuju, sebab itu janganlah hutan Lojing di Kelantan terus dibotakkan. *[Tepuk]* Sebab ini juga melibatkan soal penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan hutan tadi saya katakan iaitu bahawa hutan bukan warisan nenek moyang. Dia dipinjam daripada anak cucu kita maka bila digunakan untuk mencari sumber, pulangkan balik kepada yang dipinjam iaitu nak cucu kita untuk kegunaan generasi akan datang. Sebab itu kalau pemikiran ini ada maka sudah tentulah tidak timbul soal kita merosakkan alam sekitar kita. Renjer-renjer sungai ini, mana perginya? Sungai-sungai kita katanya dulu adanya hendak wujudkan renjer, mana dia renjer? Sungai kita semakin tercemar.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit saja, terima kasih. Yang Berhormat Batu Pahat, saya ini tidak dapat maklumat yang jelas atau pun mendalam berhubung kata Lojing tadi dibotakkan. Macam mana boleh jadi botak itu? Apa yang telah dibuat sampai telah jadi botak dan apa tujuannya yang dibotakkan itu? Saya ingat Kerajaan PAS ialah kerajaan yang baik, pandai jaga

alam sekitar semua, hak rakyat dan sebagainya. Kenapa boleh jadi begini? Boleh bagi penjelasan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, pembalakan ini mesti dikawal dan kita tidak boleh sebenarnya bergantung semata-mata kepada pembalakan sebagai sumber hasil negeri. Galakkanlah pelaburan, cari sumber lain Singapura pun tidak ada hutan tapi boleh maju.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku tentang pembalakan, di Lojing ini semua *open secret* dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu kita biarkan hutan digondolkan...

Tuan Yang di-Pertua: Batu Pahat, kalau Ahli Yang Berhormat...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: ...sampai beruk pun lari ke Johor sebab dah tidak ada tempat nak bergantung, pokok semua dah tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu kasi laluan, nanti dulu Yang Berhormat kalau ada yang minta....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi Rantau Panjanglah.

Tuan Yang di-Pertua: Rantau Panjang. Ini sebagai ingatan kalau lain-lain Yang Berhormat ada yang minta penjelasan tolong tekan *button* itu kerana belum lagi saya hafal kawasan-kawasan Yang Berhormat. Apabila *you* tekan itu saya nampak di *monitor* kawasan mana, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih sahabat saya daripada Dewan Negara lagi dan sama-sama ke Dewan Rakyat.

Saya tertarik dengan apa yang disebutkan berkenaan dengan masalah dengan pembalakan yang di antara punca menyumbang kepada masalah pencemaran alam sekitar. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, sebenarnya isu yang berlaku di Kelantan yang di sebutkan masalah Lojing di sini sebenarnya berpunca daripada syarikat-syarikat yang telah diluluskan di zaman pemerintahan Barisan Nasional dan semua syarikat itu adalah milik Barisan Nasional. *[Tepuk]* Jangan selewengkan fakta dan saya ingin minta pandangan Yang Berhormat tentang di antara punca berlakunya pencemaran di antaranya ialah sikap rakyat dan masyarakat kita. Di antaranya ialah pengguna bahan-bahan plastik yang tidak mesra alam yang kita lihat berleluasa di sana sini. Apakah Yang Berhormat bersetuju mungkin kita perlu menggubal satu dasar supaya menghadkan penggunaan bahan-bahan yang menggunakan bahan plastik yang boleh membawa pada pencemaran yang begitu teruk terutama yang melibatkan kawasan sungai dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Tuan Yang di-Pertua, PAS ini memerintah sejak tahun 1990. Takkanlah sampai sekarang orang yang sama juga termasuk juga syarikat daripada Singapura itu yang mendapat konsesi balak ini. Saya tidak tahulah kalau konsesi balak ini diberi pada satu syarikat untuk selama 18 tahun.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Jadi saya cukup yakin sebenarnya bahawa apa yang berlaku ialah kerana ketidakupayaan kerajaan negeri mengawal apa yang berlaku di Lojing.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, yang tadi minta laluan lagi kalau.

■1650

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tak bagi laluanlah Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Kalau tidak, tak jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Dia tak bagi laluan, sila duduk.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya bila bercakap tentang alam sekitar ini, saya hendak menegur sedikit tentang Projek Pembinaan Empangan Kelau ini yang melibatkan laluan di Banjaran Titiwangsa sejauh 40 kilometer untuk membina terowong, yang kita tahu Banjaran Titiwangsa adalah merupakan pasak bumi untuk Malaysia. Jadi kalau sekiranya pasak bumi pun kita hendak bina terowong di bawah itu dengan keadaan kita terkejut beberapa gegaran gempa bumi yang sering berlaku di kawasan Bukit Tinggi. Apakah ini tidak membimbangkan kita bahawa sesuatu yang buruk akan berlaku di negara kita satu hari nanti?

Jadi sebab itulah saya mengharapkan dalam keadaan Selangor pun sekarang ini dia kata dia sudah banyak air, sebab itu hendak bagi air percuma dan sebagainya saya rasa dia sudah tak perlukan daripada Pahang. Jadi kalau boleh buat kajian EIA yang kedua yang sudah dibuat sembilan tahun lalu. Buat kajian EIA yang kedua, apakah jika kita bina juga terowong di bawah Banjaran Titiwangsa itu ia tidak akan membawa kesan buruk kepada alam sekitar kita, sebab kawasan ini Tuan Yang di-Pertua ia melibatkan Hutan Simpan Lakum, Skim Felda Kelau, Ladang Kuala Krau, Rizab Orang Asli Sungai Temir.

Satu kawasan yang luas dan ia membawa kesan kepada kualiti udara dan air, flora dan fauna dan membawa kesan kepada risiko banjir dan yang lebih bahaya Tuan Yang di-Pertua di kawasan rizab Lakum ini terdapat 88 spesies tumbuhan herba yang telah pun dikenal pasti.

Jadi kalau sekiranya bukan lagi ada keperluan dan ada alternatif membekalkan air daripada Perak, fikir pembekalan air daripada Perak. Kita bercakap dalam soal kita bimbang sebenarnya kesan yang lebih buruk kepada alam sekitar kita ini.

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada teman di belakang itu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sila Yang Berhormat Maran.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Maran.

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh Yang

Berhormat Batu Pahat tentang cadangan pembekalan air daripada Pahang ke Selangor ini. Dengan alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi nampaknya banyak masalah dari segi alam sekitar yang akan berlaku dan apatah lagi apabila Selangor diperintah oleh pembangkang ini, apakah Yang Berhormat bercadang dengan alasan tersebut untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya cadangan untuk membekalkan air daripada Pahang ke Selangor ini dibatalkan. Minta pandangan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sebab itu saya mencadangkan supaya cadangan pembinaan Empangan Kelau ini disemak semula dan oleh kerana Selangor pun macam sudah tak perlu, maka saya rasa lebih baik kita batalkan sebab saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, Banjaran Titiwangsa adalah pasak bumi. Bila pasak tak ada Tuan Yang di-Pertua memang runtuh, rumah akan runtuh. Dengan gejala gempa bumi yang sering berlaku sekarang ini. Mana dahulu kita pernah dengar Bukit Tinggi itu ada gempa bumi. Sekarang selalu berlaku sebab mungkin pasak buminya sudah lemah. Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Baru hendak sebut akhir. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Minta dua penjelasan. Yang pertamanya mengenai lojing tadi. Adakah Yang Berhormat Batu Pahat mencadangkan kepada kerajaan Kelantan supaya membatalkan perjanjian 99 tahun yang dibuat oleh kerajaan UMNO Kelantan dahulu dibatalkan untuk menghentikan proses lojing itu, yang mana nanti Yang Berhormat Rembau kata ini bertentangan dengan *sanctity of contract* pula. Jadi adakah Yang Berhormat Batu Pahat mencadangkan sedemikian? Kalau begitu kena buat cadangan yang konkritlah.

Yang keduanya mengenai air Selangor berulang kali Tuan Yang di-Pertua kita terlebih air. Ini bukan persoalan kita lebih air. Air diperlukan cuma kita hendak bagi kepada rakyat. Kita kerajaan berkebajikan. Jadi kalau cadangan tadi itu menghentikan saluran air daripada Pahang kalau ditakdirkan esok diperlukan pula, adakah kita cadang buat pula. Jadi macam mana kedudukan sebenar cadangan ini sama ada hendak dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat diteruskan ataupun tidak. Saya yakin Barisan Nasional bercadang untuk mengambil alih Selangor ini.

Beberapa Ahli: Mesti!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Mesti ya? Mestikan? Jadi lima tahun akan datang cadang pula oleh kerana kita memerintah kita buat pula salurannya balik. Jadi macam mana konsistensi kita dalam merancang pembangunan dalam negara kita. Dua persoalan tadi minta penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Bila saya bercakap tentang Empangan Kelau ia tidak melihat dari sudut siapa yang memerintah, tetapi bercakap atas dasar kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Cuma saya kata ia lebih mudah dalam keadaan kerajaan Selangor sekarang ini dia terasa mungkin sudah banyak air walaupun kita tahu dia akan berhadapan dengan krisis air. Sebab itu kalau hendak menjadi negara kebajikan pun ada cara lain yang tidak dilihat sebagai pembaziran. Sekarang ini pun sudah berlaku pembaziran. Saya sudah cakap tadi penggunaan

air 300 LPD *per liter per person per day*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kemudian bagi lagi air percuma 20 *cubic meter*. Buat apa? Hendak tunjuk negara kebajikan.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pontian di belakang minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kali ini saya bagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Batu Pahat disebut banyak kali tentang air di Selangor ini. Adakah pemberian air 10 meter padu kepada Selangor itu satu pembaziran ataupun satu bentuk rasuah sama ada ketara ataupun tidak ketara kerana rakyat Selangor mengundi mereka baru-baru ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu saya kata samalah macam Perak dan *Penang*. Bila dikecualikan bayaran saman letak kereta dan juga penjaja, rasuahkan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tentang isu yang terakhir mengenai...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...isu agama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam minta laluan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Kerajaan Barisan Nasional ini dia tak faham-faham. Orang hendak beri percuma tak bererti jumlah penggunaannya bertambah. Kalau sekarang orang pakai 10 juta meter padu dahulu semua kena bayar. Lepas ini guna juga 10,000 meter padu hanya tak perlu bayar semua. Ini tak hairanlah kerana Kerajaan Barisan Nasional tak pernah memberi apa-apa percuma lalu dia tak faham-faham, dan apabila kita beri percuma kepada rakyat dia sentiasa melihat sebagai satu pembaziran dan apabila diberikan percuma kepada saman-saman dan sebagainya yang dibatalkan dia lihat sebagai rasuah.

Rasuah ini tuan-tuan beri pada orang yang tak berhak menerima. Kalau kita beri kepada rakyat, yang mana kerajaan memang dia bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan rakyat itu bukan rasuah. Itu berkebajikan. Rasuah ini seperti mana yang saya sebutkan tadi yang masih tak jelas mungkin bagi Yang Berhormat Batu Pahat apabila diberikan RM500 juta komisen dalam soal penjualan kapal selam. Ini rasuah. *[Tepuk]* Pembaziran begitu juga. Saya harap...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya harap dengan ini pihak Yang Berhormat daripada Batu Pahat boleh memahami dan tidak akan lagi menimbulkan persoalan-persoalan yang mengelirukan. Ini zaman politik yang baru. Zaman politik di mana kerajaan adalah bertanggungjawab untuk membela rakyat dan bukan mengenakan cukai dan menekan rakyat untuk menjamin kehidupan yang mewah bagi pemimpin-pemimpin yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya harap Yang Berhormat faham dan boleh setuju. Terima kasih. Itu soalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Batu Pahat menjawab ini sebagai ingatan kepada Ahli Yang Berhormat. Dalam sewaktu kita mengganggu untuk minta penjelasan, setahu saya peraturan mesyuarat cuma membolehkan kita untuk tanya soalan. Jangan gunakan ketika itu untuk berucap seolah-olah berbahas. Gunakan perbahasan itu nanti kalau sudah datang giliran Yang Berhormat untuk membahas Titah Diraja. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rasuah boleh datang apabila kita menjadikan sesuatu itu sebagai satu amalan. Sebab itulah dalam kes di Pulau Pinang, di Perak bahkan di Selangor pun pengamal-pengamal undang-undang membangkitkan ini tidak betul. Habis orang yang sudah bayar saman sebelumnya apa jadi dan yang bayar saman itu pun bukan kira orang miskin, orang senang dan sebagainya.

■ 1700

Dalam kes air di Selangor, bukankah lebih rasional dikenakan bayaran minimum sebab daripada bagi air percuma 20 *cubic meter* ini, lebih baik kenakan bayaran minimum, RM5 katakan. Walaupun diselamatkan RM11 katakan, bayarkan minimum RM5. Saya rasa itu lebih rasional sebenarnya berbanding dengan 20 *cubic meter* ini. Itu yang saya katakan bahawa amalan-amalan pembaziran ini pun kalau nak dilihat pandangan daripada seorang penulis mengenai dengan rasuah, Syed Hussein Al-Attas dia kata, ini juga sebenarnya selain daripada *blackmail* dan sebagainya, ini juga dikatakan sebagai rasuah, pembaziran ini.

Jadi sebab itulah saya berharap. Bukan kita tidak faham dengan soal-soal negara kebajikan. Saya fikir dalam keadaan yang ada sekarang ini, banyak cara lain tetapi bila kerajaan bagi pendidikan percuma, bantuan biasiswa, bantuan makanan dan sebagainya, semua dikatakan ini sebagai bukan kebajikan...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, silakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat hendak cadang supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Ketua Menteri Pulau Pinang dan juga yang lain-lain supaya buat satu peruntukan penyokong-penyokong BN tidak boleh dapat percuma, mereka kena bayar, takut nanti rasuah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya baca kenyataan Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Menteri Besar Selangor, dia kata, kita akan tengok dulu janji-janji tersebut dengan keadaan semasa sekarang ini, tentang kenaikan harga dan sebagainya, mungkin kita tangguh dululah. Itulah, cepat sangat buat janji, tak kira apa dan sebagainya, sekarang tak terbuat...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dengan izin.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang isu agama ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuantan minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sila Yang Berhormat Kuantan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Kuantan, saya cuma ingin ingatkan. Ahli Yang Berhormat, ini cuma pembahas yang kedua. Kita ada beberapa hari lagi. Yang Berhormat Ipoh Timur belum bercakap, Yang Berhormat Kepong belum bercakap, Yang Berhormat Bachok belum bercakap. Jadi jangan terlampau panjang *interruption* ini kerana Ahli-ahli yang lain itu ramai yang *first timer*, 99 orang, jadi semua ini mahu bercakap. Nanti kena bagi 15 minit waktu itu, ada nanti Yang Berhormat yang marah kenapa tidak cukup masa. Sebagai ingatan. Silakan.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya ingin membawa perbincangan Yang Berhormat Batu Pahat tadi berkenaan beberapa isu tadi, isu rasuah, isu pencemaran alam sekitar, pembaziran air dan berkenaan dengan penggunaan wanita sebagai pengedar dadah.

Yang Berhormat Batu Pahat bercakap berkenaan dengan dasar, bagaimana kita boleh memperbaiki dan menyelesaikan masalah-masalah yang dibahaskan tadi dengan memperbaiki dasar-dasar dan polisi-polisi yang kita gunakan. Oleh sebab kita ini daripada perspektif, latar belakang yang berbeza, tentu sekali cara berfikir kita berbeza. Sebab itulah sekiranya kita melihat Selangor menjadi negeri kebajikan dengan memberi air percuma, Yang Berhormat Batu Pahat dan mungkin rakan-rakan di sana melihat ini sebagai rasuah. Ini berpunca daripada cara kita berfikir.

Akan tetapi Yang Berhormat Batu Pahat, soalan saya di sini ialah adakah kemungkinan Yang Berhormat *overlook* ataupun terlepas pandang kepada punca yang sebenar kepada semua permasalahan ini. Pada pandangan saya, punca yang sebenar ataupun penyebab kenapa ada masalah-masalah ini adalah sikap masyarakat, sikap manusia, sikap pengguna. Apa pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat berfikir bagaimana kita boleh membetulkan sikap manusia ini? Apakah penyelesaian yang sebenar yang boleh menyelamatkan negara kita Malaysia? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu saya kata tadi bahawa, memang isu sikap dan sebagainya tetapi kalau kita membiarkan, menyediakan satu ruang yang membentuk sikap mereka jadi begitu, semakin membazir dan sebagainya, maka itu saya kata tadi bahawa puncanya kita juga, sedangkan patut cari cara lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir ini, isu agama. Ini yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya janji yang terakhir. Isu agama ini, saya lebih banyak nak menyentuh tentang soal peranan, pendakwaan di Mahkamah Syariah. Saya fikir sudah sampai masanya kerajaan memikirkan tentang mewujudkan Jabatan Peguam Syarie ini. Melalui Jabatan Peguam Syarie yang setaraf dengan Jabatan Peguam Negara, maka ini akan meningkatkan lagi peranan Mahkamah Syariah di negara kita ini supaya lebih berwibawa termasuklah penggunaan cara-cara yang saintifik di dalam pendakwaan seperti DNA dan sebagainya. Jadi kredibiliti Mahkamah Syariah itu akan lebih meningkat sebenarnya.

Saya fikir perkara ini adalah satu keutamaan sekarang ini. Ini bukan soal kita hendak menafikan. Tadi juga disebut tentang kebebasan beragama. Apa yang kita minta ini adalah apa yang termaktub di dalam perlembagaan. Saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang dalam soal kebebasan beragama. Kita mesti memberikan kebebasan kepada semua kaum mengamalkan anutan agama masing-masing dan tidak ada paksaan dalam agama. Paksaan dalam agama ini maksudnya kita tidak boleh paksa bukan Melayu masuk Islam dan sebagainya tetapi bila dia memasuki Islam, memeluk Islam maka sudah tentulah dia terikat dengan perundangan Islam. Inilah kebebasan beragama kerana dia sudah pun memeluk Islam...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Balik Pulau minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sila.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Batu Pahat, acap kali mengatakan mengenai kuasa pendakwaan. Dan sepanjang pengetahuan saya dan saya memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Batu Pahat, adakah Yang Berhormat bermaksud supaya kuasa yang diperuntukkan di bawah Artikel 145 itu kepada pendakwa raya itu dikaji kerana seolah-olah secara teorinya, beliau bukan seorang *the most powerful man* dalam perlembagaan kerana budi bicara beliau itu tidak boleh dipertikaikan melainkan terdapat perkara-perkara tertentu, yang saya katakan *mala fide* ya.

Jadi sekarang ini dibincangkan mengenai untuk diwujudkan kuasa pendakwaan kepada dalam yang lain iaitu Undang-undang Syarie. Adakah ia akan mengganggu peruntukan Perkara 145 itu kerana ia juga merujuk mengenai kedudukan agama Islam di peringkat negeri. Jadi mungkin boleh dijelaskan di sini kerana ada aspek lain mengenai pendakwaan kerana satu ketika Tuan Yang di-Pertua, pendakwaan itu telah menimbulkan pelbagai kecurigaan kerana kes-kes yang berprofil tinggi telah tidak..., kita panggil *end result* ia itu tidak memberi satu keyakinan, keadilan seperti apa yang dituntut kerana kes berprofil tinggi itu akhirnya *acquittal*, walaupun satu kes..., saya tidak hendak sebutkan di sini, rata-rata telah katakan bahawa kepercayaan terhadap sistem pendakwaan itu dipertikaikan. Dan di sini ditimbulkan lagi mengenai isu pendakwaan Undang-undang Syarie. Jadi adakah yang dirujuk kepada pokok itu juga peruntukan Perkara 145 di dalam perlembagaan? Mohon penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, isu yang sering kita hadapi sekarang ini ialah tentang peranan Mahkamah Syariah dan saya pernah menyebut bahawa kita sudah meminda Perlembagaan 121(1A) iaitu sebarang keputusan Mahkamah Syariah tidak lagi boleh dicabar oleh Mahkamah Sivil. Sebab itulah saya merasakan, perlunya Jabatan Peguam Syarie ini diwujudkan supaya meningkatkan keupayaan pendakwaan di Mahkamah Syariah ini. Soal penyelarasan antara kerajaan-kerajaan negeri ini, saya yakin bahawa perkara ini boleh dilaksanakan jika sekiranya kita serius sebenarnya untuk meningkatkan keupayaan dan keadilan Mahkamah Syariah itu sendiri sebenarnya.

Saya yakin bahawa perkara-perkara seperti ini juga menarik perhatian kepada semua pihak supaya nanti tidak mendatangkan sebarang imej buruk kepada Islam itu sendiri sebagai agama yang boleh membawa keadilan kepada semua pihak.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara agama ini dan ada dibangkitkan beberapa isu yang cukup sensitif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap soal agama, selain daripada perkara berhubung dengan Mahkamah Syariah dan Sivil, saya minta penjelasan, daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat berhubung dengan tuduhan daripada salah seorang wakil rakyat daripada parti pembangkang pagi tadi yang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional ini tidak memberi kebebasan kepada orang-orang Islam untuk menjalankan dalam bidang pengamalan agama Islam. Ini memberi contoh soal masjid dikawal, surau dikawal dan sebagainya. Bagaimana boleh timbulnya tuduhan ini Yang Berhormat?

Setujukah dengan tuduhan ini yang mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini tidak memberi kebebasan dan tidak memperjuangkan Islam? Manakala Barisan Nasional inilah yang dahulunya PERIKATAN yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi negara kita ini. Tidak ada pihak yang lain selain daripada kerajaan hari ini. Kerajaan dahulu dan kerajaan hari ini yang menegakkan agama kita, bukan daripada parti pembangkang. Selain daripada itu, Kerajaan Barisan Nasional telah memakmurkan negara ini dan juga menyelamatkan umah orang-orang Islam di negara kita ini dan orang bukan Islam.

Keselamatan ini terjaga dan juga soal memajukan ilmu dan pengetahuan umat Islam sehingga kita diiktiraf sebagai negara Islam yang menjadi contoh kepada dunia dibandingkan dengan Arab Saudi, dibandingkan dengan negara-negara Timur Tengah. Tidak perlu ketawa, perkara ini hakikat. Mungkin parti pembangkang tidak ada iktiraf, tetapi siapa parti pembangkang, kalau dibandingkan dengan dunia Islam Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalan saya bagaimana komen atau penjelasan Yang Berhormat bagi Batu Pahat dalam hal ini. Bersetujukah bahawa parti pembangkang ini lebih cerdik daripada pemimpin-pemimpin dunia Islam peringkat antarabangsa yang mengiktiraf peranan kita yang kita mainkan selama ini, tetapi diperkecil-kecilkan oleh parti pembangkang? Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Salak...

Tuan Yang di-Pertua: Wah! Yang Berhormat bagi Batu Pahat hari ini, macam menteri ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila,

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini macam menyindir sahaja Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Soalan-soalan ini seolah-olah macam Yang Berhormat ini menteri, tetapi jawapan itu saya selesa dengar, sila teruskan. [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dua perkara yang berbeza apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi, tetapi saya fikir bahawa dari segi kerajaan sendiri, pelaksanaan Islam banyak pencapaian walaupun ada kekurangan yang masih perlu ditingkatkan. Banyak pencapaian satu dalam bidang ekonomi perbankan, dalam soal syiar Islam, dalam soal Mahkamah Syariah dan sebagainya.

Kita tidak boleh menafikan bahawa banyak cabaran dan kekurangannya, terutamanya dalam soal kita hendak berhadapan dengan soal moral, akhlak dan sebagainya, kebebasan yang keterlaluan. Kadang-kadang kita juga perlu menegur televisyen yang tidak membantu dari segi membina satu masyarakat yang bermoral. Itu kita tidak boleh nafikan, tetapi dari segi pencapaian, pelaksanaan Islam dari negara kita yang berhemah ini sudah terlalu banyak sebenarnya dan memang banyak yang ingin dicontohi, contohnya dalam soal perbankan.

Namun apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, soal masjid tadi. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita mesti akui dan kalau boleh cuba nafikan iaitu apakah apabila di Perak itu Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam mahu ditukar semata-mata barangkali ialah tidak dapat menukar jawatankuasa masjid, surau, iman-iman dan sebagainya yang pro kepada pembangkang. Sebab mereka sudah berkuasa.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, perkaranya sama sahaja, masing-masing mahu menggunakan kuasa. Apa pun saya, kalau menyentuh tentang ISA Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang berlaku ialah yang perlu kita tentang dan perbetulkan sekarang ini ialah soal menyalahgunakan kuasa terhadap ISA itu. Itu yang perlu kita perbetulkan, tetapi dari segi ISA sebenarnya masih diperlukan, saya minta maaf daripada Ketua Parti Pembangkang...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang di hadapan itu bagi laluan ke tidak?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya sebenarnya tajuk agama tadi cuma hendak... saya pun sudah tersasul Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Minta maaf Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu saya kata, yang perlu kita perbetulkan dari segi salah guna kuasa, betulkah maksudnya ISA ini digunakan untuk kepentingan politik? Bagi saya ISA adalah bertujuan untuk pengasingan supaya orang yang degil ini bawa ke mahkamah pun tidak ada makna, kita asingkan supaya reda keadaan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Wah! Sudah empat yang berdiri. Yang Berhormat bagi Rembau pun sudah berdiri.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mereka duduk di situ pun sebenarnya bebas, boleh tengok TV, boleh baca surat khabar.

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mungkin saya bagi...

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Bachok.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bachok. Mana?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat bagi Bachok.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan topik agama yang disebut oleh sahabat saya dari Batu Pahat, sebut tentang sudah tentulah dalam ajaran agama, keadilan ataupun tuduhan terhadap sesuatu kesalahan itu harus dibawa ke muka pengadilan ke dalam mahkamah terbuka. Dalam topik agama juga disentuh tentang ISA. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau ada pun tuduhan terhadap berpuluh-puluh orang yang sedang ditahan di bawah ISA sekarang ini dibawa mereka ini ke muka pengadilan di mahkamah terbuka, sebab tidak tahulah saya kalau sebahagian daripada ajaran dalam Islam Hadhari ini membenarkan orang yang ditahan tanpa bicara. *[Tepuk]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil contoh pada zaman Sayidina Othman pun berlaku pengasingan ini. Diletak di padang pasir, dia tidak ada salah apa pun tetapi hendak jaga ketenteraman awam. Pada zaman Sayidina Omar ada seorang pemuda yang kacak. Ramai wanita yang tergila-gila dengan dia. Sehingga boleh menimbulkan huru-hara. Maka Sayidina Omar panggil pemuda ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Shah Alam, boleh tidak Yang Berhormat bagi Batu Pahat bagi *complete* jawapan dia itu? Saya mahu dengar cerita yang pemuda tampan yang disukai ramai itu. Kita habiskan dahulu itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tetapi mesti ditentukan dari sumber yang sahih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya selepas ini mungkin dia akan bagi laluan. Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Pemuda tampan ini dipanggil Tuan Yang di-Pertua, sebab ramai wanita yang tergila-gila dengan dia. Dipanggil oleh Sayidina Omar dan dibotakkan kepalanya supaya dia tidak lagi nampak *handsome*. Akan tetapi rupanya Tuan Yang di-Pertua, apabila dibotakkan dia semakin *handsome*. *[Ketawa]* Orang semakin gila dengan dia. Sayidina Omar tidak ada pilihan lain, dia dibuang daerah, demi menjaga ketenteraman awam. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Apa salah dia? Dia *handsome* itu anugerah Tuhan. Ini kebijaksanaan, sebab itu saya bersetuju...

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketenteraman awam pada ketika itu, yang mengamuk itu kaum wanitakah atau kaum bapak? Atau kedua-duanya? *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Wanita. Ini berlaku di mana-mana Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kata, yang kita tentang kalau disalah gunakan ISA...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Pohon laluan. Yang Berhormat bagi Batu Pahat mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Parit Buntar di belakang mohon laluan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sudah banyak kali minta, tidak bagi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sila sahabat baik saya Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

■ 1720

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Pertama saya ingin minta penjelasanlah, menyebut bahawa Islam itu memainkan peranan yang penting dalam negara. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bachok tadi bahawa kaedah perundangan Islam yang dikenali sebagai... [*Istilah dalam bahasa Arab*]. *Innocent until proven guilty* itu adalah merupakan satu 'maxim' yang tinggi yang diagungkan. Jadi bagaimana *contradict*nya pendapat Yang Berhormat Batu Pahat yang menyatakan peranan Islam ini dan sebagainya dan pada waktu yang sama dia menyokong ISA yang bertentangan dengan *maxim* tersebut.

Yang kedua, penjelasan terhadap kisah dalam zaman Sayidina Omar ini, saya belum bertemu lagilah, adakah dia *Israeliah* ataupun sekadar cerita untuk mengukuhkan hujah dia dan saya minta supaya isu itu tidak dikaitkan dengan ISA kerana perkara itu seperti kata kaedah syarak [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Iaitu satu perbandingan yang tidak sama dengan kita bincangkan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak nak lah berhujah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam di depan. Yang kamu berdepan itu Yang Berhormat Shah Alam tanyalah dia kalau dia beri laluan ke tidak?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tanya terus ya?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua saya tidak beri laluanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak mahu beri laluan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Banyaklah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin di dalam Islam itu ada kaedah yang disebut [*Bercakap dalam bahasa Arab*] kepentingan umum itu kadang-kadang mengatasi kepentingan individu. Memanglah dia tidak ada salah apa tetapi kerana hendak menjaga kepentingan umum. [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Masalah umum ini. Maka sebab itu Tuan

Yang di-Pertua, kita juga boleh merujuk kepada peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku dan saya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini saya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...pendirian saya tidak jelas Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...oleh kerana berhubung dengan Islam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...saya perlu minta izin untuk memberi penjelasan. Kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam. Menurut Peraturan Mesyuarat kita, apabila dia beri laluan barulah saya boleh benarkan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya. Kerana ini mencemar nama baik Islam. Ini mencemar nama baik Islam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat mahu beri laluan?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...di Dewan yang mulia, ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu *conscience* dengan izin yang ada pada diri saya cukup jelas. Kita menentang penyalahgunaan kuasa. Jadi kalau dalam soal Hindraf sekali pun, Tuan Yang di-Pertua tujuannya adalah untuk menjaga ketenteraman awam dan bagi saya ini adalah perkara yang cukup jelas kenapa ISA ini terus diguna pakai dan tidak ada sesiapa pun yang menentangnya baik ketika berkuasa dahulu pun mampu membuangnya, bahkan berkata nasib baik untuk terus digunakan dan saya menggunakan hujah yang sama iaitu jangan disalah gunakan untuk tujuan politik dan sebagainya. Itu cukup jelas.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Serdang.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya berilah Yang Berhormat Kubang Kerian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. ISA ini masalah sejagat. Kezaliman yang tidak boleh dimaafkan oleh umat yang bertamadun. Ini prinsip asas kita sebagai manusia kalau kita ini mengaku kita sebagai manusia. Saya bimbang Yang Berhormat Batu Pahat, mungkin termakan ataupun terpengaruh dengan teori *Machiavelli*. Jangan kita jadi *mechavalon*. *The 'ask' justifies the means*. Matlamat itu menghalalkan cara sedangkan Islam tidak pernah menganggap manusia ini sebagai abdi. [Membaca sepotong ayat Al-Quran]. Itu matlamat manusia itu dibangkitkan. Jadi saya rasa untuk kita mengizinkan penahanan tanpa bicara ini, ini bukan satu ajaran manusia yang bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu kenapa ketika rang undang-undang ini dibawa ke Parlimen, di Parlimen ini untuk diluluskan ISA ini, Presiden Pas ketika itu juga turut menyokong ISA ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu saya kata bahawa ISA ini sama dengan dulu iaitu...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...pertahanan tanpa bicara.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Batu Pahat minta laluan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ada Peraturan Mesyuarat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Empat orang sudah berdiri. Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Pasir Mas...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Peraturan mesyuarat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya beri Yang Berhormat Rembau.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Point of order.* Nombor 26(1)(p).

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order.*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: 26(1)(p). Saya minta...

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: 26(1)(p).

Tuan Yang di-Pertua: 26.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: (1)(p).

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila baca.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Batu Pahat beri suatu fakta dan bukti, betul ke Presiden Pas pada waktu menyokong ISA? Kalau tidak dia *mislead the House* dengan izin. Jadi saya minta benda ini diperjelaskan dan saya minta ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong usul ini, sila bangun.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ini, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau umpamanya Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi itu daripada Batu Pahat, saya dengar dulu apa jawapan dia, boleh? Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut pemimpin itu maksudnya ialah Ahli Parlimen Pas yang ada di Parlimen.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Tadi Yang Berhormat menyebut Presiden Pas.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu. Sekejap, sekejap. Apa tadi Yang Berhormat Batu Pahat?

Beberapa Ahli: Tarik balik.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya sebut pemimpin Pas itu maksudnya Ahli Parlimen Pas.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Tadi dia menyebut Presiden Pas.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Presiden, presiden.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dulu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kalau saya sebut presiden saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dulu. Tarik baliklah Yang Berhormat kalau umpamanya tidak ada...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya sudah sebut. Saya tarik balik kalau saya tersebut presiden.

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah, dia tarik balik. Tidak payahlah usul. Ya, sila teruskan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba... Nanti dulu Yang Berhormat Pontian. Kalau umpamanya dalam masa sesi perbahasan kerana semua yang disebut itu pun masuk dalam hansard. Hati-hati mengeluarkan fakta yang mengelirukan Majlis. Sila sambung.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Rembau dahulu.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Batu Pahat. Saya amat setuju bahawa asas ataupun rasional bagi Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun ISA ini masih lagi kukuh, tambah lagi setelah dunia pasca September 11 ini telah banyak negara yang menggubal akta-akta ataupun undang-undang yang menghalalkan penahanan tanpa perbicaraan. Seperti mana yang terkandung dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri tetapi saya juga setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat yang mengatakan bahawa kita perlu memastikan bahawa tidak ada penyalahgunaan kuasa apabila Akta ISA ini dikuatkuasakan oleh Menteri Dalam Negeri. Jadi soalan saya adalah, apakah cadangan ataupun langkah-langkah yang kukuh yang perlu, yang boleh kita ambil untuk memastikan bahawa tidak ada *abuse of power* dalam pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kata bahawa jika sekiranya, jika sekiranya keadaan kembali reda, maka seseorang yang ditahan di bawah ISA ini, pertama janganlah kerana dia itu ditahan kerana faktor dia itu faktor politik. Faktor politik tetapi jikalau sekiranya dia terus juga mengadakan

perhimpunan dan boleh menimbulkan keresahan, boleh menimbulkan apa yang dipanggil sebagai pergaduhan, maka...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...wajar ISA itu digunakan untuk membuat pengasingan kepada dirinya terlebih dahulu dan dia Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa dia tidak boleh ditahan lama. Takkan lah sampai enam tahun dan sebagainya. Yang ini kita tidak setuju kalau terus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu beri laluan?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Saya mangsa ISA. Isu penyalahgunaan kuasa, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa memang berlaku selama ini penyalahgunaan kuasa untuk menahan orang-orang yang menjadi musuh politik kepada kerajaan yang memerintah? Saya tunjuk contoh dalam Operasi Lalang yang membabitkan saya, Yang Berhormat Kepong dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur dan beberapa orang lagi yang pada waktu itu ialah krisis yang berlaku ialah krisis kepercayaan kepada kepimpinan UMNO dan juga kepada kepimpinan MCA pada waktu itu.

Saya kira bahawa yang terlibat dalam melakukan mobilisasi terhadap kaum masing-masing pada waktu itu ialah di kalangan pemimpin UMNO termasuk Timbalan Perdana Menteri yang ada sekarang dan juga bekas Timbalan Presiden dan Setiausaha Agung MCA pada waktu itu Datuk Lee Kim Sai tapi akhirnya yang menjadi mangsa untuk dihumban ke dalam kem tahanan Kemunting ialah kami tetapi kedua mereka ini diberi cuti rehat di Australia. Adakah ini menunjukkan bahawa berlaku pewujudan penyalahgunaan kuasa terhadap ISA pada waktu itu? *[Tepuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan sikit sahaja. Sikit sahaja. Pembetulan fakta. Saya juga bersama dengan Yang Berhormat, juga ditahan semasa Operasi Lalang tapi kalau Yang Berhormat kata Operasi Lalang itu berlaku disebabkan hilangnya kepercayaan kepada kerajaan, tak betul. Peristiwa yang berlaku pada masa itu ialah timbulnya rasa resah di antara kaum disebabkan adanya pihak yang mempersoalkan orang Melayu sebagai peribumi di dalam negara kita ini dan kita Pemuda UMNO berhimpun di TPCA adalah untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak saya membetulkan fakta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...tidak ada peruntukan untuk *point of* penjelasan atas *point of* penjelasan. Tak ada...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini fakta *misleading* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Misleading.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak tolong...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau boleh, ini fakta. Ini tak betul, ya. Jadi jangan mengelirukan Dewan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi saya pun terpaksa duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, dia mengaku bahawa memang wujud pada waktu itu penglibatan UMNO dalam melakukan isu-isu perkauman.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu. Sila duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kenapa Pas, kami tidak terlibat pada waktu itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua boleh sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak sila duduk. Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk berbahas hari ini sudah sampai. Jadi kalau pun saya panggil Yang Berhormat Batu Pahat untuk jawab dia boleh jawab. Kalau tidak mahu jawab sambung pada hari esok, boleh? Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini tangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok, 6 Mei .

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.